ekuinas

EKUITI NASIONAL BERHAD

# MEMACU POTENSI

Tunggak di sebalik prestasi kami
adalah pemacu kami untuk maju ke hadapan.
Ianya utuh. Berkesinambungan. Berkelainan.

LAPORAN TAHUNAN 2015

# BUDAYA KAMI.

Kami berbeza. Bagaimana kami melihat sesuatu, cara kami bekerja, penstrukturan kami — semuanya menyatakan tertanamnya **pegangan yang kuat kepada kepercayaan dan keutamaan yang sejajar**, seterusnya menjadi teras yang memacu kejayaan yang dicapai. Ternyata, budaya itulah tunjang di sebalik kejayaan kami.

# / VISI & MISI /

V

## - VISI -

Untuk menjadi syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian bertaraf dunia

M

## - MISI -

Untuk melahirkan generasi syarikat peneraju Malaysia yang seterusnya, di samping menggalakkan penglibatan Bumiputera dalam ekonomi secara saksama, efektif dan mampan

# KEPENTINGAN BUDAYA.

Ianya logik yang mudah: Budaya mendorong tingkah laku. Tingkah laku memacu kejayaan. Kejayaan penting kepada semua. Oleh itu, budaya adalah penting. Apa itu budaya? Ia adalah suatu sistem kepercayaan yang dikongsi bersama. **Kepercayaan ini dan kekuatan terhadap kepercayaan inilah yang akan menentukan kekuatan dan ketersebaran sesuatu budaya itu.** Jika dilihat, budaya Ekuinas sememangnya mempunyai kekuatan tersendiri. Warga kerja Ekuinas berkongsi enam nilai utama, iaitu kepercayaan yang jelas dan mudah: Kami percaya dalam melakukan sesuatu melebihi sasaran. Kami didorong secara komersial dan berdisiplin dalam perniagaan untuk mewujudkan nilai. Kami berpaksikan merit dan ganjaran berdasarkan prestasi. Kami percaya bahawa sebahagian besar kejayaannya bergantung kepada semangat keghairahan dalam melaksanakan tugasan untuk mencapai kecemerlangan. Kami fokus dalam usaha untuk mencapai objektif kami, percaya pada sikap rendah diri dan berpegang teguh pada asal-usul kami serta menyedari bahawa kita semua mempunyai matlamat yang lebih tinggi. Budaya dan kepercayaan kami dikongsi bersama oleh seluruh organisasi dan ianya penting sebagai tunjang dalam mencapai prestasi yang cemerlang.

# / NILAI-NILAI SYARIKAT /

1

DIDORONG SECARA KOMERSIAL

Kami mengamalkan disiplin komersial yang tinggi untuk mewujudkan nilai

2

PRESTASI TINGGI

Kami sentiasa berusaha untuk mencapai lebih daripada sasaran

3

BERDASARKAN MERIT

Kami mengiktiraf dan memberi ganjaran hanya berdasarkan prestasi

4

BERSEMANGAT

Kami bersemangat dalam menjalankan tugas kami untuk mencapai lebih daripada yang diharapkan

5

FOKUS

Kami sentiasa fokus dalam usaha untuk mencapai objektif kami

6

RENDAH DIRI

Kami berpegang teguh kepada asal usul kami

# WARGA KERJA EKUINAS.

Warga Ekuinas yang membezakan kami dengan yang lain. Mereka adalah tunjang kepada kejayaan kami. Satu manifestasi utama bagi budaya syarikat adalah sikap kolektif warga kerjanya. **Warga Ekuinas mencapai kemajuan dalam persekitaran yang sentiasa berubah**, mereka menerima dan memanfaatkan kebolehan dan keupayaan mereka, dan yang paling penting, mereka semua berkongsi satu matlamat yang sama.

Pembangunan Modal Insan kami menitikberatkan pengambilan bakat terbaik, yang membolehkan mereka menggunakan kemahiran dan pengetahuan dalam persekitaran yang menggalakkan mereka menjadi lebih baik. Di Ekuinas, sebahagian daripada DNA kami menuntut kami sentiasa mencari jalan mewujudkan nilai bagi pihak berkepentingan. Kunci kejayaannya bermula dari sikap yang betul, yang sudah tentunya datang dari aset yang paling penting, iaitu warga kerja kami.

# / MENGENAI KAMI /

**Ekuiti Nasional Berhad, atau Ekuinas, adalah sebuah syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian yang ditubuhkan oleh kerajaan Malaysia pada 1 September 2009 untuk menggalakkan pegangan ekuiti dan penglibatan Bumiputera di dalam sektor ekonomi menerusi penubuhan syarikat-syarikat peneraju generasi baru di Malaysia.**

## BAGAIMANA EKUINAS BEROPERASI?

Berdasarkan model ekuiti persendirian (PE):

- pelaburan dalam syarikat berpotensi tinggi
- mengembangkan syarikat secara agresif
- menjual kembali ekuiti setelah syarikat menjadi besar dan meneraju pasaran

## OBJEKTIF UTAMA

### Objektif Kewangan

Menggalakkan penginstitusian ekuiti Bumiputera

Sasaran pulangan:
Min IRR 12% setahun,
Sasaran aspirasi IRR 20% setahun

### Objektif Sosial

Menggalakkan penglibatan ekonomi Bumiputera

- Pemilikan ekuiti
- Pengurusan
- Peluang pekerjaan
- Mewujudkan nilai di seluruh rantaian bekalan

## KAEDAH PENTING

### Pelaburan Langsung

Pelaburan secara langsung

Pelaburan *buy-out* dan '*controlling stake*'

### Program Penyumberan Luar

Modal diperuntukkan kepada Pengurus Dana penyumberan Luar (OFM) untuk tujuan pelaburan

OFM perlu menarik modal luaran

Fokus kepada pelaburan modal pertumbuhan

## KUMPULAN UTAMA

### Usahawan

Membantu usahawan dengan modal risiko

Meningkatkan keupayaan dengan penyeliaan profesional

### Pengurusan Profesional

Peluang kepada pengurus berkaliber untuk mendapatkan Skim Insentif Ekuiti berdasarkan prestasi

# KANDUNGAN


## 01 RINGKASAN TAHUNAN

- Sepintas Lalu 2015 10
- Maklumat Penting Kewangan 2015 12
- Sorotan Kewangan 2010-2015 20
- Dinamik Pasaran Ekuiti Persendirian di Asia Pasifik dan Malaysia oleh Bain & Company 22
- Perutusan Pengerusi 28
- Ulasan Ketua Pegawai Eksekutif 31

## 02 KEPIMPINAN

- Struktur Korporat 40
- Maklumat Korporat 42
- Struktur Organisasi 43
- Lembaga Pengarah 44
- Pengurusan Kanan 53

## 03 PRESTASI

- Laporan Prestasi Pelaburan 56

## 04 TADBIR URUS KORPORAT

- Penyata Tadbir Urus Korporat 92
- Penyata Pengurusan Risiko Dan Kawalan Dalaman 105
- Laporan Jawatankuasa Audit Dan Pengurusan Risiko 112
- Dasar Pendedahan 116

## 05 HAL EHWAL PIHAK BERKEPENTINGAN 120

## 06 LAPORAN PORTFOLIO 127

## 07 GLOSARI 141


Imbas kod QR ini untuk
melayari laman web rasmi Ekuinas



# 01

# RINGKASAN TAHUNAN



Menerusi tujuh institusi pendidikan di Malaysia dan Sri Lanka, yang menyediakan pembelajaran secara menyeluruh kepada hampir 35,000 pelajar di 21 kampus dalam pasaran pendidikan K-12 (rendah dan menengah) dan pengajian tinggi, ILMU berharap agar dapat mewujudkan pengalaman pembelajaran yang akan memberi peluang kepada para pelajar untuk merealisasi potensi mereka sepenuhnya dan seterusnya memberi impak dalam kehidupan mereka.

# SEPINTAS LALU 2015

## PRESTASI PELABURAN

### DIRECT TRANCHE I

| PRESTASI PELABURAN | IRR KASAR | IRR BERSIH |
|---|---|---|
| RM 591.3 JUTA | 14.8% setahun | 10.9% setahun |

### DIRECT TRANCHE II

| PRESTASI PELABURAN | IRR KASAR | IRR BERSIH |
|---|---|---|
| RM 133.3 JUTA | 13.0% setahun | 5.7% setahun |

### OUTSOURCED TRANCHE I

| PRESTASI PELABURAN | IRR KASAR | IRR BERSIH |
|---|---|---|
| RM 52.2 JUTA | 6.3% setahun | 5.0% setahun |

## JUMLAH KUMULATIF PORTFOLIO PELABURAN

### BILANGAN PELABURAN PELABURAN LANGSUNG DAN PROGRAM PENYUMBERAN LUAR

JUMLAH

45

### PELABURAN LANGSUNG

26

### PENYUMBERAN LUAR

19

### JUMLAH PELABURAN KOMITED OLEH EKUINAS

JUMLAH MODAL DILABUR

RM 2.8 BILION

### JUMLAH KEMASUKAN MODAL KE DALAM EKONOMI NEGARA, BERSAMA-SAMA DENGAN RAKAN PELABUR SWASTA

RM 3.4 BILION

## 01 RINGKASAN TAHUNAN

# SEPINTAS LALU 2015

### PRESTASI OBJEKTIF SOSIAL – GABUNGAN PELABURAN LANGSUNG DAN PROGRAM PENYUMBERAN LUAR

/ PENINGKATAN DALAM EKUITI BUMIPUTERA /

RM 3.7 BILION

1.6 KALI GANDA MODAL DILABUR

/ PENINGKATAN DALAM JUMLAH NILAI PEMEGANG SAHAM /

RM 4.7 BILION

2.1 KALI GANDA MODAL DILABUR

/ PENINGKATAN PENGURUSAN BUMIPUTERA SEJAK KEMASUKAN EKUINAS DI DALAM SYARIKAT /

12.7%

/ PENINGKATAN KAKITANGAN BUMIPUTERA SEJAK KEMASUKAN EKUINAS DI DALAM SYARIKAT /

31.5%

### SYARIKAT PENGURUSAN DANA

/ JUMLAH DANA DI BAWAH PENGURUSAN (FUM) /

RM 4.1 BILION

/ KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI /

RM 26.4 JUTA

/ PERBELANJAAN OPERASI (OPEX) /

RM 44.1 JUTA

/ NISBAH OPEX KEPADA FUM /

1.1%

**01** RINGKASAN TAHUNAN

# MAKLUMAT PENTING KEWANGAN 2015

## 1 PERGERAKAN DANA DARIPADA/KEPADA YAYASAN EKUITI NASIONAL (YEN)

| | 2015 RM juta | 2014 RM juta |
|---|---|---|
| Dana diterima daripada YEN pada tahun ini | **600.0** | 600.0 |
| Dana kumulatif diterima daripada YEN | **3,600.0** | 3,000.0 |
| | | |
| Modal dikembalikan kepada YEN pada tahun ini | - | 200.0 |
| Modal kumulatif dikembalikan kepada YEN | **200.0** | 200.0 |

## 2 DANA DITUBUHKAN

| | Tahun Ditubuhkan | Saiz Dana RM juta | Tumpuan Pelaburan | Tempoh | Status Kedudukan |
|---|---|---|---|---|---|
| Ekuinas Direct (Tranche I) Fund | 2010 | 1,000.0 | *Buy-out* dan modal pertumbuhan | 5 + 2 + 1 tahun | Dilaburkan sepenuhnya |
| Ekuinas Direct (Tranche II) Fund | 2012 | 1,000.0 | *Buy-out* dan modal pertumbuhan | 5 + 2 tahun | Dikomitedkan sepenuhnya |
| Ekuinas Direct (Tranche III) Fund | 2014 | 1,500.0 | *Buy-out* dan modal pertumbuhan | 5 + 2 tahun | Sedang dilaburkan |
| Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund | 2011 | 400.0 | Modal Pertumbuhan | 6 + 1 tahun | Sedang dilaburkan |
| Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund | 2013 | 240.0 | Modal Pertumbuhan | 7 + 1 tahun | Sedang dilaburkan |

## 3 JUMLAH DANA DI BAWAH PENGURUSAN

| | 2015 RM juta | 2014 RM juta |
|---|---|---|
| Pelaburan Langsung | **3,500.0** | 3,500.0 |
| Penyumberan Luar | **640.0** | 640.0 |
| | **4,140.0** | 4,140.0 |
| | | |
| Jumlah dana sedia ada untuk pelaburan, termasuk modal persendirian | **4,402.0*** | 4,427.0 |

* *Tuas Capital Partners Malaysia Growth I L.P. telah ditamatkan pada 2015.*

## 01 RINGKASAN TAHUNAN

# MAKLUMAT PENTING KEWANGAN 2015

### 4 RINGKASAN PRESTASI DANA

#### a. Ringkasan Aktiviti Pelaburan Terkumpul

| | Bilangan Pelaburan | Pelaburan Komited RM juta | Jumlah Modal Dilabur di dalam Ekonomi Malaysia RM juta |
|---|---|---|---|
| **2015** | | | |
| Ekuinas Direct (Tranche I) Fund | **10** | **1,258.2** | **1,380.3** |
| Ekuinas Direct (Tranche II) Fund | **13** | **989.3** | **989.3** |
| Ekuinas Direct (Tranche III) Fund | **3** | **229.8** | **229.8** |
| Jumlah – Pelaburan Langsung | **26** | **2,477.3** | **2,599.4** |
| Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund | **15** | **264.0** | **708.4** |
| Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund | **4** | **38.2** | **81.8** |
| Jumlah – Penyumberan Luar | **19** | **302.2** | **790.2** |
| **Jumlah – Pelaburan Langsung dan Penyumberan Luar** | **45** | **2,779.5** | **3,389.6** |
| 2014 | | | |
| Ekuinas Direct (Tranche I) Fund | 10 | 1,258.2 | 1,380.3 |
| Ekuinas Direct (Tranche II) Fund | 11 | 917.3 | 917.3 |
| Jumlah – Pelaburan Langsung | 21 | 2,175.5 | 2,297.6 |
| Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund | 13 | 245.0 | 678.9 |
| Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund | 2 | 20.3 | 50.0 |
| Jumlah – Penyumberan Luar | 15 | 265.3 | 728.9 |
| **Jumlah – Pelaburan Langsung dan Penyumberan Luar** | 36 | 2,440.8 | 3,026.5 |

#### b. Ringkasan Aktiviti Pelupusan Terkumpul

| | Jumlah Bilangan Pelupusan RM juta | Jumlah Terealisasi RM juta |
|---|---|---|
| **2015** | | |
| Ekuinas Direct (Tranche I) Fund dan Ekuinas Direct (Tranche II) Fund | **9** | **1,055.2** |
| 2014 | | |
| Ekuinas Direct (Tranche I) Fund dan Ekuinas Direct (Tranche II) Fund | 4 | 954.8 |

## 01 RINGKASAN TAHUNAN

# MAKLUMAT PENTING KEWANGAN 2015

### 4 RINGKASAN PRESTASI DANA

#### c. Ringkasan Prestasi Kewangan

| | Pulangan Kasar Portfolio RM juta | Kadar Pulangan Dalaman Kasar (IRR) | IRR Bersih |
|---|---|---|---|
| **Dana Pelaburan Langsung** | | | |
| **2015** | | | |
| Ekuinas Direct (Tranche I) Fund | **591.3** | **14.8% setahun** | **10.9% setahun** |
| Ekuinas Direct (Tranche II) Fund | **133.3** | **13.0% setahun** | **5.7% setahun** |
| Ekuinas Direct (Tranche III) Fund* | - | **N/M** | **N/M** |
| 2014 | | | |
| Ekuinas Direct (Tranche I) Fund | 677.1 | 19.6% setahun | 15.3% setahun |
| Ekuinas Direct (Tranche II) Fund | 148.4 | 31.9% setahun | 19.3% setahun |
| **Dana Penyumberan Luar** | | | |
| **2015** | | | |
| Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund | **52.2** | **6.3% setahun** | **5.0% setahun** |
| Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund* | - | **N/M** | **N/M** |
| 2014 | | | |
| Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund | 55.0 | 10.6% setahun | 8.8% setahun |
| Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund | - | N/M | N/M |

* *Prestasi kewangan Ekuinas Direct (Tranche III) Fund dan Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund tidak dibentangkan kerana dana tersebut masih berada di peringkat awal pelaburan.*

#### d. Prestasi Objektif Sosial – Gabungan Pelaburan Langsung dan Penyumberan Luar

| | Ekuiti Bumiputera Dicipta | | Jumlah Ekuiti Dicipta | |
|---|---|---|---|---|
| | Nilai RM juta | Gandaan Modal Dilaburkan | Nilai RM juta | Gandaan Modal Dilaburkan |
| **2015** | **3,750.8** | **1.6x** | **4,702.7** | **2.1x** |
| 2014 | 4,246.2 | 1.9x | 5,517.6 | 2.4x |

**01** RINGKASAN TAHUNAN

# MAKLUMAT PENTING KEWANGAN 2015

## 5 EKUITI NASIONAL BERHAD (SYARIKAT PENGURUSAN DANA)

| | 2015 RM juta | 2014 RM juta |
|---|---|---|
| Jumlah Dana di bawah Pengurusan (FuM) | **4,140.0** | 4,140.0 |
| Perbelanjaan Operasi (OPEX) | **44.1** | 40.3 |
| Keuntungan selepas Cukai (PAT) | **26.4** | 14.5 |
| Nisbah OPEX kepada FuM | **1.1%** | 1.0% |

## 6 PRESTASI DANA INDIVIDU

### a. Ekuinas Direct (Tranche I) Fund

| | 2015 RM juta | 2014 RM juta |
|---|---|---|
| Saiz Dana | **1,000.0** | 1,000.0 |
| Jumlah Pelaburan | **10** | 10 |
| **Aktiviti Pelaburan** | | |
| Pelaburan Komited yang Dilaksanakan | **1,258.2** | 1,258.2 |
| Jumlah Modal Dilabur di dalam Ekonomi Malaysia | **1,380.3** | 1,380.3 |
| **Aktiviti Pelupusan** | | |
| Bilangan Pelupusan | **5** | 3 |
| Jumlah Terealisasi | **846.2** | 800.8 |
| **Prestasi Kewangan** | | |
| (i) Pulangan | | |
| Pulangan Kasar Portfolio | **591.3** | 677.1 |
| Kadar Pulangan Dalaman Kasar (IRR) % | **14.8% setahun** | 19.6% setahun |
| IRR Bersih % | **10.9% setahun** | 15.3% setahun |
| (ii) Lembaran Imbangan | | |
| Nilai Portfolio | **963.4** | 1,077.3 |
| Nilai Aset Bersih (NAB) | **798.5** | 910.0 |

# MAKLUMAT PENTING KEWANGAN 2015

## 6 PRESTASI DANA INDIVIDU

### b. Ekuinas Direct (Tranche II) Fund

| | 2015<br>RM juta | 2014<br>RM juta |
|---|---|---|
| Saiz Dana | **1,000.0** | 1,000.0 |
| Jumlah Pelaburan | **13** | 11 |
| **Aktiviti Pelaburan** | | |
| Pelaburan Komited yang Dilaksanakan | **989.3** | 917.3 |
| Jumlah Modal Dilabur di dalam Ekonomi Malaysia | **989.3** | 917.3 |
| **Aktiviti Pelupusan** | | |
| Bilangan Pelupusan | **4** | 1 |
| Jumlah Terealisasi | **209.0** | 154.0 |
| **Prestasi Kewangan** | | |
| (i) Pulangan | | |
| Pulangan Kasar Portfolio | **133.3** | 148.4 |
| Kadar Pulangan Dalaman Kasar (IRR) % | **13.0% setahun** | 31.9% setahun |
| IRR Bersih % | **5.7% setahun** | 19.3% setahun |
| (ii) Lembaran Imbangan | | |
| Nilai Portfolio | **813.8** | 642.5 |
| Nilai Aset Bersih (NAB) | **954.6** | 300.2 |

## 01 RINGKASAN TAHUNAN

# MAKLUMAT PENTING KEWANGAN 2015

### 6 PRESTASI DANA INDIVIDU

#### c. Ekuinas Direct (Tranche III) Fund

| | 2015<br>RM juta | 2014<br>RM juta |
|---|---|---|
| Saiz Dana | **1,500.0** | 1,500.0 |
| Jumlah Pelaburan | **3** | - |
| | | |
| **Aktiviti Pelaburan** | | |
| Pelaburan Komited yang Dilaksanakan | **229.8** | - |
| Jumlah Modal Dilabur di dalam Ekonomi Malaysia | **229.8** | - |
| | | |
| **Aktiviti Pelupusan** | | |
| Bilangan Pelupusan | - | - |
| Jumlah Terealisasi | - | - |
| | | |
| **Prestasi Kewangan*** | | |
| (i) Pulangan | | |
| Pulangan Kasar Portfolio | - | - |
| Kadar Pulangan Dalaman Kasar (IRR) % | **N/M** | N/M |
| IRR Bersih % | **N/M** | N/M |
| | | |
| (ii) Lembaran Imbangan | | |
| Nilai Portfolio | - | - |
| Nilai Aset Bersih (NAB) | - | - |

* *Prestasi kewangan Ekuinas Direct (Tranche III) Fund tidak dibentangkan kerana dana tersebut masih berada di peringkat awal pelaburan.*

## 01 RINGKASAN TAHUNAN

# MAKLUMAT PENTING KEWANGAN 2015

### 6 PRESTASI DANA INDIVIDU

#### d. Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund

| | **2015 RM juta** | **2014 RM juta** |
|---|---|---|
| Saiz Dana | **400.0** | 400.0 |
| Jumlah Pelaburan | **15** | 13 |
| **Aktiviti Pelaburan** | | |
| Pelaburan Komited yang Dilaksanakan oleh OFM | **374.2** | 344.7 |
| - Pelaburan Komited oleh Ekuinas | **264.0** | 245.0 |
| Jumlah Modal Dilabur di dalam Ekonomi Malaysia | **708.4** | 678.9 |
| **Prestasi Kewangan** | | |
| (i) Pulangan | | |
| Pulangan Kasar Portfolio | **52.2** | 55.0 |
| Kadar Pulangan Dalaman Kasar (IRR) % | **6.3% setahun** | 10.6% setahun |
| IRR Bersih % | **5.0% setahun** | 8.8% setahun |
| (ii) Lembaran Imbangan | | |
| Nilai Portfolio | **344.6** | 331.1 |
| Nilai Aset Bersih (NAB) | **344.6** | 331.1 |

**01** RINGKASAN TAHUNAN

# MAKLUMAT PENTING KEWANGAN 2015

## 6 PRESTASI DANA INDIVIDU

### e. Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund

| | **2015 RM juta** | **2014 RM juta** |
|---|---|---|
| Saiz Dana | **240.0** | 240.0 |
| Jumlah Pelaburan | **4** | 2 |
| | | |
| **Aktiviti Pelaburan** | | |
| Pelaburan Komited yang Dilaksanakan oleh OFM | **62.8** | 31.0 |
| - Pelaburan Komited oleh Ekuinas | **38.2** | 20.3 |
| Jumlah Modal Dilabur di dalam Ekonomi Malaysia | **81.8** | 50.0 |
| | | |
| **Prestasi Kewangan*** | | |
| (i) Pulangan | | |
| Pulangan Kasar Portfolio | - | - |
| Kadar Pulangan Dalaman Kasar (IRR) % | **N/M** | N/M |
| IRR Bersih % | **N/M** | N/M |
| | | |
| (ii) Lembaran Imbangan | | |
| Nilai Portfolio | **33.3** | 14.8 |
| Nilai Aset Bersih (NAB) | **33.3** | 14.8 |

* *Prestasi kewangan Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund tidak dibentangkan kerana dana tersebut masih berada di peringkat awal pelaburan.*

**01** RINGKASAN TAHUNAN

# SOROTAN KEWANGAN 2010-2015

## JUMLAH DANA DITERIMA




## JUMLAH BILANGAN DAN NILAI PELABURAN KOMITED




## JUMLAH KEMASUKAN MODAL KE DALAM EKONOMI NEGARA




## PELABURAN LANGSUNG – JUMLAH BILANGAN PELUPUSAN DAN NILAI DIREALISASI



**01 RINGKASAN TAHUNAN**

# SOROTAN KEWANGAN 2010-2015

## PRESTASI DANA – EKUINAS DIRECT (TRANCHE I) FUND




## PRESTASI DANA – EKUINAS DIRECT (TRANCHE II) FUND




## JUMLAH NILAI EKUITI BUMIPUTERA DAN PEMEGANG SAHAM LAIN YANG TERCIPTA




## JUMLAH DANA DI BAWAH PENGURUSAN (FUM) DAN NISBAH FUM KEPADA PERBELANJAAN OPERASI



01 RINGKASAN TAHUNAN

# DINAMIK PASARAN EKUITI PERSENDIRIAN DI ASIA PASIFIK DAN MALAYSIA

**OLEH BAIN & COMPANY**

Bagi pelabur antarabangsa, terutama yang memberi tumpuan kepada rantau Asia Pasifik, tahun lepas merupakan tahun yang penuh dengan ketidakstabilan. Harga minyak menjunam ke paras terendah tanpa diduga, kadar pengembangan ekonomi global menurun, kedudukan mata wang yang berubah-ubah dan pergolakan di China menggegarkan pasaran di seluruh dunia.

Meskipun berada di tengah-tengah kemelut ini, tahun 2015 merupakan antara tahun paling kukuh yang pernah dicatatkan oleh industri ekuiti persendirian di Asia Pasifik (lihat Rajah 1). Nilai pelaburan melonjak ke paras tertinggi sebanyak USD$125 bilion, dengan jumlah rekod sebanyak 955 transaksi. Pada dasarnya, pelabur mengambil peluang ke atas pelaburan yang ditawarkan di pasaran: Urus niaga mega yang didorong oleh pelabur terbesar mendominasi hampir seluruh rantau ini dan pelabur berpusu-pusu melabur dalam sektor Internet yang masih berdaya tinggi, terutamanya di China dan India. Sebahagian besar daripada nilai urus niaga tanah besar juga bergantung kepada trend jangka pendek melibatkan urus niaga awam-ke-swasta, di mana pelabur AS membida dengan harga rendah syarikat-syarikat China yang diniagakan di bursa AS, seterusnya mewujudkan peluang untuk perolehan.

**Rajah 1:** Meskipun berhadapan cabaran, PE Asia Pasifik kekal kukuh pada tahun 2015, terutamanya dalam melaksanakan urus niaga




*Nota: Dana hartanah dan infrastruktur tidak termasuk dalam tiga graf di atas*
*Sumber: AVCJ; Preqin*

Sementara itu, nilai dan aktiviti pelupusan di Asia Pasifik terus kekal kukuh, walaupun terdapat aktiviti penjualan yang tinggi di pasaran saham Shanghai yang telah mengganggu aktiviti IPO di China. Biarpun aktiviti pengumpulan dana sedikit perlahan pada tahun 2015, terdapat kemungkinan ia akan berhenti seketika untuk membiarkan pasaran kembali maju setelah melaksanakan aktiviti yang banyak di beberapa tahun kebelakangan ini. Kaji selidik menunjukkan bahawa pelabur yang mencari peluang di pasaran baru muncul terus melihat rantau Asia Pasifik sebagai satu peluang pelaburan yang menggalakkan.

## 01 RINGKASAN TAHUNAN

# DINAMIK PASARAN EKUITI PERSENDIRIAN DI ASIA PASIFIK DAN MALAYSIA

**OLEH BAIN & COMPANY**

**Pengurangan Aktiviti di Asia Tenggara dan Malaysia**

Meskipun semua aktiviti pelaburan dan pelupusan terlaksana hampir di keseluruhan rantau ini, aktiviti di Asia Tenggara menunjukkan penurunan — khususnya di Malaysia (lihat Rajah 2). Nilai pelaburan di Asia Tenggara mencatat nilai paling rendah sejak 2004 pada USD$4.2 bilion dan nilai purata saiz urus niaga jatuh di bawah USD$100 juta buat kali pertama sejak 2002. Aktiviti urus niaga di Malaysia merosot: Selepas berjaya menjana 13 urus niaga bernilai USD$1.8 bilion pada 2014, pasaran Malaysia hanya berjaya melaksanakan tiga urus niaga pada 2015 bernilai USD$59 juta. Nilai pelupusan di Asia Tenggara meningkat sedikit kepada USD$6.7 bilion. Walau bagaimanapun, ia masih di bawah nilai purata lima tahun sebanyak USD$7.3 bilion dan sebahagian besar daripada jumlah itu adalah dari Singapura, yang menghasilkan barisan pelupusan dagangan yang tinggi.

**Rajah 2:** Terdapat pengurangan aktiviti di Asia Tenggara




*Sumber: AVCJ; (*) tidak termasuk hartanah dan infrastruktur*

# DINAMIK PASARAN EKUITI PERSENDIRIAN DI ASIA PASIFIK DAN MALAYSIA

**OLEH BAIN & COMPANY**

**Cabaran-cabaran Makro**

Aktiviti yang perlahan di kebanyakan negara di Asia Tenggara pastinya bukan disebabkan oleh kekurangan motivasi. Dana PE yang memberi tumpuan kepada rantau ini mempunyai modal yang tinggi untuk dibelanjakan. Menurut Kaji Selidik Ekuiti Persendirian Bain 2016, pelaksanaan urus niaga merupakan keutamaan No. 1 mereka selama beberapa tahun ini. Namun begitu, kaji selidik tersebut turut menunjukkan bahawa dana-dana itu menghadapi banyak cabaran di Asia Tenggara termasuk persekitaran makro yang tidak stabil, kekurangan bilangan syarikat-syarikat yang berpotensi, persaingan sengit untuk mendapatkan syarikat sasaran yang mempunyai bilangan yang kecil dan penilaian pelaburan yang tinggi menjadikan ia sukar untuk membuat justifikasi perolehan.

Para pelabur yang menumpukan pelaburan di Malaysia menempuh satu tahun yang amat sukar, ekoran kejutan ekonomi yang telah menjejaskan kemakmuran negara. Kejatuhan harga minyak global menyebabkan kewangan kerajaan semakin genting lantas mengurangkan lebihan akaun semasa Malaysia. Ini meletakkan tekanan ke atas ringgit, dengan kerugian hampir 30% berbanding dolar AS antara Ogos 2015 dan Januari 2016.

**Antara jangka pendek dan jangka panjang**

Semua ini mengecewakan dana-dana PE yang berminat melakukan urus niaga di Asia Tenggara. Walaupun begitu, kami percaya mereka yang bersedia melihat dari segi perspektif jangka panjang akan mendapat manfaat daripada pasaran baru muncul yang berdaya tinggi ini. Economist Intelligence Unit (EIU) meramalkan pertumbuhan KDNK sebenar di pasaran Asia Tenggara akan kekal di paras lebih daripada 4.3% sehingga 2030. Di Malaysia, ramalan pertengahan-penggal adalah lebih baik. Walaupun EIU meramalkan kelembapan kadar pertumbuhan KDNK Malaysia tahun ini pada kadar 4.3%, ia menjangkakan pertumbuhan melebihi 5% dari 2016 sehingga 2020.

Ini menunjukkan bahawa kekurangan aktiviti pada tahun 2015 di Malaysia adalah satu anomali. Dengan purata nilai urus niaga tahunan sebanyak USD$1.7 bilion dalam tempoh lima tahun yang lalu, pelaburan PE di negara ini telah menyumbang sebanyak 30% daripada jumlah nilai urus niaga di Asia Tenggara dan Malaysia secara konsistennya menduduki tempat pertama atau kedua di kalangan pasaran Asia Tenggara pada setiap tahun. Negara ini pada kebiasaannya dinamakan sebagai salah sebuah negara yang paling menarik di Asia dan mendapat manfaat daripada aktiviti beberapa institusi pelaburan berkaitan Kerajaan terkemuka, termasuk Ekuiti Nasional Berhad, Khazanah Nasional Berhad dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Malaysia.

**01** RINGKASAN TAHUNAN

# DINAMIK PASARAN EKUITI PERSENDIRIAN DI ASIA PASIFIK DAN MALAYSIA

**OLEH BAIN & COMPANY**

**Pelabur kekal bersemangat**

Di kalangan rakan-rakan terhad (LP) secara amnya berpendapat Asia Tenggara juga mengekalkan daya tarikan sebagai tempat pelaburan yang memberi pulangan yang baik. Hal ini berlaku terutamanya kerana kelembapan pertumbuhan di China dan pelabur ingin mencari prospek lebih berdaya tinggi di tempat lain. Satu kaji selidik untuk LP yang dilaksanakan oleh Emerging Markets Private Equity Association (EMPEA) pada April 2015 menunjukkan bahawa Asia Tenggara adalah antara pasaran baru muncul yang paling menarik di dunia dan menduduki tempat pertama dari segi unjuran pulangan bersih (lihat Rajah 3). Dana-dana PE turut sama bersetuju. Menurut kaji selidik Bain, 45% daripada dana-dana tersebut meletakkan Asia Tenggara sebagai salah satu daripada tiga tempat paling menarik untuk urus niaga baru pada 2016.

**Rajah 3:** Pelabur yakin pasaran urus niaga di Asia Tenggara kekal memberangsangkan di tahun akan datang

**LP YAKIN UNTUK KEMBALI MENCAPAI PULANGAN TINGGI DI ASIA TENGGARA…**

Peratusan LP yang menjangka pulangan bersih 16%+ daripada dana 2014




**…DAN MEMBERI PENILAIAN POSITIF YANG TINGGI BERBANDING RANTAU YANG LAIN**

*Pandangan LP mengenai daya tarikan Pasaran Baru Muncul bagi Pelaburan GP untuk 12 bulan seterusnya*
*5 pasaran tertinggi sahaja*

| Kedudukan | 2013 | 2014 | 2015 |
|---|---|---|---|
| **1 = Paling menarik** | SSA | LATAM* | LATAM* |
| **2** | **Asia Tenggara** | **Asia Tenggara** | **Asia Tenggara** |
| **3** | LATAM* | SSA | SSA |
| **4** | China | China | India |
| **5 = Kurang menarik** | Turki | Brazil | China |

*Sumber: Kaji Selidik Ekuiti Persendirian Global LP EMPEA 2015 (*) tidak termasuk Brazil*

# DINAMIK PASARAN EKUITI PERSENDIRIAN DI ASIA PASIFIK DAN MALAYSIA

**OLEH BAIN & COMPANY**

**Kecemerlangan di sebalik badai yang melanda**

Jangkaan dan pencapaian hasil yang cemerlang, sudah tentunya adalah dua perkara yang berbeza. Walaupun para pelabur berada dalam keadaan selesa kerana dari segi sejarahnya pulangan dalam PE mengatasi kelas aset lain — yang dijangka akan terus kekal sedemikian — kami percaya pertumbuhan global yang lebih perlahan serta faktor-faktor lain berkemungkinan memberi tekanan kepada pulangan PE di seluruh dunia pada tahun-tahun akan datang. Di Asia Tenggara, pertumbuhan KDNK perlu ditingkatkan kepada lebih daripada paras semasa, namun rantau ini masih menghadapi pergolakan dan pertumbuhan baik yang dialami sebelum krisis kewangan global dijangka sukar diraih kembali. Sementara itu, persaingan sengit dan kenaikan nilai jualan menyukarkan keadaan untuk mencari dan memperoleh syarikat yang berpotensi pada harga yang berpatutan. Memandangkan kadar faedah juga akan meningkat, ini seterusnya berkemungkinan meningkatkan kos leveraj juga.

Ini bermakna pengwujudan nilai jangka panjang yang konsisten akan bergantung kepada keupayaan dana PE untuk memperhalusi pelaksanaannya dalam setiap fasa proses pelaburan — mengenalpasti nilai semasa pra-pelaburan, menambah nilai semasa tempoh pelaburan dan memastikan pertumbuhan semasa pelupusan. Keadaan persaingan yang semakin sengit juga akan memihak kepada dana yang boleh menunjukkan kecemerlangan dalam semua dimensi ini. Data menunjukkan dengan jelas bahawa LP tertarik dengan dana-dana di peringkat teratas dalam pasaran Asia Pasifik yang secara konsistennya berjaya menjana pulangan melebihi nilai pasaran.

Melihat kepada dana yang paling berjaya dalam persekitaran yang sukar ini, kami mendapati bahawa dana yang cemerlang memberi tumpuan kepada tiga perkara utama (lihat Rajah 4).

- Mereka memastikan portfolio adalah kalis bencana dengan meningkatkan tumpuan kepada aktivisme portfolio, melabur dalam kakitangan dan keupayaan yang diperlukan untuk memaksimumkan nilai syarikat-syarikat berpotensi tinggi dan membangunkan perihal pertumbuhan yang menarik apabila tiba masa pelupusan.

- Mereka memastikan kedudukan yang kukuh dengan mensasarkan sektor yang paling berdaya tahan, meningkatkan usaha ketekunan wajar bagi mendapatkan perspektif jelas ke atas sebarang kelemahan, dan merangka awal, strategi yang mantap untuk penambahbaikan margin, pertumbuhan pendapatan tambahan dan perancangan pelupusan.

- Mereka membangunkan sebuah organisasi yang bersiap sedia menghadapi sebarang cabaran untuk menumpukan lebih banyak bakat dan sumber untuk memperbaiki syarikat — lazimnya, usaha mengukuhkan proses pemulihan dan meningkatkan margin kemahiran. Mereka turut menyumbang dalam proses jawatankuasa pelaburan dengan membawa masuk pakar-pakar dan lain-lain dalam proses kajian portfolio dan dalam masa yang sama menyediakan garis panduan yang ketat untuk menumpukan sumber-sumber dalam bidang yang paling penting.

**Rajah 4:** Dana-dana PE perlu lengkap bersedia untuk berkembang maju di era kemelesetan

| MEWUJUDKAN PORTFOLIO KALIS BENCANA | MEMPUNYAI KEDUDUKAN YANG KUKUH | MEMBANGUNKAN ORGANISASI YANG SEDIA MENGHADAPI CABARAN |
|---|---|---|
| **Menilai semula risiko**, menentukan sensitiviti dan **menyelaras semula pelan penciptaan nilai** kepada 'Normal Baru' | Mendalami dan hanya melabur dalam syarikat yang **mempunyai asas yang dipercayai** | Meningkatkan sistem **memupuk, mengekalkan dan menarik modal insan cemerlang** |
| Memberi keutamaan sumber untuk menyokong **syarikat cemerlang** | Menumpukan usaha ketekunan wajar untuk mencari potensi jelas bagi **meningkatkan margin dan pertumbuhan tambahan** | Membangunkan **keupayaan baru** untuk menyokong transformasi, peningkatan margin dan aktiviti pemulihan |
| Memberi tumpuan kepada **3-5 inisiatif** utama dengan menyelaras insentif pengurusan dengan objektif perniagaan | Menekankan fokus ke atas **senario kelemahan** | **Mengukuhkan proses**, untuk menambahbaik proses membuat keputusan dan menyediakan amaran awal |
| Membangunkan **pelan pelupusan yang jelas di peringkat awal** | Memberi tumpuan kepada sektor **berdaya tahan ketika kemelesetan** atau yang mempunyai **trajektori pertumbuhan yang kukuh di masa hadapan** | Membangunkan garis panduan ketat mengenai **keutamaan masa dan sumber untuk sesuatu pelaburan** |

## 01 RINGKASAN TAHUNAN

# DINAMIK PASARAN EKUITI PERSENDIRIAN DI ASIA PASIFIK DAN MALAYSIA

**OLEH BAIN & COMPANY**

**Normal baru**

Kami yakin keadaan pelaburan PE akan bertambah baik di Malaysia dan seluruh Asia Tenggara. Walau bagaimanapun, memandangkan terdapat banyak persaingan untuk mendapatkan syarikat-syarikat yang berpotensi di rantau ini, kami yakin dana yang cemerlang adalah mereka yang meningkatkan prestasi mereka dalam aktiviti pelaksanaan. Pasaran PE Asia Pasifik sedang beralih kepada satu normal baru — tempoh di mana pertumbuhan adalah lebih sederhana apabila pulangan pelaburan kurang bergantung kepada kestabilan makroekonomi dan lebih bergantung kepada keupayaan dana untuk mencari syarikat yang baik dan menambahbaik syarikat tersebut. Ini bermakna dana terbaik akan mengambil pendekatan yang lebih aktivis, mencari bakat dan meningkatkan keupayaan untuk menambah nilai kepada syarikat-syarikat portfolio mereka secara proaktif. Para pelabur di Asia Tenggara mempunyai banyak dana untuk dipilih. Sudah tentunya mereka akan tertarik kepada yang terbaik.

Penulis:

- Suvir Varma adalah rakan kongsi di pejabat Asia Tenggara Bain dan menerajui pejabat Ekuiti Persendirian Bain di seluruh Asia Pasifik. Anda boleh menghubungi beliau di *suvir.varma@bain.com*
- Johanne Dessard merupakan pengarah kawasan Asia Pasifik bagi pejabat Ekuiti Persendirian. Anda boleh menghubungi beliau di *johanne.dessard@bain.com*

BAIN & COMPANY

**MENGENAI BAIN & COMPANY**

Bain & Company ialah firma perunding pengurusan yang membantu pemimpin-pemimpin perniagaan dunia mendapatkan hasil yang diharapkan. Bain memberi khidmat nasihat kepada pelanggannya berkenaan strategi, operasi, teknologi, organisasi, ekuiti persendirian dan penggabungan dan perolehan, membangunkan wawasan praktikal untuk membantu pelanggan melaksanakannya dan memindahkan kemahiran untuk mendapatkan keputusan yang mampan. Ia adalah rakan perunding terkemuka dalam industri ekuiti persendirian (PE) serta pihak berkepentingannya. Perkhidmatannya merangkumi semua proses dalam rantaian PE, iaitu dari strategi dana, pencarian urus niaga, usaha ketekunan wajar, kerja-kerja pasca-perolehan dan perancangan pelupusan. Bain & Company sering menyelaras insentifnya dengan pelanggan di mana bayaran fi bergantung kepada keputusan yang dicapai. Para pelanggan Bain telah mengatasi pasaran saham 4 kepada 1. Diasaskan pada tahun 1973, Bain mempunyai 53 pejabat di 34 buah negara dengan kepakaran dan pelanggan dalam pelbagai industri dan sektor ekonomi. Untuk maklumat lanjut, sila lawati: *www.bain.com*.

*Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Bain & Company di atas sumbangan artikel mereka di dalam Bahasa Inggeris bertajuk "Private Equity Market Dynamics in Asia Pacific and Malaysia" yang memberikan gambaran ringkas mengenai keadaan pasaran ekuiti persendirian di Malaysia dan rantau ini.*

# PERUTUSAN PENGERUSI

### PIHAK-PIHAK BERKEPENTINGAN YANG DIHORMATI,

Tahun 2015 merupakan tahun keenam perjalanan Ekuinas sebagai sebuah firma ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan dalam mencapai mandatnya untuk menggalakkan penglibatan Bumiputera dalam ekonomi secara saksama dan mampan. Walau bagaimanapun, ia juga merupakan tahun yang amat mencabar buat kami. Persekitaran perniagaan menghadapi ketidakstabilan ekonomi yang sangat tidak menentu berbanding sebelum ini. Antaranya, pertumbuhan perlahan ekonomi global, penurunan nilai mata wang dan kejatuhan ketara harga komoditi, ekoran kejatuhan harga minyak mentah.

Meskipun terpaksa berhadapan dengan faktor-faktor ini, kami terus maju ke arah mencapai matlamat kami. Saya amat gembira kerana dapat berkongsi kemajuan dan pencapaian utama Syarikat serta cabaran yang dihadapi pada tahun lalu.



**Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda**
Pengerusi

### PENCAPAIAN DALAM PERSEKITARAN YANG SUKAR

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015, kami telah menjangkakan landskap ekonomi yang lebih perlahan dan ketidakstabilan yang lebih tinggi dalam pasaran ekuiti di permulaan tahun, seterusnya membawa kepada keputusan untuk melaksanakan strategi pertahanan yang sesuai. Pelaburan telah dilaksanakan secara lebih berhati-hati dan berhemah dan hanya apabila kami benar-benar percaya akan nilai bermakna di syarikat-syarikat portfolio tersebut.

Sejajar dengan itu, kadar pelaburan kami menurun kepada RM338.7 juta pada TK2015 (2014: RM605.8 juta). Penurunan kadar ini mencerminkan perubahan landskap pelaburan dan keperluan untuk mengimbangi pulangan dengan jaminan keselamatan dan kestabilan. Dengan tindakan ini, kami dapat memastikan dana kami berupaya mengharungi waktu-waktu sukar dan kekal dalam kedudukan yang baik sebagai persediaan untuk merebut peluang pelaburan di masa hadapan.

Sebagaimana jenis pelaburan yang lain, ekuiti persendirian turut mempunyai risikonya. Walaupun pelaburan Ekuinas terdiri daripada syarikat-syarikat dari pelbagai portfolio, setiap perniagaan kami secara individunya tertakluk kepada pengaruh kitaran jangka pendek pasaran meskipun mempunyai pertumbuhan jangka panjang yang mantap. Kami sentiasa menekankan kepentingan mengukur prestasi kewangan Ekuinas berdasarkan prestasi dana atau portfolio secara keseluruhan. Seperti mana entiti ekuiti persendirian yang lain, Ekuinas sentiasa memberi tumpuan kepada usaha menjana pulangan bagi dana keseluruhan berbanding pulangan daripada pelaburan individu.

Pelaburan kami tidak mempunyai kekebalan dalam menghadapi kemelesetan ekonomi namun ia telah menunjukkan kemajuan yang baik dalam mencapai matlamat untuk membangunkan syarikat-syarikat terkemuka Malaysia generasi akan datang. Ekuinas Direct (Tranche I) Fund berada dalam proses pelupusan pelaburan manakala pelaburan bagi Ekuinas Direct (Tranche II) Fund telah dikomitedkan sepenuhnya pada akhir TK2015.

Di antara lima dana Ekuinas, Ekuinas Direct (Tranche III) Fund merupakan dana terbesar Ekuinas dengan jumlah modal komited sebanyak RM1.5 bilion. Dana yang ditubuhkan pada bulan November 2014 ini telah menunjukkan permulaan yang menggalakkan dengan komitmen modal sebanyak 15.3% atau RM229.8 juta pada tahun TK2015.

Dari segi prestasi, Ekuinas terus mengulangi rekod pencapaian dengan mencatat pulangan melepasi sasaran jangka panjang minimum 12.0% setahun. Ekuinas Direct (Tranche I) Fund, dana Ekuinas yang telah dilaburkan sepenuhnya, telah mencatat pulangan kasar portfolio sebanyak RM591.3 juta pada TK2015. Ini bersamaan dengan Kadar Pulangan Dalaman (IRR) kasar sebanyak 14.8% setahun dan IRR bersih 10.9% setahun. Dalam keadaan ekonomi yang lebih baik pada 2014, dana ini telah mencapai pulangan kasar sebanyak RM677.1 juta, iaitu IRR kasar sebanyak 19.6% setahun dan IRR bersih sebanyak 15.3% setahun.

Pada akhir tahun 2015, harga untuk Brent Crude, iaitu tanda aras global bagi minyak, merudum ke tahap terendah bagi 11 tahun terakhir. Ini memberi kesan buruk kepada industri Minyak & Gas termasuk syarikat-syarikat portfolio kami iaitu Icon Offshore Bhd dan Orkim Sdn Bhd. Kesannya, prestasi Ekuinas Direct (Tranche II) Fund agak terjejas. Walau bagaimanapun, dana ini berjaya menjana pulangan kasar portfolio sebanyak RM133.3 juta bersamaan IRR kasar sebanyak 13.0% setahun dan IRR bersih sebanyak 5.7% setahun, kurang sedikit daripada sasaran jangka panjang minimum kami (TK2014: pulangan kasar portfolio sebanyak RM148.4 juta, IRR kasar sebanyak 31.9% setahun dan IRR bersih sebanyak 19.3%).

Meskipun berhadapan persekitaran makroekonomi yang semakin lemah, kami gembira melaporkan bahawa Ekuinas telah melaksanakan lima pelaburan secara langsung dan empat pelaburan di bawah program penyumberan luar dengan jumlah pelaburan komited sebanyak RM338.7 juta pada TK2015 (TK2014: RM605.8 juta).

## 01 RINGKASAN TAHUNAN

# PERUTUSAN PENGERUSI

Kami merasakan pelaburan kami pada TK2015 mempunyai potensi yang tinggi untuk menjadi peneraju pasaran dalam industri masing-masing. Dua daripada syarikat-syarikat tersebut – MediExpress (Malaysia) Sdn Bhd dan PMCare Sdn Bhd – menandakan kemasukan pertama kami ke dalam sektor penjagaan kesihatan. Syarikat-syarikat ini adalah pentadbir pihak ketiga (TPA) yang menguruskan tuntutan perubatan dan merupakan calon sesuai untuk strategi "Beli dan Bina", di mana syarikat-syarikat yang saling melengkapi dan mempunyai sinergi digabungkan untuk mewujudkan sebuah syarikat peneraju pasaran yang lebih terkemuka.

Pada akhir TK2015, Ekuinas mempunyai 45 pelaburan dalam portfolio pelaburannya dengan jumlah nilai komitmen sebanyak RM2.8 bilion. Bersama-sama jumlah pelaburan bersama dengan rakan ekuiti persendirian dari sektor swasta, ini menjadikan jumlah kemasukan modal sebanyak RM3.4 bilion ke dalam ekonomi Malaysia.

**EKUINAS TERUS MENGULANGI REKOD PENCAPAIAN DENGAN MENCATAT PULANGAN MELEPASI SASARAN JANGKA PANJANG MINIMUM 12.0% SETAHUN. EKUINAS DIRECT (TRANCHE I) FUND, DANA EKUINAS YANG TELAH DILABURKAN SEPENUHNYA, TELAH MENCATAT PULANGAN KASAR PORTFOLIO SEBANYAK RM591.3 JUTA PADA TK2015. INI BERSAMAAN DENGAN KADAR PULANGAN DALAMAN (IRR) KASAR SEBANYAK 14.8% SETAHUN DAN IRR BERSIH 10.9% SETAHUN.**

### KEPUTUSAN STRATEGIK YANG DIAMBIL

Kepelbagaian portfolio perniagaan Ekuinas menyediakan banyak peluang untuk penciptaan nilai meskipun berada dalam persekitaran ekonomi yang mencabar. Sebagai contoh, Kumpulan Pendidikan ILMU (ILMU) – kumpulan pendidikan pelbagai jenama bersepadu terkemuka yang menyediakan perkhidmatan di semua segmen pelajar dalam pasaran pengajian tinggi dan K-12 (rendah dan menengah) – berjaya meningkatkan kemasukan pelajar pada TK2015. Kami telah mensasarkan 2015 sebagai tempoh yang sesuai untuk melupuskan pelaburan dalam ILMU tetapi keadaan pasaran ekuiti adalah tidak kondusif untuk aktiviti penyenaraian. Kami akan meneruskan usaha mencari pemilik yang sesuai bagi ILMU apabila proses penilaian pelupusan dilaksanakan pada masa akan datang. Sementara itu, ILMU akan terus berkembang dengan perkhidmatan yang ditawarkan, termasuk meneroka peluang pengembangan perniagaan dalam segmen pra-sekolah dan pendidikan vokasional di masa hadapan.

Kami turut meneruskan aktiviti penstrukturan semula Portfolio F&B dengan meninggalkan segmen Restoran Perkhidmatan Segera (QSR) pada TK2015. Pelupusan pelaburan francais Burger King mencatat IRR kasar negatif sebanyak 29.1% manakala pelupusan pelaburan San Francisco Coffee mencatat IRR kasar negatif sebanyak 5.7%. Meskipun kerugian dalam pelaburan adalah mengecewakan, ia tidak bermakna portfolio kami kehilangan nilai yang kekal.

Aktiviti penyusunan dan pemfokusan semula kepada segmen tertentu mengukuhkan asas landasan portfolio F&B kami. Kami kini boleh memberi tumpuan dari segi sumber, idea, kepakaran dan usaha kepada segmen restoran makanan kasual dan francais pencuci mulut. Ini menyediakan kedudukan yang lebih baik bagi portfolio F&B kami untuk terus maju pada tahun yang akan datang.

### PEMILIKAN EKONOMI DAN BAKAT BUMIPUTERA

Sebagai sebuah syarikat ekuiti persendirian, Ekuinas memainkan peranan penting dalam menyediakan modal untuk perniagaan merealisasikan potensi pertumbuhan mereka; dan membuat pelaburan dalam perubahan transformasi operasi untuk menyokong cita-cita jangka panjang mereka.

Momentum diteruskan dalam membantu syarikat-syarikat portfolio kami berkembang, seterusnya meningkatkan penyertaan ekonomi Bumiputera yang lebih besar. Untuk TK2015, kami telah meningkatkan ekuiti Bumiputera sebanyak RM3.7 bilion atau 1.6 kali modal yang dilaburkan (2014: RM4.2 bilion, 1.9x). Jumlah ekuiti untuk pemegang saham syarikat portfolio kami meningkat sebanyak RM4.7 bilion bersamaan dengan 2.1 kali modal yang dilaburkan (2014: RM5.5 bilion, 2.4x). Peningkatan yang lebih rendah dalam pemilikan ekuiti mencerminkan persekitaran perniagaan yang mencabar pada tahun lepas.

Walau bagaimanapun, bilangan pengurus dan kakitangan berbakat dalam portfolio Ekuinas terus meningkat dalam tempoh ini. Setakat TK2015, terdapat seramai 485 orang pengurus dan 15,177 kakitangan berkhidmat di seluruh syarikat portfolio kami di mana Bumiputera masing-masing mewakili sebanyak 31.1% dan 51.6%. Ini menunjukkan peningkatan pengurus Bumiputera sebanyak 12.7% dan 31.5% bagi kakitangan Bumiputera sejak penglibatan Ekuinas dalam syarikat-syarikat tersebut (2014: 9.4% dan 18.3%).

Di peringkat industri pula, Ekuinas terus memainkan peranan sebagai pemangkin dalam pertumbuhan syarikat-syarikat ekuiti persendirian Malaysia melalui Program Penyumberan Luar kami. Seperti yang dinyatakan, empat pelaburan di bawah program tersebut telah dilaksanakan dalam TK2015. Ini menjadikan portfolio Program Penyumberan Luar kini mempunyai 19 pelaburan dengan pelaburan komited berjumlah RM437.0 juta, di mana RM302.2 juta adalah pelaburan daripada Ekuinas.

PENINGKATAN DALAM EKUITI BUMIPUTERA

**RM 3.7 BILION**

1.6 KALI GANDA MODAL DILABUR

PENINGKATAN DALAM JUMLAH NILAI PEMEGANG SAHAM

**RM 4.7 BILION**

2.1 KALI GANDA MODAL DILABUR

## 01 RINGKASAN TAHUNAN

# PERUTUSAN PENGERUSI

### ILTIZAM: KOMITMEN KAMI TERHADAP TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

Sebagai sebuah syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan, objektif sosial telah diterapkan di dalam model perniagaan dan petunjuk prestasi utama (KPI) kami. Walau bagaimanapun, aktiviti-aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR) turut dilaksanakan untuk menggalakkan lagi semangat altruisme dalam Ekuinas.

Satu peristiwa bersejarah dicatat pada TK2014, apabila kami mengumumkan komitmen untuk mengagihkan RM500 juta daripada keuntungan yang diperoleh kepada masyarakat Bumiputera, yang mana sejumlah RM200 juta telah diagihkan pada akhir tahun 2014. Ini merealisasikan usaha kami untuk memberi impak positif kepada mereka yang pada kebiasaannya tidak berurusan secara langsung dengan kami. Ia turut membuka ruang bagi program CSR diwujudkan secara rasminya di Ekuinas.

Satu nama yang melambangkan komitmen, kesungguhan dan keazaman telah dipilih untuk program CSR kami dan kami percaya bahawa kami telah menemui suatu jenama yang ideal pada ILTIZAM, yang telah dilancarkan pada Februari 2016. Program ini menunjukkan komitmen kami dalam membantu usahawan kecil, pelajar, graduan muda dan masyarakat Bumiputera untuk merealisasi potensi mereka. ILTIZAM adalah berdasarkan tiga tunggak: Keusahawanan, Pendidikan dan Komuniti.

Dalam tempoh lima tahun yang lalu, Ekuinas telah menyumbang sebanyak RM13.0 juta untuk aktiviti-aktiviti CSR. Kami mensasarkan pelaburan tambahan sebanyak RM18.0 juta ke dalam ILTIZAM untuk tiga tahun akan datang supaya lebih ramai individu dan masyarakat yang telah menunjukkan keazamanan dan kegigihan yang tinggi dapat mencapai impian mereka.

### MENGALU-ALUKAN CEO BAHARU

Pada 29 Februari 2016, Dato' Abdul Rahman Ahmad bersara sebagai CEO Ekuinas. Beliau telah memainkan peranan penting dalam penubuhan Ekuinas serta bertanggungjawab memacu pembangunan syarikat sejak enam tahun lalu. Di bawah pengurusan Dato' Abdul Rahman, Ekuinas berjaya membuktikan bahawa tidak mustahil bagi sebuah firma ekuiti persendirian untuk mencapai kedua-dua objektif sosial dan kewangan.

Beliau meninggalkan sebagai legasinya sebuah syarikat yang dibina dengan asas prinsip etika dan integriti yang tinggi. Dato' Abdul Rahman meneraju usaha berterusan dalam mencapai objektif Syarikat dan amat menekankan pendekatan pelaburan yang berdisiplin dan profesional. Beliau seterusnya menjamin masa hadapan Ekuinas dengan membangunkan satu kumpulan profesional yang mampu meneruskan usaha untuk melaksanakan mandat yang dibawa Ekuinas. Bagi pihak Lembaga Pengarah, kumpulan pengurusan dan kakitangan Ekuinas, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dato' Abdul Rahman di atas sumbangannya yang tidak terhingga dan mendoakan yang terbaik untuk masa hadapan beliau.

Lembaga Pengarah telah melantik Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir sebagai Ketua Pegawai Eksekutif baharu Ekuinas berkuat kuasa 1 Mac 2016. Syed Yasir adalah salah seorang pengasas Ekuinas dan telah berkhidmat dengan cemerlang sebagai Pengarah Urusan (Pelaburan) bagi tempoh enam tahun yang lalu. Kami yakin bahawa latar belakang Syed Yasir merupakan aset penting buat Ekuinas dan kemahiran serta pengalaman beliau akan membawa Syarikat ke tahap seterusnya.

Bagi pihak Ekuinas, saya mengalu-alukan kehadiran Syed Yasir dan berharap untuk bekerjasama dengan beliau dalam usaha membina kejayaan berterusan dan membawa Ekuinas ke fasa evolusi seterusnya.

### PENGHARGAAN

Lembaga Pengarah ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Malaysia atas komitmen yang berterusan dalam industri ekuiti persendirian dengan memperuntukkan RM600.0 juta kepada Ekuinas pada TK2015. Ini menjadikan jumlah dana yang telah disalurkan sebanyak RM3.6 bilion atau 72.0% daripada RM5.0 bilion yang diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan dan Kesepuluh.

Kami merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para pemegang amanah Yayasan Ekuiti Nasional (YEN) di atas sokongan dan bimbingan berterusan mereka. Kami menyedari bahawa kami telah diberi kepercayaan untuk menjaga amanah ini dan berhasrat untuk berusaha lebih gigih bagi memenuhi mandat dan melaksanakannya lebih daripada yang dijangkakan.

Kami turut ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sepanjang perjalanan ini, iaitu pihak berkepentingan dan rakan kongsi serta pihak pengurusan dan kakitangan syarikat-syarikat portfolio kami. Kami benar-benar menghargai sokongan anda semua dan berharap untuk meneruskan hubungan kerja yang erat ini di tahun-tahun akan datang.

Secara peribadinya, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Lembaga Pengarah di Ekuinas atas komitmen, dedikasi dan kesediaan untuk berkongsi kebijaksanaan dan kepakaran mereka. Sumbangan anda amat tinggi nilainya dan memainkan peranan penting dalam semua pencapaian Ekuinas.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Pengurusan Kanan dan setiap kakitangan Ekuinas. Anda semua telah membina reputasi Ekuinas yang berprestasi tinggi, berintegriti dan berwawasan. Saya yakin bahawa anda semua akan terus menyumbang ke arah kecemerlangan syarikat di masa hadapan.

### RINGKASAN DAN TINJAUAN

Prestasi kami dalam TK2015 menunjukkan komitmen kami ke arah membangunkan sebuah firma ekuiti persendirian yang berdaya tahan dan mampu menghadapi kemerosotan ekonomi serta mencapai pulangan yang terbaik mungkin bagi pelaburan yang dilaksanakan. Dengan demikian, kami akan terus mengekalkan nilai syarikat-syarikat portfolio kami dan hanya merealisasikan pelaburan kami pada masa yang sesuai.

Sering kali, peluang pelaburan yang paling menarik ditemui dalam keadaan ekonomi yang mencabar. Ekuinas mempunyai pelaburan sasaran sebanyak RM480.0 juta bagi TK2016 dan kami akan terus membuat pemerolehan strategik pada harga yang bersesuaian.

Saya amat yakin bahawa pendekatan Ekuinas mewujudkan nilai jangka panjang bagi syarikat portfolio dan pihak berkepentingan kami, dan memberi impak positif ke atas ekonomi serta masyarakat di negara ini secara keseluruhannya. Kami berharap untuk mencapai visi dan misi kami pada 2016 dengan jayanya.

**RAJA TAN SRI DATO' SERI ARSHAD RAJA TUN UDA**
*Pengerusi*

# ULASAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



**Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir**
Ketua Pegawai Eksekutif *(dari 1.3.2016)*

**DENGAN NAMA ALLAH S.W.T., YANG MAHA PEMURAH DAN MAHA MENGASIHANI.**

**SEGALA PUJI BAGI ALLAH S.W.T. DAN SALAWAT KE ATAS JUNJUNGAN NABI MUHAMMAD S.A.W., KELUARGA DAN SAHABATNYA.**

Strategi pelaburan Ekuinas menggambarkan keperluan untuk menjana pulangan yang baik ke atas pelaburan dan mengimbangi komitmen kami dalam mencapai objektif sosial. Ini meletakkan kami pada kedudukan yang unik dalam memainkan peranan semasa menghadapi kegawatan ekonomi. Modal intelektual dan kewangan kami, pendekatan pelaburan yang konservatif, kawalan risiko yang teguh dan pengalaman di pasaran semuanya telah menyumbang kepada keupayaan kami untuk menempuh cabaran persekitaran pasaran yang meleset.

Asas kami yang kukuh membolehkan kami mengekalkan fokus luaran kami dan terus melabur dalam perniagaan yang berpotensi tinggi serta mentransformasi mereka menjadi peneraju pasaran masa hadapan. Sebagai sebuah firma ekuiti persendirian, kejayaan kami bergantung kepada daya tahan dan kebolehan syarikat-syarikat portfolio kami berkembang maju dalam apa jua situasi perniagaan.

2015 merupakan tahun yang amat mencabar bagi ekonomi global dan tempatan, terutamanya bagi industri Minyak & Gas (O&G) yang menghadapi persekitaran yang jelas dilanda kemerosotan pada akhir tahun 2015 dan pada tahun 2016. Pada tahun lepas, aktiviti ekonomi global kekal lemah ekoran kelembapan pertumbuhan ekonomi dan kelemahan mata wang dalam pasaran baru muncul. Sementara itu, ekonomi maju yang sedang dalam proses pemulihan terpaksa bergelut dengan tekanan deflasi dan pengurangan permintaan pengguna.

Penurunan mendadak tanpa dijangka bagi harga tenaga mungkin merupakan peristiwa yang paling bersejarah pada tahun ini. Harga satu tong minyak merosot sejak tiga tahun berturut-turut dan menjunam hampir 40.0% pada tahun 2015, mencecah nilai terendah bagi 11 tahun ini. Ini seterusnya membawa kepada ketumpasan komoditi global dan hampir setiap komoditi diniagakan pada kitaran paras terendah.

## 01 RINGKASAN TAHUNAN

# ULASAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

PELABURAN LANGSUNG & PENYUMBERAN LUAR PADA 2015

Jumlah Pelaburan yang Dikomitedkan

RM 338.7 JUTA

Pelaburan Langsung
**RM301.8 juta**

Program Penyumberan Luar
**RM36.9 juta**

JUMLAH HASIL YANG TEREALISASI

RM 1.4 BILION

daripada pendapatan dividen, pendapatan faedah dan aktiviti pelupusan

Di Malaysia, pihak berkuasa secara proaktifnya memperkenalkan dasar-dasar yang bersesuaian seperti pengenalan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) pada 1 April 2015 bagi mengurangkan kesan daripada harga minyak yang lebih rendah. Lantaran itu, bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015, keluaran dalam negara kasar (KDNK) berkembang sebanyak 5.0%. Nilai ini adalah lebih rendah daripada pertumbuhan 6.0% yang dicatatkan pada tahun 2014 namun lebih tinggi daripada kadar yang diunjurkan. Walau bagaimanapun, pengenalan GST menjejaskan sentimen pengguna secara keseluruhannya terutamanya dalam sektor peruncitan, yang mengalami penurunan hasil jualan sebanyak 11.9% pada Suku Kedua (S2) berbanding tahun sebelumnya.

Keadaan ini diburukkan lagi dengan kemerosotan ringgit berbanding dolar AS yang semakin meningkat dan telah menjejaskan perniagaan kebanyakan perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Ini jelas dilihat di kalangan syarikat-syarikat yang mendapatkan bahan mentah dari pasaran asing. Margin keuntungan terus berkurangan jika jualan PKS tertumpu pada pasaran tempatan. Menurut Bank Dunia, nilai susutan ringgit adalah sebanyak 20.5% antara Januari 2015 dan 8 Disember 2015.

Gangguan ekonomi pada tahun 2015 telah mengubah landskap di mana kami melaksanakan pelaburan kami. Kini terdapat tumpuan yang lebih besar untuk mengimbangi pulangan dengan jaminan keselamatan dan kestabilan. Saya sukacita menyatakan bahawa kami mempunyai portfolio yang berstruktur untuk memelihara modal yang dilaburkan di samping berusaha untuk mencapai pulangan yang disasarkan.

Setelah beroperasi selama enam tahun, Ekuinas telah membina reputasi sebagai institusi yang berprestasi, berintegriti dan berinovasi serta mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh. Kami berada pada kedudukan yang baik dalam persekitaran yang tidak menentu dan berupaya untuk mengambil peluang ini untuk mencari pelaburan baru yang menarik di tengah-tengah kemelut kemerosotan pasaran. Tambahan lagi, rekod prestasi kami dalam mewujudkan peneraju pasaran yang kukuh menjadikan Ekuinas sebagai rakan kongsi bernilai tinggi untuk syarikat yang ingin berkembang dalam situasi ekonomi yang sentiasa berubah.

**PRESTASI KAMI**

Reaksi Ekuinas yang praktikal dan bersesuaian terhadap persekitaran ekonomi makro telah membolehkan Syarikat menghadapi cabaran masa kini dan merealisasi peluang masa hadapan. Saya gembira melaporkan bahawa kami terus berjaya mencapai mandat kami untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi di samping mengembangkan syarikat-syarikat Malaysia menjadi peneraju pasaran.

Prestasi dana kami untuk TK2015 menunjukkan kestabilan kepelbagaian pendekatan pelaburan dan daya tahan syarikat-syarikat portfolio kami. Walaupun berhadapan keadaan ekonomi yang semakin meleset, kami terus menyumbang modal dan kepakaran ke arah mengenal pasti syarikat-syarikat Malaysia yang berpotensi tinggi serta melindungi dan membangunkan nilai untuk pelaburan kami.

Bagi pihak Ekuinas, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Malaysia di atas penyaluran RM600.0 juta kepada Syarikat sepanjang tahun kewangan ini. Dengan peruntukan tahunan Kerajaan kepada Ekuinas sejak 2009, Ekuinas telah berjaya memuktamadkan pelaburan bernilai lebih RM2.8 bilion. Apa yang lebih penting adalah hasil yang terealisasi sebanyak RM1.4 bilion telah dijana daripada pendapatan dividen, pendapatan faedah dan aktiviti pelupusan pelaburan. Ini memberikan penyata imbangan dan kecairan mudah tunai yang amat kukuh.

Pada TK2015, kami melaksanakan pelaburan secara langsung dan di bawah penyumberan luar bernilai RM338.7 juta (TK2014: RM605.8 juta). Ini merangkumi RM301.8 juta pelaburan secara langsung dan RM36.9 juta yang dilaburkan melalui Program Penyumberan Luar.

Antara kemuncak operasi adalah pelaburan pertama kami ke dalam sektor penjagaan kesihatan di mana kami telah memperoleh pegangan majoriti dalam MediExpress (Malaysia) Sdn Bhd dan PMCare Sdn Bhd. Pada tahun ini, tiga pelaburan susulan juga dibuat dalam Kumpulan Pendidikan ILMU (ILMU), Orkim Sdn Bhd dan San Francisco Coffee.

Pada akhir tahun keenam operasi, Ekuinas telah memberi impak yang positif dalam ekonomi Malaysia menerusi 45 pelaburan dengan jumlah modal berjumlah kira-kira RM2.8 bilion. Bersama-sama dengan modal luar dari rakan-rakan pelabur sektor swasta, ini menjadikan jumlah kemasukan modal sebanyak RM3.4 bilion ke dalam ekonomi.

Sebagai sebuah syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian yang dikendalikan secara komersial, Ekuinas telah mengekalkan tradisi keberkesanan kos dan kecekapan operasi. Syarikat telah mencatat keuntungan selepas cukai yang membanggakan sebanyak RM26.4 juta pada TK2015 (TK2014: RM14.5 juta). Seperti tahun sebelumnya, kos operasi kekal efektif hanya pada 1.1% daripada jumlah Dana di bawah Pengurusan sebanyak RM4.1 bilion (TK2014: 1.0% daripada RM4.1 bilion).

01 RINGKASAN TAHUNAN

# ULASAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

**URUS NIAGA STRATEGIK DAN AKTIVITI PENINGKATAN NILAI**

Sebagai sebuah firma ekuiti persendirian milik kerajaan, kami mempunyai peranan mengelola modal swasta demi kepentingan awam. Kami berusaha untuk memastikan modal yang dilaburkan memberi pulangan, dengan aspirasi untuk mengembangkan syarikat berpotensi tinggi, mewujudkan peluang pekerjaan dan membangunkan kumpulan bakat yang berkebolehan dan profesional di samping memastikan pulangan kewangan masa depan yang kukuh.

Penglibatan kami membolehkan syarikat-syarikat portfolio kami melancarkan inisiatif-inisiatif perniagaan yang baru, membuat pengambilalihan bersinergi, menaik taraf operasi dan menjana kecekapan penjimatan kos dalam proses perniagaan mereka. Pendek kata, kami menyediakan modal, kepakaran dan sokongan operasi kepada mereka untuk meningkatkan nilai perniagaan mereka dan memaksimumkan potensi mereka.

1. **Pelaburan dalam sektor penjagaan kesihatan**
   Sektor penjagaan kesihatan adalah salah satu daripada enam sektor tumpuan pelaburan Ekuinas dan industri pentadbir pihak ketiga (TPA) bagi tuntutan perubatan membentuk sub-sektor penjagaan kesihatan yang sedang berkembang pesat, dianggarkan bernilai sebanyak RM100.0 juta dan dijangka berkembang 10.0% setahun untuk mencapai RM156.0 juta pada tahun 2019. Atas sebab ini, Ekuinas membuat penyertaan sulungnya ke dalam sektor ini dengan melabur dalam MediExpress Group (MediExpress) dan PMCare Sdn Bhd (PMCare) dengan jumlah pelaburan sebanyak RM79.8 juta, memperoleh 60.0% kepentingan ekuiti dalam kedua-dua syarikat.

   MediExpress, yang terdiri daripada MediExpress (Malaysia) Sdn Bhd dan Health Connect Sdn Bhd, adalah TPA yang memberi perkhidmatan kepada syarikat insurans dan PKS. Sementara itu, PMCare juga adalah penyedia perkhidmatan TPA Bumiputera terkemuka yang menawarkan perkhidmatannya kepada pasaran korporat.

   MediExpress kini mempunyai lebih daripada satu juta ahli di seluruh rangkaiannya yang merangkumi 3,000 klinik dan 150 hospital manakala PMCare memenuhi keperluan lebih 600,000 ahli dan rangkaian sebanyak 3,000 penyedia perubatan di seluruh negara. Kedua-dua syarikat menjana pendapatan bergabung melebihi RM50.0 juta pada TK2014.




   Kami menyedari bahawa gabungan kedua-dua syarikat unggul ini akan menghasilkan satu perniagaan yang berskala jauh lebih besar dan meningkatkan peluang untuk penciptaan nilai. Penggabungan ini akan mewujudkan sebuah syarikat penyedia perkhidmatan TPA terbesar di negara ini dengan penguasaan pasaran sebanyak 40.0% bersama lebih dua juta ahli. Pelaburan kami akan membolehkan kedua-dua entiti memanfaatkan gabungan kekuatan dan memperluaskan capaian mereka, mendapat manfaat daripada kecekapan kos, dan menaik taraf operasi mereka dengan platform teknologi baru.

   Kami yakin akan prospek sektor penjagaan kesihatan dan kekal positif pada daya tahan dan potensi pasaran TPA.

2. **Mencari daya tahan dalam industri minyak dan gas**
   Pada tahun 2015, Ekuinas memperuntukkan modal tambahan untuk menyokong syarikat portfolio kami, Orkim Sdn Bhd dalam perolehan tambahan tiga kapal tangki produk petroleum bersih (CPP) bernilai RM70.0 juta. Kesannya, Orkim kini merupakan penyedia pengangkutan CPP yang terbesar di negara ini dengan unjuran bahagian pasaran hampir 30.0%.

   Kami percaya bahawa persekitaran dengan harga minyak rendah adalah masa yang sesuai untuk menyuntik modal baharu dan mencapai potensi Orkim sebagai kumpulan pengangkutan petroleum hiliran dan logistik yang terkemuka.

/ INDUSTRI TPA /

Dijangka berkembang

10.0%

S E T A H U N

untuk mencapai

**RM156.0 juta**

pada tahun 2019

# ULASAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Selain daripada modal, idea dan kepakaran kami juga membolehkan Orkim untuk memilih strategi yang paling sesuai untuk mengeksploitasi sepenuhnya peluang yang hadir ekoran harga minyak yang rendah.

Sebagai satu pelaburan, peningkatan pendedahan terhadap Orkim meningkatkan daya tahan portfolio Ekuinas, kerana syarikat hiliran ini kini berada dalam kedudukan yang lebih baik untuk menghadapi impak tekanan harga minyak seterusnya mengambil peluang untuk pengembangan pendapatan dan pertumbuhan keuntungan.

3. **Membangunkan peneraju khusus dalam sektor F&B**
Dalam TK2015, kami meneruskan aktiviti penstrukturan semula portfolio F&B kami. Meninggalkan perniagaan Restoran Perkhidmatan Segera (QSR) merupakan satu langkah yang penting dalam memacu strategi masa depan untuk membolehkan kami memberi tumpuan sepenuhnya kepada segmen makanan kasual dan francais pencuci mulut. Perniagaan QSR yang sangat kompetitif memerlukan sejumlah besar usaha dan modal serta keupayaan operasi. Walau bagaimanapun, prospeknya tidak menentu ekoran pengurangan perbelanjaan pengguna. Oleh itu, langkah paling rasional adalah dengan membuat pelupusan pelaburan.

Pelupusan pelaburan francais Burger King dan San Francisco Coffee masing-masing mencatat IRR kasar negatif sebanyak 29.1% dan 5.7%. Adalah penting untuk diberi perhatian bahawa kerugian bagi pelaburan individu tidak semestinya menggambarkan prestasi akhir dana kami. Pulangan sebenar yang dicapai oleh dana ekuiti persendirian adalah berdasarkan kepada prestasi keseluruhan portfolionya.

Kepelbagaian portfolio perniagaan kami menyediakan ruang untuk penciptaan nilai. Sebagai contoh, Revenue Valley Group telah memperkenalkan produk baharu dan mengembangkan pendapatan dengan jumlah yang agak besar sebanyak 20.2% dalam TK2015 walaupun persekitaran perbelanjaan pengguna yang lebih rendah selepas pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST). Revenue Valley adalah kumpulan restoran jenama popular seperti Manhattan Fish Market, Tony Roma's dan New York Steak Shack.

4. **Berkembang dalam pasaran pendidikan swasta yang mencabar**
ILMU Education Group Sdn Bhd (ILMU), portfolio pendidikan yang dilancarkan pada September 2015, menunjukkan komitmen kami ke arah melahirkan peneraju pasaran dalam industri pendidikan swasta. Kami percaya bahawa pendidikan adalah tunggak masa hadapan yang berorientasikan pengetahuan dan para graduan memainkan peranan penting dalam mewujudkan kekayaan ekonomi. ILMU melambangkan aspirasi kami untuk melahirkan graduan yang memenuhi keperluan para majikan di samping menyokong matlamat akademik dan ekonomi Malaysia.

Industri pendidikan mempunyai reputasi sebagai industri 'kalis kemelesetan' dan ia telah terbukti sebagai portfolio Ekuinas yang berdaya tahan. Dalam TK2015, kami terus memperkukuh pegangan kami dalam ILMU dengan tambahan komitmen pelaburan sebanyak RM150.0 juta.

Menerusi tujuh institusi pendidikan swasta, yang menawarkan pembelajaran secara menyeluruh kepada hampir 35,000 pelajar, ILMU adalah salah satu kumpulan pendidikan swasta bersepadu yang terbesar di negara ini. Tambahan pula, pegangan ILMU di pelbagai institusi pengajian tinggi dan pendidikan K-12 (rendah dan menengah) yang ditawarkan kepada semua segmen pelajar meletakkannya pada kedudukan yang baik untuk memaksimumkan peluang pertumbuhan apabila perbelanjaan isi rumah pulih.

Walaupun industri pendidikan swasta adalah sangat kompetitif, ILMU berjaya meningkatkan pengambilan pelajarnya; mengubah sebuah institusi swasta K-12 yang mengalami kerugian menjadi sebuah entiti terkemuka membuat keuntungan yang kini dikenali sebagai Asia Pacific Smart School; membina kapasiti tambahan; memperkenalkan program pendidikan baru dan mengembangkan asas pendapatannya. Pelaburan kami dalam Asia Pacific Institute of Information Technology (APIIT) Sri Lanka menunjukkan prestasi yang baik di sebalik permintaan yang terselindung terhadap pendidikan tinggi di kepulauan itu. Pendapatan APIIT Sri Lanka meningkat sebanyak 9.8% pada TK2015.

Sementara itu, pelan pemulihan strategik untuk Kolej Cosmopoint berada di landasan yang betul dan saya gembira melaporkan bahawa Cosmopoint mengalami peningkatan jumlah enrolmen pelajar dan pengurangan bilangan pelajar yang gagal.

Dalam TK2015, ILMU mencatat pendapatan kasar sebanyak RM431.2 juta dan EBITDA sebanyak RM110.7 juta, iaitu peningkatan masing-masing sebanyak 4.5% dan 25.5% daripada TK2014. Pada awalnya, terdapat rancangan untuk merealisasikan nilai ILMU melalui tawaran awam permulaan (IPO). Walau bagaimanapun, kami merasakan bahawa keadaan pasaran tidak sesuai untuk proses penyenaraian pada tahun 2015. Bersama-sama dengan kumpulan pengurusan di ILMU, kami terus fokus mengukuhkan operasi ILMU untuk mencapai pelan penciptaan nilai. Kami akan terus memantau pasaran dan mempertimbangkan pelbagai pilihan pelupusan untuk merealisasikan sepenuhnya nilai ILMU di masa hadapan.

5. **Menggalakkan inovasi dalam syarikat perintis industri**
Kemajuan penting telah dicapai oleh pelaburan Ekuinas dalam industri teknologi, media dan telekomunikasi (TMT) iaitu Tranglo Sdn Bhd (Tranglo). Tranglo mencatatkan peningkatan kecil sebanyak 0.9% daripada hasil pendapatan pada tahun sebelumnya, di mana inisiatif strategik telah dilaksanakan untuk memenuhi permintaan pengguna.

Sebagai penyedia perkhidmatan transaksi mudah alih, kerelevanan Tranglo bergantung kepada inovasi yang dapat menjangka dan memenuhi keperluan pelanggan. Suatu perkembangan menarik adalah keluaran produk baharu yang telah dilancarkan pada tahun lepas, yang menyediakan pendahuluan masa bual kepada pelanggan yang berkelayakan. Sambutan pengguna adalah amat menggalakkan dan produk ini berjaya memasuki kedua-dua pasaran baharu iaitu Indonesia dan Filipina pada tahun 2015. Pada 2016, kami menjangka inovasi Tranglo akan menembusi dua hingga tiga lagi pasaran baharu.

**01** RINGKASAN TAHUNAN

# ULASAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Suatu lagi perkembangan inovatif adalah aplikasi barunya, Treatsup yang dijadual untuk dilancarkan pada 2016. Ini merupakan aplikasi pertama seumpamanya yang membolehkan pengguna menambah kredit untuk telefon bimbit mereka atau berkongsi masa bual dengan rakan-rakan. Pengguna juga akan dapat menebus mata ganjaran percuma dengan mata ganjaran yang diperolehi ketika melaksanakan fungsi-fungsi tertentu. Kami percaya bahawa inovasi baharu ini menyediakan potensi besar kepada Tranglo dalam industri TMT rentas sempadan yang semakin berkembang pesat.

**...WALAUPUN PELABURAN INDIVIDU KAMI TIDAK KEBAL TERHADAP KELEMBAPAN DALAM INDUSTRI O&G, KEBANYAKAN SYARIKAT-SYARIKAT PORTFOLIO KAMI BERJAYA MENGEMBANGKAN PENDAPATAN MEREKA DALAM PERSEKITARAN YANG MENCABAR INI.**

## MENGEMUDI SYARIKAT MELALUI ERA KEMELESETAN SECARA PROAKTIF

Di sebalik usaha-usaha substantif untuk memaksimumkan potensi syarikat portfolio dan pelan pertumbuhan jangka panjang masing-masing, pelaburan kami adalah tertakluk kepada kuasa pasaran. Sebagai satu kumpulan, pelaburan langsung Ekuinas mencatatkan penurunan hasil pendapatan sebanyak 2.2% pada TK2015 (TK2014: peningkatan sebanyak 6.2%). Persekitaran harga minyak rendah memberi kesan buruk ke atas prestasi Icon Offshore Bhd (ICON) dan menyebabkan penurunan pendapatan gabungan bagi syarikat-syarikat portfolio kami. Pendapatan sebelum Faedah, Cukai, Susut Nilai dan Pelunasan (EBITDA) mencatat nilai negatif sebanyak 12.1% dalam tempoh ini.

Ianya akan membantu pihak berkepentingan apabila mengetahui bagaimanakah prestasi pelaburan kami sekiranya impak daripada tekanan harga minyak dikecualikan. EBITDA akan berkembang pada 6.8% pada TK2015 jika nilai ICON yang lebih rendah dikecualikan. Ini menunjukkan bahawa walaupun pelaburan individu kami tidak kebal terhadap kelembapan dalam industri O&G, kebanyakan syarikat-syarikat portfolio kami berjaya mengembangkan pendapatan mereka dalam persekitaran yang mencabar ini.

Seperti sebelum ini, Ekuinas sedar akan keperluan untuk melindungi nilai pelaburan kami. Pada awal tahun 2015, kami mencadangkan supaya kumpulan pengurusan di syarikat-syarikat portfolio kami membuat perancangan untuk menghadapi persekitaran yang lebih mencabar dan kemungkinan berdepan dengan 'senario terburuk' dalam perniagaan. Saya percaya usaha ini telah mengukuhkan kedudukan kewangan syarikat-syarikat portfolio kami dan menguatkan daya tahan mereka untuk menghadapi masa-masa yang mencabar.

Dalam melangkah maju ke hadapan, kami perlu memastikan kemampuan untuk menjangka perubahan dalam pasaran dan meletakkan portfolio kami pada kedudukan dengan sewajarnya. Walaupun tinjauan menunjukkan persekitaran yang tidak menentu dan risiko akan terus wujud, ia menyediakan masa yang menarik untuk Syarikat. Terdahulunya, masa yang terbaik untuk mencari dan mewujudkan nilai adalah ketika berhadapan era kelembapan ekonomi. Kami berharap bahawa strategi aktif pengurusan portfolio kami dan pelaksanaan pelbagai inisiatif strategik akan mewujudkan nilai dan bersesuaian dengan syarikat-syarikat portfolio kami pada tahun akan datang.

## LANGKAH-LANGKAH KEWANGAN UTAMA

Di sebalik keadaan nilai aset rendah, Ekuinas Direct (Tranche I) Fund berjaya melepasi sasaran minimum kadar pulangan dalaman (IRR) 12.0% dengan pulangan kasar portfolio sebanyak RM591.3 juta, bersamaan IRR kasar sebanyak 14.8% setahun dan IRR bersih 10.9% setahun pada tahun 2015 (TK2014: pulangan kasar portfolio sebanyak RM677.1 juta; IRR kasar sebanyak 19.6% setahun; IRR bersih 15.3% setahun).

Ekuinas Direct (Tranche II) Fund mencatatkan pulangan kasar portfolio sebanyak RM133.3 juta pada IRR kasar sebanyak 13.0% setahun dan IRR bersih sebanyak 5.7% setahun (TK2014: pulangan kasar portfolio sebanyak RM148.4 juta; IRR kasar sebanyak 31.9% setahun; IRR bersih sebanyak 19.3% setahun). Walaupun ini menunjukkan penurunan daripada tahun sebelumnya, pengurangan dalam keuntungan kasar adalah kurang daripada unjuran yang dianggarkan ekoran impak harga minyak yang lebih rendah kepada industri O&G dan ekonomi secara keseluruhannya. Kami percaya bahawa langkah-langkah strategik yang dilaksanakan oleh syarikat-syarikat portfolio kami telah dan akan terus mengurangkan kesan buruk daripada kemerosotan keadaan ekonomi. Walaupun syarikat-syarikat ini masih tertakluk kepada kuasa kitaran pasaran, mereka berada pada kedudukan yang lebih baik untuk mengharungi cabaran semasa dan merealisasikan peluang masa hadapan.

# ULASAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Isu-isu yang telah dikenal pasti terlebih dahulu oleh Ekuinas telah memaksa kami melaksanakan strategi-strategi portfolio yang konservatif. Pendedahan terhadap industri O&G telah dikurangkan daripada 43.0% pada TK2014 kepada 40.0% pada TK2015. Tambahan lagi, kami telah meningkatkan pelaburan kami dalam sektor yang bersifat defensif seperti sektor penjagaan kesihatan dan pendidikan. Prestasi positif dana-dana kami membuktikan kekuatan portfolio yang pelbagai, terdiri daripada syarikat-syarikat kukuh dan aktif yang telah menunjukkan prestasi yang baik dalam kitaran pasaran yang berbeza.

Selain daripada pelaburan secara langsung, Ekuinas juga menguruskan Program Penyumberan Luar dengan enam firma ekuiti persendirian luar dikenali sebagai Pengurus Dana Penyumberan Luar (OFM). Kami memberi komitmen modal sebanyak RM640.0 juta kepada dua dana Penyumberan Luar di bawah program ini. Rakan kongsi kami menyumbang sebanyak RM262.0 juta dalam program ini yang menjadikan jumlah modal sedia ada untuk pelaburan sebanyak RM902.0 juta.

Menyedari bahawa nilai aset masih berada di tahap yang tinggi, hanya empat pelaburan baharu telah dilaksanakan di bawah Program Penyumberan Luar dalam TK2015. Ekuinas menyumbang sebanyak RM36.9 juta untuk pelaburan komited sebanyak RM61.3 juta yang dilaksanakan oleh OFM. Pada akhir tahun 2015, program ini mempunyai jumlah pelaburan kumulatif yang dilaksanakan sebanyak RM437.0 juta dengan 19 pelaburan, di mana sumbangan Ekuinas adalah berjumlah RM302.2 juta.

**MEMBERI MANFAAT KEPADA KOMUNITI BUMIPUTERA SECARA LEBIH MELUAS**

Bagi Ekuinas, penciptaan nilai bukan sahaja merujuk kepada mencapai pulangan ke atas pelaburan yang dilaksanakan. Ia juga melibatkan usaha meninggalkan impak positif kepada masyarakat. Kami percaya bahawa dengan usaha ke arah mencapai matlamat kewangan kami, ini akan membolehkan kami mencapai matlamat sosial yang diingini untuk memberikan kesan yang positif dan bermakna kepada lebih ramai masyarakat Bumiputera.

Kami gembira dapat turut menyumbang dalam model ekonomi yang lebih terangkum untuk Malaysia dan berharap untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi di pelbagai dimensi pada 2016.

Ekuinas terus menunjukkan kemajuan dalam pembangunan syarikat-syarikat yang menyertai program Skim Jejak Jaya Bumiputera (SJJB). Bersama-sama dengan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), Ekuinas menyediakan khidmat nasihat secara holistik dalam program ini yang bertujuan untuk membangunkan lebih banyak syarikat tersenarai awam kawalan Bumiputera terkemuka pasaran.

Maklumat lanjut mengenai SJJB boleh didapati di seksyen Hal Ehwal Pihak Berkepentingan dalam laporan ini.

**MEMPERKENALKAN ILTIZAM, PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT EKUINAS**

Dalam tempoh enam tahun yang lalu, warga kerja Ekuinas telah secara konsisten menawarkan diri untuk aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR), melebihi bidang tugas profesional mereka. Usaha kami untuk membantu masyarakat yang lebih luas telah terbukti berkesan dan keputusan telah diambil untuk menubuhkan program CSR Ekuinas secara rasminya dan justeru, sebuah jabatan khusus CSR telah diwujudkan pada awal tahun 2015.

ILTIZAM, program CSR Ekuinas yang berstruktur dan berfokus, telah dilancarkan pada awal tahun 2016 dan diilhamkan oleh keazaman, kesungguhan dan kegigihan mereka yang berusaha untuk mendorong perubahan dan transformasi yang berkesan. Dengan memberi tumpuan kepada tiga tunggak utama: Keusahawanan, Pendidikan dan Komuniti, ILTIZAM menunjukkan komitmen kami untuk terus memberi impak positif kepada masyarakat setempat.

# ULASAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF




Sepanjang beberapa tahun lalu, Ekuinas telah melabur lebih daripada RM13.0 juta bagi tujuan tanggungjawab sosial korporatnya. Kami berharap untuk membuat pelaburan tambahan sebanyak RM18.0 juta dalam program ILTIZAM untuk tempoh tiga tahun akan datang. Sila rujuk seksyen Hal Ehwal Pihak Berkepentingan untuk maklumat lanjut mengenai ILTIZAM dan programnya.

**PENGHARGAAN TULUS IKHLAS**

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengulangi komitmen saya dalam usaha mencapai objektif Ekuinas. Kerajaan Malaysia telah menaruh kepercayaan kepada Ekuinas untuk melabur modal yang diperuntukkan dan kami komited untuk mencapai prestasi cemerlang demi menjaga amanah ini.

Bagi pihak Ekuinas, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Malaysia, Lembaga Pemegang Amanah di Yayasan Ekuiti Nasional dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab ke atas Ekuinas, serta Seksyen Pengagihan, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU).

Ia merupakan satu penghormatan buat saya untuk menulis ulasan ini sebagai Ketua Pegawai Eksekutif kedua dalam sejarah Ekuinas. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Pengarah dan Dato' Abdul Rahman Ahmad, CEO Ekuinas pertama yang terdahulu sebelum saya, atas kepercayaan dan keyakinan mereka terhadap saya dan saya akan berusaha untuk melakukan yang terbaik.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua rakan niaga, pihak berkepentingan dan pasukan yang dinamik, profesional dan berkeupayaan tinggi di Ekuinas dan syarikat-syarikat portfolio kami. Saya tidak sabar untuk bekerja bersama-sama dengan anda pada tahun akan datang dan saya yakin bahawa kita akan bersama-sama membawa Ekuinas ke arah kejayaan dalam fasa pertumbuhan seterusnya.

**SYED YASIR ARAFAT SYED ABD KADIR**
*Ketua Pegawai Eksekutif*



# 02

# KEPIMPINAN



Portfolio Minyak & Gas meliputi sebahagian besar jumlah portfolio pelaburan Ekuinas. Portfolio ini terdiri daripada Icon Offshore Berhad, syarikat perkhidmatan Kapal Sokongan Luar Pesisir yang terbesar di Malaysia dengan pemilikan 33 buah kapal; dan Orkim Sdn Bhd, sebuah syarikat kapal tangki Produk Petroleum Bersih terbesar di Malaysia dengan hampir 30.0% dari pemilikan di pasaran.

# STRUKTUR KORPORAT



**02 KEPIMPINAN**

# STRUKTUR KORPORAT

**PROGRAM PENYUMBERAN LUAR**

- **Tranche I**
  - 100% E-Cap (External) One Sdn Bhd
    - Navis Malaysia Growth Opportunities Fund I, L.P.
    - CIMB National Equity Fund Ltd. P.
    - TAP Harimau Fund L.P.
- **Tranche II**
  - 100% E-Cap (External) Two Sdn Bhd*
    - RMCP One Sdn Bhd
    - COPE Opportunities 3 Sdn Bhd
    - TAEL Tijari (OFM) L.P.

** Tuas Capital Partners Malaysia Growth I L.P. telah ditamatkan pada Disember 2015*

# MAKLUMAT KORPORAT

## LEMBAGA PENGARAH

**Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda**
*(Pengerusi)*

**Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan**

**Tan Sri Mohamed Azman Yahya**

**Datuk Seri Dr. Rahamat Bivi Yusoff**

**Datuk Noriyah Ahmad**

**Datuk Ali Abdul Kadir**

**Johan Mahmood Merican**

**Dato' Abdul Rahman Ahmad**
*(Ketua Pegawai Eksekutif sehingga 29.2.2016)*

**Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir**
*(Ketua Pegawai Eksekutif dari 1.3.2016)*

## JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

**Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko**

Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda
*(Pengerusi)*
Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan
Datuk Noriyah Ahmad
Johan Mahmood Merican

**Jawatankuasa Pelantikan & Ganjaran**

Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan
*(Pengerusi)*
Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda
Tan Sri Mohamed Azman Yahya
Johan Mahmood Merican

**Jawatankuasa Pelaburan**

Tan Sri Mohamed Azman Yahya
*(Pengerusi)*
Datuk Ali Abdul Kadir
Dato' Abdul Rahman Ahmad *(sehingga 29.2.2016)*
Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir
Mazhairul Jamaludin
Nik Johaan Nik Hashim

**Jawatankuasa CSR**

Datuk Noriyah Ahmad
*(Pengerusi)*
Dato' Abdul Rahman Ahmad *(sehingga 29.2.2016)*
Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir
*(gantian dengan Mazhairul Jamaludin)*
Nik Johaan Nik Hashim
Suridah Jalaluddin *(sehingga 31.12.2015)*

## SETIAUSAHA SYARIKAT

Shamsiah A Rahman (MAICSA 7008380)
Norsham Abdul Ghani (LS 01203)

## JURUAUDIT

PricewaterhouseCoopers
Chartered Accountants

## BANK UTAMA

Malayan Banking Berhad
CIMB Bank Berhad
Affin Bank Berhad

## ALAMAT BERDAFTAR

**Prokhas Sdn Bhd**
Tingkat 7, Bangunan Setia 1
15 Lorong Dungun
Bukit Damansara
50490 Kuala Lumpur

## ALAMAT PEJABAT

**Ekuiti Nasional Berhad** (868265 U)
Aras 13, Menara Surian
No. 1, Jalan PJU 7/3
Mutiara Damansara
47810 Petaling Jaya, Selangor

## JAWATANKUASA PENGURUSAN

Dato' Abdul Rahman Ahmad
*Ketua Pegawai Eksekutif sehingga 29.2.2016*

Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir
*Ketua Pegawai Eksekutif dari 1.3.2016*

Mazhairul Jamaludin
*Ketua Pegawai Kewangan/Pengarah Kanan, Pelaburan/Penyumberan Luar*

Nik Johaan Nik Hashim
*Pengarah Kanan, Pelaburan/Hal Ehwal Pihak Berkepentingan*

Suridah Jalaluddin
*Pengarah Kanan, Pelaburan/Perkhidmatan Bersama (sehingga 31.12.2015)*

**02 KEPIMPINAN**

# STRUKTUR ORGANISASI



# LEMBAGA PENGARAH



## RAJA TAN SRI DATO' SERI ARSHAD RAJA TUN UDA

Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif

Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda adalah Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif, Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas). Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Audit dan Risiko dan ahli Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran.

Pada masa ini, Raja Tan Sri Arshad turut memegang jawatan-jawatan berikut: Pengerusi Maxis Berhad dan Pengarah di Khazanah Nasional Berhad serta ACR Capital Holdings. Beliau juga merupakan Pengerusi Yayasan Raja Muda Selangor dan Pengerusi Yayasan Amir, selain menjadi ahli Lembaga Pemegang Amanah bagi Yayasan DayaDiri. Raja Tan Sri Arshad juga adalah Canselor Universiti Selangor.

Raja Tan Sri Arshad adalah mantan Pengerusi Eksekutif dan Rakan Kongsi Kanan di PricewaterhouseCoopers (PwC) Malaysia. Beliau juga adalah mantan Pengerusi, Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia dan Pengerusi Danamodal Nasional Berhad. Jawatan dan peranan terdahulu beliau di peringkat antarabangsa termasuk menganggotai Lembaga PwC Global IFRS dan Majlis Standards Advisory Council di International Accounting Standards Board.

Raja Tan Sri Arshad merupakan Fellow di Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW), dan juga ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA) serta Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA) di mana beliau merupakan anggota Majlis MICPA selama 24 tahun dan pernah menyandang jawatan Presiden selama tiga tahun di dalam tempoh tersebut.

02 KEPIMPINAN

# LEMBAGA PENGARAH



## DATO' ABDUL RAHMAN AHMAD

Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif (sehingga 29 Februari 2016)

Dato' Abdul Rahman Ahmad ialah salah seorang Pengarah yang juga merupakan Ketua Pegawai Eksekutif di Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) sejak penubuhan sehingga 29 Februari 2016. Beliau mengetuai Jawatankuasa Pengurusan dan merupakan ahli Jawatankuasa Pelaburan.

Sebelum menyertai Ekuinas, Dato' Abdul Rahman menyandang jawatan Pengarah Urusan Kumpulan/Ketua Pegawai Eksekutif di Media Prima Berhad (MPB), kumpulan pelaburan media berintegrasi yang ulung di Malaysia. Beliau juga adalah mantan Pengarah Urusan Kumpulan/Ketua Pegawai Eksekutif di Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB), sebuah syarikat konglomerat Malaysia yang terlibat di dalam perniagaan hartanah, pembinaan dan infrastruktur.

Dato' Abdul Rahman memulakan kerjayanya di Arthur Andersen, London, dan kemudian berkhidmat sebagai Pegawai Khas kepada Pengerusi Eksekutif di Trenergy (M) Berhad/Turnaround Managers Inc Sdn Bhd. Beliau kemudiannya menyertai Pengurusan Danaharta Nasional Berhad, sebuah syarikat pengurusan aset negara sebagai Ketua Unit dan seterusnya menjadi Pengarah Eksekutif di SSR Associates Sdn Bhd, sebuah firma perunding kewangan korporat.

Dato' Abdul Rahman memiliki ijazah Sarjana di dalam bidang Ekonomi dari Cambridge University, United Kingdom dan merupakan ahli Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW). Beliau kini merupakan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif di Icon Offshore Berhad dan juga Pengarah Bebas di Axiata Group Berhad (Axiata), dan M+S Pte Ltd, sebuah syarikat usahasama hartanah antara Khazanah Nasional Berhad dan Temasek Holdings (Private) Limited.

02 KEPIMPINAN

# LEMBAGA PENGARAH



## TAN SRI DATO' SERI MOHAMED JAWHAR HASSAN

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar adalah Pengarah Bebas Bukan Eksekutif di Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas). Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran dan ahli Jawatankuasa Audit dan Risiko.

Pada masa ini, beliau merupakan Pengerusi Bukan Eksekutif di New Straits Times Press Berhad dan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif di Media Prima Berhad. Beliau juga menganggotai Lembaga Pengarah Affin Bank Berhad dan ahli Suruhanjaya di Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar adalah seorang ahli Panel Kajian Operasi, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Beliau juga adalah mantan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia. Beliau telah berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia dalam pelbagai kapasiti sebelum dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah ISIS Malaysia pada tahun 1990.

Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar merupakan ahli Kumpulan Kerja Majlis Ekonomi dan ahli Panel Penasihat, SPRM. Beliau juga adalah Pengerusi, Jawatankuasa Nasional Malaysia bagi Majlis Kerjasama Keselamatan di Asia Pasifik dan seorang Expert and Eminent Person bagi Forum Serantau ASEAN (ARF).

# LEMBAGA PENGARAH



## TAN SRI MOHAMED AZMAN YAHYA

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Tan Sri Mohamed Azman Yahya ialah salah seorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif di Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas). Beliau juga adalah Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan dan ahli Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran.

Beliau merupakan Pengerusi Eksekutif Symphony Life Berhad. Beliau juga merupakan ahli Lembaga Pengarah Khazanah Nasional Berhad dan AIA Group Limited. Tan Sri Azman juga adalah ahli Majlis Penasihat Pasaran Modal, Suruhanjaya Sekuriti dan Jawatankuasa Khas Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri serta merupakan Pengarah Sepang International Circuit Sdn Bhd dan Pengerusi Motorsports Association of Malaysia.

Sebelum menceburi bidang perniagaan, Tan Sri Azman pernah dilantik oleh Kerajaan Malaysia untuk menubuhkan dan mengetuai Danaharta Nasional Berhad, syarikat pengurusan aset negara dan dilantik sebagai Pengerusi syarikat sehingga tahun 2003. Beliau juga pernah menjadi Pengerusi Jawatankuasa Penstrukturan Semula Hutang Korporat (CDRC) yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk membantu menyelesai dan menstrukturkan semula hutang bagi syarikat-syarikat berdaya maju sehingga pembubarannya pada tahun 2002.

Kerjaya beliau sebelum ini merangkumi pengalaman bekerja di bidang audit dengan KPMG di London, bidang kewangan dengan Kumpulan Island & Peninsular dan bidang perbankan pelaburan dengan Bumiputra Merchant Bankers dan Amanah Merchant Bank.

Tan Sri Azman memiliki Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) kelas satu di bidang Ekonomi dari London School of Economics and Political Science, dan merupakan ahli Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW), ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA) selain menjadi Fellow di Institut Bank-Bank Malaysia.

**02 KEPIMPINAN**

# LEMBAGA PENGARAH




Datuk Seri Dr Rahamat Bivi Yusoff menyertai Lembaga Pengarah Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) sebagai Pengarah Bukan Eksekutif pada 19 Oktober 2011 ketika beliau dilantik sebagai Ketua Pengarah di Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Malaysia (UPE, JPM).

Datuk Seri Dr Rahamat telah berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Malaysia selama lebih 30 tahun, di mana jawatan pertama beliau adalah sebagai Penolong Setiausaha (Bahagian Cukai) di Kementerian Kewangan (MOF) dan seterusnya beliau telah memegang pelbagai jawatan, antaranya Pengarah Bahagian Belanjawan di MOF, Timbalan Pengarah Seksyen Ekonomi Makro di UPE, JPM, Pegawai Projek di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan Pengarah di Suruhanjaya Tenaga. Sebelum dilantik menjadi Ketua Pengarah UPE, JPM, Datuk Seri Dr Rahamat merupakan Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, MOF menerajui Bahagian Sistem dan Kawalan.

Datuk Seri Dr Rahamat juga merupakan ahli Lembaga Pengarah Malaysia-Thailand Joint Authority (MTJA), Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) dan MRT Corporation Sdn. Bhd. Beliau juga ialah ahli Majlis di Iskandar Regional Development Authority (IRDA), Sabah Economic Development & Investment Authority (SEDIA), Sarawak Corridor of Renewable Energy (RECODA) dan East Cost Economic Region Development Council (ECERDC).

Datuk Seri Dr Rahamat memiliki ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Ekonomi) (Kepujian) dari Universiti Sains Malaysia, ijazah Sarjana Ekonomi dari University of Western Michigan, Amerika Syarikat dan beliau juga telah menerima ijazah Kedoktoran dari Australian National University.

02 KEPIMPINAN

# LEMBAGA PENGARAH



## DATUK NORIYAH AHMAD

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Datuk Noriyah Ahmad ialah salah seorang daripada Pengarah Bebas Bukan Eksekutif di Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas), ahli Jawatankuasa Audit dan Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan CSR.

Datuk Noriyah merupakan mantan Ketua Pengarah, Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri Malaysia (UPE, JPM), iaitu jawatan terakhir yang disandang setelah lebih 30 tahun berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Malaysia.

Beliau memulakan kerjaya dengan Kerajaan sebagai Penolong Pengarah, Seksyen Perkhidmatan Sosial, UPE, JPM, dan kemudian memegang pelbagai jawatan di Kementerian Wilayah Persekutuan, Unit Perancang Lembah Klang, INTAN, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kepenggunaan dan Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia. Pada tahun 2003, beliau menyandang jawatan sebagai Pengarah Seksyen Pengagihan di UPE, JPM dan dinaikkan pangkat kepada Timbalan Ketua Pengarah I pada tahun 2005. Datuk Noriyah dilantik menjadi Ketua Pengarah UPE, JPM pada tahun 2009, sebelum bersara pada bulan Oktober 2011.

Datuk Noriyah juga merupakan Pengerusi Bersama bagi Malaysia-Thailand Joint Authority (MJTA) dan ahli Lembaga Pengarah di Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Zecon Medicare Sdn. Bhd. dan Prokhas Sdn. Bhd.

Datuk Noriyah memiliki ijazah Sarjana Muda Ekonomi Gunaan (Kepujian) dari Universiti Malaya dan ijazah Sarjana Ekonomi Pembangunan dari University of Kent, United Kingdom.

02 KEPIMPINAN

# LEMBAGA PENGARAH




Datuk Ali Abdul Kadir telah dilantik sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) pada 1 Oktober 2015. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Pelaburan.

Pada masa ini, Datuk Ali turut memegang jawatan-jawatan berikut: Pengerusi Jobstreet Corporation Berhad, ENRA Group Berhad dan Privasia Technology Berhad; dan Ahli Lembaga Pengarah Labuan Financial Services Authority, Glomac Berhad dan Citibank Berhad. Beliau juga merupakan anggota Panel Penasihat Akademi Latihan Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Fakulti Perniagaan dan Perakaunan, Universiti Malaya.

Datuk Ali merupakan mantan Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Beliau juga merupakan mantan Pengerusi Eksekutif dan Rakan Kongsi Ernst & Young dan firma yang berkaitan. Peranan beliau di peringkat antarabangsa termasuk sebagai Pengerusi Asia Pacific Regional Committee dan Islamic Capital Market Working Group serta ahli Jawatankuasa Eksekutif di International Organisation of Securities Commissions (IOSCO).

Selain menjadi Fellow di Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW), Datuk Ali merupakan ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA) dan Institut Akauntan Malaysia (MIA). Beliau juga merupakan Penasihat Kehormat ICAEW City Chapter dan Fellow Kehormat bagi Institute of Chartered Secretaries and Administrators (UK) dan Malaysian Institute of Directors. Beliau telah dianugerahkan Lifetime Achievement Award oleh ICAEW dan Anugerah Presiden oleh MICPA.

**02** KEPIMPINAN

# LEMBAGA PENGARAH



## JOHAN MAHMOOD MERICAN

Pengarah Bukan Eksekutif

Johan Mahmood Merican telah dilantik sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) pada 1 Oktober 2015. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko dan ahli Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran.

Johan telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif TalentCorp sejak penubuhan syarikat tersebut pada 1 Januari 2011. Terdahulunya, beliau merupakan mantan Ketua Setiausaha Sulit kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Malaysia dan mempunyai pengalaman lebih 20 tahun dalam pembangunan dasar awam, kewangan korporat dan perakaunan dalam kedua-dua sektor awam dan swasta di Malaysia dan United Kingdom.

Beliau merupakan seorang akauntan bertauliah yang memiliki Ijazah Kepujian kelas pertama dalam bidang Ekonomi dari University of Cambridge dan juga ahli Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW).

# LEMBAGA PENGARAH



## SYED YASIR ARAFAT SYED ABD KADIR

Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif (sejak 1 Mac 2016)

Syed Yasir Arafat merupakan Pengarah Urusan, Pelaburan di Ekuinas sejak pertubuhan dan telah mengambil alih peranan Ketua Pegawai Eksekutif sejak 1 Mac 2016. Sebagai Ketua Pegawai Eksekutif, beliau mengetuai ahli Jawatankuasa Pengurusan dan juga Jawatankuasa Pelaburan.

Beliau merupakan Pengurus Negara (Perbankan Borong ING) yang menyelia operasi kedua-dua syarikat ING Corporate Advisory (Malaysia) Sdn Bhd dan ING Bank (Labuan) di Malaysia. Beliau berkhidmat selama 9 tahun di ING Corporate Advisory (Malaysia) Sdn Bhd bermula sebagai VP Corporate Finance di mana beliau mengendalikan operasi penggabungan dan pengambilalihan (M&A), penubuhan dana ekuiti dan dana berkaitan ekuiti, penubuhan dana pinjaman dan menjadi penasihat kewangan kepada beberapa syarikat peneraju Malaysia yang terlibat dalam bidang perbankan, perladangan, automotif, telekomunikasi dan hartanah.

| **Jumlah Nilai Aset Bersih tambah Modal Diagihkan (G+H)** | **331.1** | **13.5** | **344.6** |
| | | | |
| **IRR Kasar Tahunan** | **10.6%** | | **6.3%** |
| **IRR Bersih Tahunan (sebelum faedah)** | **8.8%** | | **5.0%** |

* *Termasuk pengagihan modal dilabur semula.*

# LAPORAN PRESTASI PELABURAN

**4 Prestasi Dana**

**4.2 Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund**

**(a) Nilai Aset Bersih (NAB) Dana pada 31 Disember 2015**

| | 2014<br>RM juta | Perubahan dalam tahun<br>RM juta | 2015<br>RM juta |
|---|---|---|---|
| **A. Modal Diperuntukkan** | **240.0** | **-** | **240.0** |
| **B. Modal Dipanggil** | **32.7** | **19.2** | **51.9** |
| **C. Modal Dilabur semula** | **-** | | **-** |
| **D. Jumlah Modal Disediakan (B+C)** | **32.7** | **19.2** | **51.9** |
| **E. Surutan Hutang (Kos Terlunas)** | **-** | | **-** |
| **F. Jumlah Modal Dilabur (D+E)** | **32.7** | **19.2** | **51.9** |
| **Tambah peningkatan/(pengurangan) ke atas Nilai Aset Bersih:** | | | |
| Pendapatan Dividen | - | | - |
| Keuntungan/(Kerugian) Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan | (15.5) | 0.5 | (15.0) |
| Keuntungan/(Kerugian) Direalisasi dari Pelupusan | - | | - |
| Perbelanjaan Faedah | - | | - |
| **Jumlah Pulangan Kasar Portfolio** | **(15.5)** | **0.5** | **(15.0)** |
| Perbelanjaan Organisasi | (2.4) | (1.2) | (3.6) |
| Pengagihan Modal kepada Rakan Terhad (C+H)* | - | - | - |
| **Pengurangan bersih dalam Nilai Aset Bersih** | **(17.9)** | **(0.7)** | **(18.6)** |
| **G. Nilai Aset Bersih** | **14.8** | **18.5** | **33.3** |
| **Nilai Aset Bersih terdiri daripada:** | | | |
| Pelaburan – pada kos | 30.3 | 18.0 | 48.3 |
| Keuntungan/(Kerugian) Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan | (15.5) | 0.5 | (15.0) |
| **Pelaburan pada Nilai Saksama** | **14.8** | **18.5** | **33.3** |
| Tambah: Baki Tunai | - | - | - |
| Tambah: Modal Kerja | - | - | - |
| Tambah: Modal Tidak Dipanggil | - | - | - |
| **Bersamaan Nilai Aset Bersih** | **14.8** | **18.5** | **33.3** |
| | | | |
| **Nilai Aset Bersih** | **14.8** | **18.5** | **33.3** |
| **H. Modal Diagihkan** | **-** | | **-** |
| **Jumlah Nilai Aset Bersih tambah Modal Diagihkan (G+H)** | **14.8** | **18.5** | **33.3** |
| | | | |
| **IRR Kasar Tahunan#** | **N/M** | | **N/M** |
| **IRR Bersih Tahunan (sebelum faedah)#** | **N/M** | | **N/M** |

*# Nilai IRR Kasar dan IRR Bersih Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund tidak dibentangkan kerana dana masih di peringkat awal pelaburan.*

** Termasuk pengagihan modal dilabur semula.*

## 03 PRESTASI

# LAPORAN PRESTASI PELABURAN

### SYARIKAT PORTFOLIO

**MCAT BOX OFFICE SDN BHD (MBO)**

**Butiran Transaksi**
OFM: Navis Capital Partners
Sektor: Peruncitan & Percutian
Tarikh Perolehan: Mac 2012

Modal Komited Ekuinas:
RM16.8 juta

**SEG INTERNATIONAL BERHAD (SEGi)**

**Butiran Transaksi**
OFM: Navis Capital Partners
Sektor: Pendidikan
Tarikh Perolehan: Mac 2012

Modal Komited Ekuinas:
RM43.5 juta

**STRATEQ SDN BHD**

**Butiran Transaksi**
OFM: Navis Capital Partners
Sektor: Perkhidmatan
Tarikh Perolehan: Mac 2013

Modal Komited Ekuinas:
RM39.0 juta

**HG POWER TRANSMISSION SDN BHD**

**Butiran Transaksi**
OFM: Navis Capital Partners
Sektor: Perkhidmatan
Tarikh Perolehan: Mei 2013

Modal Komited Ekuinas:
RM30.1 juta

**BRICKFIELDS ASIA COLLEGE**

**Butiran Transaksi**
OFM: Navis Capital Partners
Sektor: Pendidikan
Tarikh Perolehan: November 2013

Modal Komited Ekuinas:
RM34.8 juta

**BIG SDN BHD**

**Butiran Transaksi**
OFM: Navis Capital Partners
Sektor: FMCG & Peruncitan
Tarikh Perolehan: Disember 2014

Modal Komited Ekuinas:
RM17.6 juta

**MACROKIOSK SDN BHD**

**Butiran Transaksi**
OFM: CIMB Private Equity
Sektor: Perkhidmatan
Tarikh Perolehan: Julai 2013

Modal Komited Ekuinas:
RM21.1 juta

**R.E.A.L. EDUCATION GROUP**

**Butiran Transaksi**
OFM: CIMB Private Equity
Sektor: Pendidikan
Tarikh Perolehan: Mei 2014

Modal Komited Ekuinas:
RM28.1 juta

**MEGA FORTRIS (MALAYSIA) SDN BHD**

**Butiran Transaksi**
OFM: Tremendous Asia Partners
Sektor: Pembuatan
Tarikh Perolehan: Jun 2014

Modal Komited Ekuinas:
RM18.0 juta

**STX PRECISION CORPORATION SDN BHD**

**Butiran Transaksi**
OFM: CMS Opus Private Equity
Sektor: Perkhidmatan
Tarikh Perolehan: Disember 2013

Modal Komited Ekuinas:
RM12.0 juta

**CONSOBIZ VENTURES SDN BHD**

**Butiran Transaksi**
OFM: RM Capital Partners
Sektor: FMCG
Tarikh Perolehan: Februari 2014

Modal Komited Ekuinas:
RM8.3 juta

**EXCELVITE SDN BHD**

**Butiran Transaksi**
OFM: TAEL Capital Partners
Sektor: Pembuatan
Tarikh Perolehan: April 2015

Modal Komited Ekuinas:
RM5.9 juta

**ROMSTAR SDN BHD**

**Butiran Transaksi**
OFM: RM Capital Partners
Sektor: Pembuatan
Tarikh Perolehan: Januari 2016

Modal Komited Ekuinas:
RM12.0 juta

# LAPORAN PRESTASI PELABURAN

## D PRESTASI OBJEKTIF SOSIAL

### (a) Nilai Ekuiti Bumiputera dan Nilai Ekonomi Keseluruhan

| | BUMIPUTERA | | | | KESELURUHAN SYARIKAT | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Jumlah bagi Syarikat Portfolio | Sebelum Kemasukan Ekuinas | Pada 31 Dis | Peningkatan Nilai Bumiputera | Gandaan bagi Modal Dilabur | Sebelum Kemasukan Ekuinas | Pada 31 Dis | Peningkatan Nilai Bumiputera | Gandaan bagi Modal Dilabur |
| **2015** | **1,779.0** | **3,938.0** | **3,750.8** | **1.6x** | **3,708.5** | **5,544.7** | **4,702.7** | **2.1x** |
| 2014 | 1,747.9 | 4,460.9 | 4,246.2 | 1.9x | 3,790.5 | 6,470.5 | 5,517.6 | 2.4x |

### (b) Syarikat Portfolio – Pengurusan dan Kakitangan

| | Bilangan Kakitangan Bumiputera | Jumlah Keseluruhan Kakitangan | % Bumiputera daripada Jumlah Keseluruhan Kakitangan | Peningkatan % Bumiputera selepas Kemasukan Ekuinas |
|---|---|---|---|---|
| **2015** | | | | |
| **Pengurusan** | **151** | **485** | **31.1%** | **12.7%** |
| **Kakitangan** | **7,834** | **15,177** | **51.6%** | **31.5%** |
| 2014 | | | | |
| Pengurusan | 140 | 356 | 39.3% | 9.4% |
| Kakitangan | 6,185 | 11,841 | 52.2% | 18.3% |

## E EKUITI NASIONAL BERHAD – SYARIKAT PENGURUSAN DANA

| Ekuiti Nasional Berhad (Syarikat Pengurusan Dana) | 2015 RM juta | 2014 RM juta |
|---|---|---|
| Jumlah Dana di bawah Pengurusan (FuM) | **4,140.0** | 4,140.0 |
| Jumlah Perbelanjaan Operasi (OPEX) | **44.1** | 40.3 |
| Keuntungan Selepas Cukai (PAT) | **26.4** | 14.5 |
| Nisbah OPEX kepada FuM | **1.1%** | 1.0% |



º4

# TADBIR URUS KORPORAT



Ekuinas berbangga dengan portfolio F&Bnya yang berjaya memuaskan hati pelanggan di segenap pelusuk rantau dengan menawarkan hidangan F&B kasual yang meliurkan dan pencuci mulut istimewa di hampir 400 cawangan, menjadikan ia sebagai salah satu syarikat F&B terbesar dalam industri.

# PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

## PENGENALAN

Oleh kerana Ekuinas bukan sebuah entiti tersenarai, syarikat tidak perlu mematuhi syarat-syarat pendedahan tadbir urus korporat yang ditetapkan oleh Bursa Malaysia Securities Berhad (Bursa Malaysia) atau Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia. Walau bagaimanapun, sebagai syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan, Ekuinas memberikan komitmen penuh untuk bersifat telus dalam menyediakan laporan berkualiti untuk Laporan Tahunan Syarikat.

Oleh yang demikian, pendedahan di dalam seksyen ini telah disediakan berdasarkan amalan tadbir urus korporat terbaik yang digariskan oleh Bursa Malaysia, Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (Pindaan 2012) serta Dasar Pendedahan Ekuinas. Pendedahan meliputi Penyata Tadbir Urus Korporat, Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman serta Laporan Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko. Penyata-penyata ini diharap dapat menyediakan maklumat penting yang bermakna berkenaan amalan tadbir urus Ekuinas kepada semua pihak berkepentingan.

Sehubungan itu, kami ingin menekankan bahawa semua ahli Lembaga Pengarah Ekuinas telah dilantik oleh Kerajaan Malaysia, dan secara tidak langsung adalah pemegang saham muktamad Syarikat. Walau bagaimanapun, untuk tujuan laporan ini, kami telah mengklasifikasikan pengarah yang tidak berkhidmat dengan Kerajaan (dan tidak berada di dalam perkhidmatan Kerajaan selama dua tahun) sebagai Pengarah Bebas, iaitu bebas dari pihak Pengurusan dan bebas daripada sebarang perniagaan atau hubungan lain yang boleh mempengaruhi sebarang keputusan perniagaan. Pengarah yang bukan di dalam lingkungan takrifan ini dianggap sebagai Pengarah Bukan Bebas.

## RANGKA KERJA TADBIR URUS KORPORAT EKUINAS

Sebagai syarikat pengurus dana ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan, Lembaga Pengarah dan Pengurusan Ekuinas komited untuk mencapai standard tertinggi dalam tadbir urus korporat dan dengan itu, telah melaksanakan Rangka Kerja Tadbir Urus Korporat Ekuinas di peringkat Syarikat di samping menggalakkan amalan tadbir urus yang mantap dalam Rangka Kerja ini di semua syarikat portfolio kami.

Satu rangka kerja tadbir urus korporat yang pragmatik telah dibangunkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan diguna pakai oleh Ekuinas berdasarkan prinsip-prinsip berikut:

i. Menggalakkan ketelusan, kebertanggungjawaban dan tindakan responsif;
ii. Mengukuhkan penciptaan nilai jangka panjang dan mengimbangi antara risiko dan pulangan; dan
iii. Menggalakkan inovasi dan keusahawanan di dalam Syarikat melalui kecekapan pemerhatian dan rangka kerja pengurusan risiko.

<table>
<tr><th colspan="12">RANGKA KERJA TADBIR URUS KORPORAT EKUINAS</th></tr>
<tr><td colspan="6">Penyata Tadbir Urus yang Baik</td><td colspan="6">Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman</td></tr>
<tr><td colspan="3">Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah (✓)</td><td colspan="3">Peranan dan Tanggungjawab Pengarah (✓)</td><td colspan="3">Sistem & Kawalan Dalaman (✓)</td><td colspan="3">Rangka Kerja Audit Dalaman (✓)</td></tr>
<tr><td colspan="3">Pengurusan Pihak Berkepentingan (✓)</td><td colspan="3">Kebertanggungjawaban dan Audit (✓)</td><td colspan="3">Rangka Kerja Pengurusan Risiko (✓)</td><td colspan="3">Rangka Kerja Audit Luaran (✓)</td></tr>
<tr><th colspan="12">KOD ETIKA</th></tr>
<tr><td colspan="4">Kod Etika Pengarah (✓)</td><td colspan="4">Kod Etika Kakitangan (✓)</td><td colspan="4">Kod Perilaku Penyedia Perkhidmatan (✓)</td></tr>
<tr><td colspan="12">Dasar Penipuan dan Whistle Blowing (✓)</td></tr>
<tr><td colspan="12">Pendedahan dan Urusniaga Sekuriti (✓)</td></tr>
</table>

*Nota: (✓) Lengkap disediakan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah*

# PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Ekuinas mengiktiraf peranan penting semua ahli Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusannya dalam merumus dan menentukan hala tuju serta operasi Ekuinas. Ekuinas diterajui dan diurus oleh ahli Lembaga Pengarah yang berpengalaman luas dan berkemahiran tinggi dari pelbagai latar belakang meliputi sektor Kerajaan dan sektor swasta, dan mereka ini amat penting dalam menentukan hala tuju strategik keseluruhan Ekuinas.

Sepanjang tahun kewangan ini, Lembaga Pengarah terus memastikan standard tadbir urus yang tertinggi diamalkan demi melindungi dan meningkatkan nilai pihak-pihak berkepentingan.

Sebagai sebahagian daripada amalan terbaik dalam tadbir urus korporat, Lembaga Pengarah telah meluluskan Piagam Lembaga/Tadbir Urus yang menggariskan prinsip-prinsip tadbir urus penting untuk diguna pakai oleh Lembaga Pengarah dan Syarikat. Piagam ini merangkumi, antara lain, perkara-perkara berikut:

- Tugas dan Tanggungjawab Lembaga Pengarah;
- Komposisi Lembaga Pengarah;
- Jawatankuasa Lembaga Pengarah;
- Mesyuarat dan Sokongan Lembaga Pengarah;
- Pengasingan Kuasa;
- Kod Perilaku;
- Perwakilan Kuasa;
- Pengurusan dan Komunikasi dengan Pihak-pihak Berkepentingan; dan
- Proses Audit dan Kawalan Dalaman.

Penyata ini menghuraikan bagaimana Ekuinas mengguna pakai prinsip-prinsip dan syor-syor utama amalan yang baik sejajar dengan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (Pindaan 2012) (Kod) dan Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia (MMLR).

**TANGGUNGJAWAB DAN HAD BIDANG KUASA AHLI LEMBAGA PENGARAH**

Ekuinas telah menubuhkan Had Bidang Kuasa yang memperuntukkan kuasa membuat keputusan sepenuhnya kepada Lembaga berkenaan perkara-perkara tertentu seperti:

i. Pemerolehan dan pelupusan pelaburan;
ii. Pelan tahunan, bajet dan strategi Syarikat;
iii. Dasar-dasar utama, prosedur dan perwakilan kuasa syarikat; dan
iv. Perubahan kepada Pengurusan Kanan dan Eksekutif.

Selain daripada urusan yang memerlukan kelulusan Lembaga Pengarah secara khusus, Lembaga Pengarah meluluskan sebahagian besar transaksi yang melebihi had nilai ambang tertentu, namun mewakilkan kuasa untuk transaksi di bawah had-had tersebut kepada pihak Pengurusan untuk mengoptimumkan kecekapan operasi.

Piagam Lembaga/Tadbir Urus yang diguna pakai menetapkan nilai, prinsip dan etos utama Ekuinas. Dalam hal ini, Piagam Lembaga/Tadbir Urus berfungsi bukan sahaja sebagai peringatan tentang peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah, tetapi juga sebagai pernyataan am mengenai hasrat dan jangkaan bagaimana Lembaga Pengarah menyempurnakan tugas-tugasnya.

**KOMPOSISI DAN KESEIMBANGAN LEMBAGA PENGARAH**

Seorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dan seorang Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif telah dilantik pada suku terakhir 2015, meningkatkan jumlah ahli Lembaga Pengarah kepada lapan (8) orang. Ia kini terdiri daripada seorang (1) Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif, seorang (1) Pengarah Eksekutif yang dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), empat (4) orang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dan dua (2) orang Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif. Tidak seorang pun daripada para pengarah bebas yang dilantik mempunyai tempoh perkhidmatan terkumpul melebihi sembilan (9) tahun.

# PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Struktur semasa Lembaga Pengarah dan integriti setiap individu Pengarah memastikan bahawa tiada seorang individu atau kumpulan yang menguasai proses membuat keputusan. Lima perlapan daripada ahli Lembaga Pengarah adalah Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, melebihi keperluan satu pertiga seperti yang dinyatakan dalam Kod dan MMLR. Ini mencerminkan komitmen Lembaga Pengarah untuk mengekalkan perwakilan Pengarah bebas yang kukuh dalam Lembaga Pengarah juga untuk memastikan objektiviti dalam semua isu yang dibincangkan.

Lembaga Pengarah diterajui oleh ahli-ahli yang aktif dan berpengalaman, dengan latar belakang profesional yang berbeza meliputi pengalaman industri dan komersial, perakaunan dan kewangan, perniagaan dan pengurusan, serta kawal selia dan perkhidmatan awam. Gabungan kemahiran dan pengalaman ini menambah nilai dalam usaha memantapkan hala tuju strategik dan prestasi Ekuinas dalam mengorak langkah menjadi firma ekuiti persendirian terkemuka.

## PELANTIKAN DAN PEMILIHAN SEMULA LEMBAGA PENGARAH

Saiz dan komposisi Lembaga Pengarah disemak dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran (NRC), demi memastikan saiz tersebut adalah kondusif untuk tujuan perbincangan dan proses membuat keputusan yang berkesan serta memastikan bahawa Lembaga Pengarah mempunyai bilangan pengarah bebas yang sewajarnya. Jawatankuasa tersebut juga berusaha untuk mengekalkan keseimbangan kepakaran, kemahiran dan keupayaan yang berkesan di kalangan para Pengarah, termasuk mengelakkan potensi konflik kepentingan.

NRC menentukan dan menyemak profil yang dikehendaki oleh ahli-ahli Lembaga Pengarah dan membuat saranan kepada Lembaga Pengarah mengenai pelantikan, pencalonan semula dan persaraan Pengarah, dengan pengesahan daripada Yayasan Ekuiti Nasional.

Apabila Pengarah sedia ada memilih untuk bersara atau Pengarah baru perlu dilantik, Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran akan mengkaji semula kepakaran, kemahiran dan ciri-ciri ahli dan komposisi Lembaga Pengarah. Jawatankuasa tersebut akan mengenalpasti keperluan Ekuinas dan menyediakan senarai pendek calon yang mempunyai profil bersesuaian untuk dicalonkan atau dicalonkan semula. Sekiranya perlu, Jawatankuasa juga boleh memohon nasihat daripada perunding luar bidang sumber manusia.

Keahlian NRC terdiri daripada Pengarah Bukan Eksekutif dan dan secara majoritinya adalah Pengarah Bebas. Maklumat terperinci mengenai skop dan fungsi NRC boleh didapati di halaman 95 di dalam Penyata Tadbir Urus Korporat.

## JAWATANKUASA-JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

Untuk membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tanggungjawabnya dengan cekap dari segi pemantauan pengurusan syarikat secara bebas, beberapa jawatankuasa lembaga pengarah (Jawatankuasa Lembaga Pengarah) telah ditubuhkan, seperti berikut:-

- Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko;
- Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran;
- Jawatankuasa Pelaburan; dan
- Jawatankuasa CSR.

Fungsi dan Bidang Tugas (TOR) bertulis bagi semua Jawatankuasa Lembaga Pengarah ditakrifkan dengan jelas dan, di mana berkenaan, mematuhi saranan Kod. Kuasa dan bidang tugas akan disemak secara berkala untuk memastikan kandungannya kekal relevan dan dikemaskini.

Saranan dan keputusan yang dibuat oleh setiap Jawatankuasa Lembaga Pengarah dicatat dan direkodkan di dalam minit mesyuarat. Ringkasan laporan dan pertimbangan setiap Jawatankuasa ini seterusnya dimasukkan ke dalam minit mesyuarat Lembaga Pengarah. Huraian ringkas setiap Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan bidang tugas (TOR) utamanya adalah seperti berikut:

**a. <u>Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko</u>**

Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko dianggotai oleh tiga Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dan seorang Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif iaitu:-

Pengerusi: Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda
Ahli: Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan
Datuk Noriyah Ahmad
Johan Mahmood Merican

# PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Butiran lanjut berkenaan TOR dan ringkasan aktiviti Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko sepanjang tahun kewangan ini dibentangkan di halaman 112 hingga 115 Laporan Tahunan ini.

**b. <u>Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran (NRC)</u>**

Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran (NRC) dianggotai oleh tiga Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dan seorang Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif, di mana secara majoritinya bukan ahli kumpulan Pengurusan dan tiada sebarang hubungan perniagaan atau hubungan lain yang mampu menjejaskan pertimbangan bebas mereka. Ahli-ahlinya terdiri daripada:

Pengerusi: Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan
Ahli: Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda
Tan Sri Mohamed Azman Yahya
Johan Mahmood Merican

Sebanyak empat (4) mesyuarat telah diadakan sepanjang tahun kewangan ini dan rekod kehadiran setiap ahli disediakan di dalam jadual di halaman 97.

***BIDANG TUGAS***

Tanggungjawab utama NRC, selaras dengan bidang tugasnya, adalah untuk membantu Lembaga Pengarah melaksanakan fungsi-fungsi berikut:

***a. Fungsi Utama***

Berkenaan pencalonan, tugas-tugas jawatankuasa ini termasuklah:

- mencalonkan dan mencadangkan calon-calon untuk dilantik sebagai Pengarah Syarikat kepada Lembaga Pengarah;
- semasa membuat saranan, mempertimbangkan calon pengarah yang dicadangkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) atau oleh mana-mana eksekutif kanan atau pengarah atau pemegang saham;
- mencadangkan calon-calon pengarah untuk menganggotai Jawatankuasa Lembaga Pengarah kepada Lembaga Pengarah;
- membantu Lembaga Pengarah membuat penilaian tahunan berhubung kepelbagaian kemahiran, pengalaman dan ciri-ciri lain yang diperlukan, termasuk keupayaan utama yang harus dimiliki oleh Pengarah Bukan Eksekutif sebagai anggota Lembaga Pengarah; dan
- membantu Lembaga Pengarah melaksanakan program penilaian tahunan untuk menilai keberkesanan Lembaga Pengarah, jawatankuasa Lembaga Pengarah dan setiap pengarah, secara keseluruhan.

Berhubung dengan ganjaran, tanggungjawab NRC merangkumi perkara berikut:

- menentukan dan mengesyorkan rangka kerja atau dasar umum bagi pakej ganjaran CEO Syarikat, dan mana-mana ahli Pengurusan lain yang perlu dipertimbangkan oleh Lembaga Pengarah;
- membangunkan prosedur rasmi dan telus untuk merangka dasar berkenaan jumlah pakej ganjaran individu bagi CEO dan ahli Pengurusan lain termasuk bonus, insentif dan opsyen saham;
- menyemak dan mengesyorkan sebarang penambahbaikan kepada dasar dan pakej ganjaran kumpulan Pengurusan serta isu-isu lain yang berkaitan dengan ganjaran Pengurusan kepada Lembaga Pengarah pada setiap tahun;
- menyemak sebarang perubahan ketara dalam struktur ganjaran kakitangan di seluruh Syarikat, dan jika dianggap wajar, membuat saranan kepada Lembaga Pengarah untuk menerima perubahan sedemikian; dan
- menyemak dan mengesyorkan penggunaan rangka kerja bagi skim insentif tahunan Syarikat kepada Lembaga Pengarah. Rangka kerja skim insentif tahunan ini merangkumi:-
  - o Kenaikan gaji berasaskan merit;
  - o Bonus berasaskan merit; dan
  - o Insentif pengekalan dan ganjaran.

# PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

**b. *Bidang kuasa***

Dalam melaksanakan tanggungjawabnya berkaitan dengan isu ganjaran:-

- NRC diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk mendapatkan sebarang maklumat yang diperlukan daripada mana-mana kakitangan Syarikat dalam melaksanakan tugasnya; dan
- NRC diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk mendapatkan sebarang nasihat undang-undang atau profesional luar termasuk nasihat perunding bebas berhubung ganjaran, dan jika perlu, memastikan penasihat luar ini hadir semasa mesyuaratnya serta mendapatkan maklumat terkini dan boleh dipercayai berkenaan ganjaran yang ditawarkan di syarikat-syarikat lain, di mana segala perbelanjaan ditanggung oleh Syarikat.

NRC mempunyai kuasa penuh untuk mengarahkan supaya sebarang laporan atau tinjauan dibuat untuk membantu memenuhi kewajipannya sekiranya perlu.

**c. *Mesyuarat***

- Mesyuarat diadakan sekurang-kurangnya sekali setahun atau apabila perlu.
- Notis sekurang-kurangnya tujuh (7) hari untuk mengadakan mesyuarat NRC perlu diberikan kepada ahli-ahli NRC yang berada di Malaysia.
- Korum dicapai apabila mana-mana dua ahli hadir.
- Pengerusi mesyuarat mempunyai undi pemutus apabila bilangan undi adalah sama.
- Resolusi yang ditandatangani oleh semua ahli NRC disifatkan sebagai resolusi yang diluluskan semasa mesyuarat NRC bersidang, dan boleh merangkumi beberapa dokumen dalam bentuk yang serupa, yang mana setiap satunya ditandatangani oleh seorang atau lebih daripada seorang ahli NRC.

***Ringkasan Aktiviti pada tahun 2015***

Dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, NRC melaksanakan beberapa aktiviti utama seperti berikut:

- Menjalankan penilaian tahunan ke atas komposisi dan kebebasan Pengarah Bebas;
- Mengkaji dan mempertimbangkan pelan pelapis bagi Pengarah Bukan Eksekutif dan pelantikan Pengarah baru Ekuiti Nasional Berhad;
- Mempertimbangkan dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah mengenai pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Ekuinas, Pembayaran Bonus dan Kenaikan Gaji Berasaskan Merit bagi tahun kewangan 2015;
- Mengkaji Cadangan Rangka Kerja KPI bagi tahun kewangan 2015; dan
- Mengkaji cadangan pelan pelapis dan pelanjutan kontrak bagi kumpulan Pengurusan Kanan.

**c. <u>Jawatankuasa Pelaburan</u>**

Jawatankuasa Pelaburan dianggotai oleh ahli-ahli Pengurusan Kanan Syarikat dan dua (2) orang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Struktur ini merupakan struktur yang lazimnya dipraktikkan di sebahagian besar firma ekuiti persendirian bagi memastikan keputusan pelaburan dibuat tepat pada masanya dengan pengawasan yang mencukupi, komitmen yang teguh dan kebertanggungjawaban pihak kakitangan profesional.

Tanggungjawab dan fungsi utama Jawatankuasa Pelaburan termasuklah:

- Meluluskan cadangan bagi semua keputusan pelaburan dan pelupusan yang dibuat oleh Ekuinas;
- Meluluskan semua keputusan berkaitan pengurusan pelaburan yang dibuat oleh Ekuinas; dan
- Mengkaji kualiti dan kebolehpercayaan semua maklumat kewangan yang berkaitan dengan pelaburan.

**d. <u>Jawatankuasa CSR</u>**

Jawatankuasa CSR (CC), yang dipengerusikan oleh seorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dan terdiri daripada Pengurusan Kanan, telah ditubuhkan pada tahun 2013 untuk mengkaji semula dan memantau program-program CSR Ekuinas serta memastikan Syarikat melaksanakan tadbir urus dan kawalan dalaman bagi aktiviti CSR pada standard tertinggi. Kumpulan Pengurusan dikehendaki memaklumkan aktiviti-aktiviti dan program-program CSR kepada Jawatankuasa CSR dan/atau Lembaga Pengarah apabila diarahkan. Butiran lanjut aktiviti-aktiviti CSR dibentangkan di halaman 120 hingga 126 dalam Laporan Tahunan ini.

# PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Tanggungjawab dan fungsi utama CC termasuk:

- mengkaji dan meluluskan pelan tahunan CSR Ekuinas, termasuk peruntukan untuk pelbagai program dan inisiatif CSR, berdasarkan jumlah peruntukan bagi CSR Ekuinas yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.
- memantau pelaksanaan aktiviti-aktiviti CSR.
- membincangkan sebarang isu serius berkaitan projek-projek CSR yang mempunyai implikasi kewangan atau reputasi kepada Ekuinas.

**e. Jawatankuasa Pengurusan Risiko**

Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC), yang dipengerusikan oleh CEO dan terdiri daripada kumpulan Pengurusan Kanan, telah ditubuhkan pada tahun 2011 untuk membantu Lembaga Pengarah menjalankan fungsi berkaitan isu-isu pengurusan risiko Ekuinas. Walaupun risiko yang dilaporkan tidak mewakili semua risiko perniagaan yang dihadapi oleh Ekuinas, objektif laporan risiko adalah untuk mengenalpasti risiko perniagaan utama untuk menggariskan langkah-langkah bagi mengurangkan risiko yang melibatkan Ekuinas sebagai organisasi dan juga syarikat portfolionya.

## MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH

Mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan sekurang-kurangnya sekali setiap suku tahun untuk menyemak dan meluluskan keputusan kewangan dan membincangkan laporan tentang prestasi, rancangan dan usul Syarikat yang dibuat oleh pihak Pengurusan. Mesyuarat Lembaga Pengarah juga diadakan pada penghujung tahun kewangan untuk mempertimbang dan meluluskan belanjawan Syarikat bagi tahun berikutnya. Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah akan diadakan apabila perlu bagi mempertimbangkan hal-hal yang memerlukan keputusan segera pihak Lembaga Pengarah.

Jadual bagi mesyuarat Lembaga Pengarah diserahkan kepada semua ahli sebelum permulaan setiap tahun kewangan untuk merancang dan mendapatkan komitmen masa dari semua Pengarah.

## KEHADIRAN DI MESYUARAT-MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH DAN JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

Rekod kehadiran para Pengarah di Mesyuarat-mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut.

| | Lembaga Pengarah | ARMC[1] | NRC[2] | IC[3] | CC[4] |
|---|---|---|---|---|---|
| Nama Pengarah | Bilangan Mesyuarat Dihadiri | | | | |
| Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda | 8 dari 8 | 5 dari 5 | 4 dari 4 | - | - |
| Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan | 8 dari 8 | 5 dari 5 | 4 dari 4 | - | - |
| Tan Sri Mohamed Azman Yahya | 8 dari 8 | - | 4 dari 4 | 4 dari 4 | - |
| Datuk Seri Dr. Rahamat Bivi Yusoff | 3 dari 8 | - | - | - | - |
| Datuk Noriyah Ahmad | 7 dari 8 | 5 dari 5 | - | - | 1 dari 1 |
| Datuk Ali Abdul Kadir[5] | 3 dari 3^ | - | - | 1 dari 1^ | - |
| Johan Mahmood Merican[5] | 3 dari 3^ | 2 dari 2^ | 1 dari 1^ | - | - |
| Dato' Abdul Rahman Ahmad | 8 dari 8 | - | - | 4 dari 4 | - |

*Nota:*
*1 ARMC – Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko*
*2 NRC – Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran*
*3 IC – Jawatankuasa Pelaburan*
*4 CC – Jawatankuasa CSR*
*5 Dilantik sebagai Pengarah Bukan Eksekutif berkuatkuasa pada 1 Oktober 2015.*
*^ Menunjukkan bilangan mesyuarat yang dijadualkan semasa Pengarah memegang jawatan tersebut.*

Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali dalam setahun mengikut bidang tugasnya.

# PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

## MENGEKALKAN LEMBAGA PENGARAH YANG BEBAS, MANTAP DAN BERKESAN

Penilaian prestasi Lembaga Pengarah menyediakan saluran yang berkesan untuk menilai bukan sahaja para pengarah bebas tetapi juga prestasi keseluruhan Lembaga Pengarah. Ia juga menyerlahkan perkara-perkara yang memerlukan penambahbaikan dan tindakan pemulihan ke atas cara pentadbiran dan proses Lembaga Pengarah.

Syarikat telah mengguna pakai metodologi **Penilaian Keberkesanan Lembaga Pengarah (BEE)** yang menumpukan kepada, antara lainnya:

i. Penilaian prestasi Lembaga Pengarah – tanggungjawab, komposisi, pentadbiran dan proses, perilaku, interaksi dan komunikasi, keberkesanan Pengerusi dan CEO;
ii. Penilaian prestasi setiap Jawatankuasa Lembaga Pengarah – struktur dan proses, akauntibiliti dan tanggungjawab, keberkesanan Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa; dan
iii. Menanda aras keputusan penilaian Lembaga Pengarah dengan contoh sepadan bagi mendapatkan pandangan tambahan mengenai kecekapan dan isu-isu berkaitan Lembaga Pengarah.

BEE melibatkan penyempurnaan soal selidik oleh ahli-ahli Lembaga Pengarah mengenai keberkesanan Lembaga Pengarah serta Jawatankuasa Lembaga Pengarah, iaitu Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko, Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran dan Jawatankuasa Pelaburan secara keseluruhannya. Penilaian rasmi ke atas prestasi Lembaga Pengarah telah dilaksanakan pada tahun 2013 dan penilaian berikutnya dirancang untuk dilaksanakan pada tahun 2016.

Di samping itu, Lembaga Pengarah, melalui NRC, telah melaksanakan penilaian bebas ke atas semua Pengarah Bebas dalam tahun kewangan tersebut. Kriteria penilaian bebas tersebut adalah berpandukan takrif “Pengarah Bebas” seperti yang ditetapkan oleh Bursa Malaysia MMLR. Selain itu, para Pengarah juga mengemukakan pengisytiharan tahunan bagi mematuhi Kod Etika Pengarah.

## KETIDAKSANDARAN DAN IMBANGAN KUASA

Untuk memastikan keseimbangan kuasa, jawatan Pengerusi Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif tidak dipegang oleh individu yang sama. Pengasingan yang jelas bagi kedua-dua peranan ini menggalakkan perdebatan dan perbincangan yang konstruktif di peringkat Lembaga Pengarah. Penggabungan kedua-dua jawatan ini boleh menimbulkan sikap berat sebelah dan menjejaskan keupayaan dan kesanggupan para Pengarah Bebas untuk membuat pertimbangan mereka secara bebas. Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif tiada kaitan antara satu sama lain.

Pengerusi, yang bersifat bukan eksekutif, menerajui dan memudah cara tugas Lembaga Pengarah semasa bermesyuarat dan bertanggungjawab ke atas kepimpinan, kecekapan serta fungsi Lembaga Pengarah, di samping memastikan prinsip dan proses Lembaga Pengarah sentiasa terpelihara. CEO bertanggungjawab menyedia dan melaksanakan strategi, dasar serta pengendalian operasi Ekuinas bagi pihak Lembaga Pengarah.

Para Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, yang merupakan individu-individu berkelayakan tinggi dan terbilang, saling berkongsi pengetahuan yang mendalam tentang bidang masing-masing. Mereka tidak turut serta di dalam operasi harian dan tidak terlibat di dalam sebarang urusniaga perniagaan atau perhubungan lain dengan Ekuinas. Ini adalah untuk memastikan mereka mampu melakukan pertimbangan secara objektif dan bertindak demi kepentingan Ekuinas.

Profil ahli-ahli Lembaga Pengarah adalah seperti yang dibentangkan di halaman 44 hingga 52 Laporan Tahunan ini.

## KOD PERILAKU

Ekuinas telah menerima pakai Kod Etika Pengarah untuk semua Pengarah Ekuinas yang berasaskan prinsip-prinsip keikhlasan, integriti, tanggungjawab dan tanggungjawab sosial korporat. Penggunaan Kod Etika Pengarah memformalkan nilai-nilai etika di seluruh Syarikat dan memastikan pematuhannya.

# PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Lembaga Pengarah menyelia hal ehwal perniagaan Ekuinas dan memikul tanggungjawab bagi perkara-perkara berikut:

- bimbingan strategik kepada Ekuinas dengan menentukan objektif-objektif Ekuinas dan cara untuk mencapainya;
- meningkatkan nilai jangka panjang bagi pihak berkepentingan Ekuinas di samping memelihara dan melindungi nilai-nilai asas Ekuinas untuk kepentingan mereka;
- memantau secara efektif pengurusan Ekuinas termasuk sistem kawalan dan akauntabilitinya;
- meluluskan dan memantau kemajuan perbelanjaan modal yang besar, pengurusan modal dan pemerolehan/pelupusan pelaburan;
- memantau pematuhan semua obligasi undang-undang, cukai dan kawal selia;
- mengkaji semula dan mengesahkan sistem pengurusan risiko dan pematuhan dalaman serta kawalan, kod perilaku, pendedahan berterusan, pematuhan undang-undang dan dasar-dasar korporat penting yang lain;
- memantau prestasi pihak Pengurusan dan pelaksanaan strategi dan dasar, di samping memastikan ketersediaan sumber yang berkaitan;
- melulus dan memantau laporan kewangan dan lain-lain kepada pasaran, kakitangan dan pihak berkepentingan; dan
- melulus pelantikan, pelantikan semula atau penggantian juruaudit luaran.

## GANJARAN PARA PENGARAH

Objektif dasar Syarikat berkenaan ganjaran Pengarah adalah untuk menarik dan mengekalkan Pengarah berkaliber tinggi yang diperlukan untuk menerajui Syarikat ke arah mencapai kejayaan. Bagi Pengarah Eksekutif, unsur-unsur komponen ganjaran dirangka agar ganjaran berkait rapat dengan prestasi korporat dan juga individu. Bagi Pengarah Bukan Eksekutif pula, tahap imbuhan adalah berdasarkan pengalaman dan tahap tanggungjawab yang dipikul oleh Pengarah Bukan Eksekutif tersebut.

NRC mengsyorkan rangka kerja bagi pakej ganjaran untuk Pengarah Eksekutif kepada Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah mempunyai tanggungjawab muktamad meluluskan ganjaran Pengarah Eksekutif.

Butiran ganjaran Pengarah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015, secara agregat, dikategorikan ke dalam komponen yang berkenaan, adalah seperti berikut:

| Pengarah Eksekutif | Gaji dan Imbuhan Lain | Bonus Tidak Tetap | Sumbangan KWSP | Jumlah |
|---|---|---|---|---|
| Dato' Abdul Rahman Ahmad | RM1,183,800 | RM787,525 | RM249,016 | RM2,220,341 |

| Pengarah Bukan Eksekutif | Fi Pengarah | Elaun dan Imbuhan Lain | Jumlah |
|---|---|---|---|
| Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda | RM100,000 | RM38,000 | RM138,000 |
| Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan | RM80,000 | RM38,000 | RM118,000 |
| Tan Sri Mohamed Azman Yahya | RM80,000 | RM36,000 | RM116,000 |
| Datuk Seri Dr. Rahamat Bivi Yusoff | RM80,000 | RM7,500 | RM87,500 |
| Datuk Noriyah Ahmad | RM80,000 | RM27,500 | RM107,500 |
| Datuk Ali Abdul Kadir[1] | RM20,164 | RM9,500 | RM29,664 |
| Johan Mahmood Merican[1] | RM20,164 | RM13,500 | RM33,664 |

*Nota:*
[1] *Dilantik sebagai Pengarah Bukan Eksekutif berkuatkuasa pada 1 Oktober 2015.*

# PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

## LATIHAN PENGARAH

Lembaga Pengarah mengakui kepentingan pendidikan yang berterusan untuk para Pengarah bagi memastikan mereka dilengkapi dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk melaksanakan fungsi dan menyelesaikan cabaran yang dihadapi. Program-program latihan, persidangan dan seminar yang dianggap memberi manfaat kepada para Pengarah dikenal pasti secara berterusan dan Syarikat memperuntukkan bajet yang khusus untuk latihan bagi menyokong pembangunan berterusan para Pengarah. Pengarah sentiasa dimaklumkan mengenai perniagaan Syarikat termasuk menerusi taklimat oleh Pengurusan Kanan dan perunding/pakar luar tentang isu-isu strategik berkaitan bidang atau industri tertentu.

Program latihan dan pembangunan yang dihadiri oleh Lembaga Pengarah, termasuk penglibatan mereka sebagai pembentang/penceramah dalam konvensyen di dalam dan luar negara mengenai topik yang relevan kepada peranan mereka semasa tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015 adalah seperti berikut:-

**STRUKTUR LATIHAN PENGARAH 2016**




**Pengurusan Prestasi**

- *FIDE Forum – 2nd Distinguished Board Leadership Series*, dianjurkan oleh FIDE Forum
- *MINDA Directors Forum "Talent and Human Capital – The Drivers of Growth and Creativity"*, dianjurkan oleh MINDA

**Risiko/Tadbir Urus**

- *7th Annual Corporate Governance Summit*, dianjurkan oleh Asian World Summit Sdn Bhd
- *PwC's 2014 Global Economic Crime Survey: What you don't know can hurt you*, dianjurkan oleh PwC

# PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

**Kewangan/Ekonomi**

- *Directors' In-house Training – "Malaysian Goods and Services Tax – An Overview for Directors & Alternative Energy Outlook for Malaysia and the Region"*, dianjurkan oleh SCOMI Group Berhad
- *FIDE: Focus Group – Directors' Remuneration Study*, dianjurkan oleh FIDE Forum
- *South-East Asia Summit 2015*, dianjurkan oleh SuperReturn Asia
- *The 11th World Islamic Economic Forum (WIEF)*, dianjurkan oleh World Islamic Economic Forum

**Strategi**

- *Abraaj Group Conference*, dianjurkan oleh Abraaj Group
- *MINDA Powertalk Series "Executing Your Growth Strategy With Certainty"*, dianjurkan oleh MINDA
- *Operating Partners Forum – Europe 2015*, dianjurkan oleh Private Equity International
- *The 12th ASEAN Leadership Forum*, dianjurkan oleh Asean Strategy & Leadership Institute (ASLI)
- *The Synergy & Crowdfunding Forum (SCxSC) 2015*, dianjurkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Multimedia Development Corporation (MDeC), Cradle Fund, Malaysian Business Angel Network (MBAN)

**Industri**

- *26th World Gas Conference 2015*, dianjurkan oleh WGC Paris
- *29th Asia-Pacific Roundtable*, dianjurkan oleh Institute of Strategic & International Studies (ISIS) Malaysia
- *Ad:tech Tokyo 2015 – Digital Marketing Event 2015*, dianjurkan oleh DMG Events Japan Co Ltd
- *ASEAN Accountants – Building A Stronger Profession Together*, dianjurkan oleh Institut Akauntan Malaysia (MIA)
- *Bridging The Capital Market Talent Gap: Identifying Needs & Priorities*, dianjurkan oleh Perbadanan Pembangunan Industri Sekuriti (SIDC)
- *G20 Leaders Summit*, dianjurkan oleh Kumpulan G20
- *International Conference on The Heart of Borneo/Ramsar Conference*, dianjurkan oleh Jabatan Perhutanan Sabah
- *Khazanah Mega Trends Forum*, dianjurkan oleh Khazanah Nasional Berhad
- *Khazanah Nasional Berhad – Overcoming Adversity*, dianjurkan oleh Khazanah Nasional Berhad
- *The Economic Transformation Programme (ETP) – Effect on Malaysian Accounting Graduates*, dianjurkan oleh Institut Akauntan Malaysia (MIA)
- *The EPF Global Private Equity Summit 2015*, dianjurkan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Malaysia (KWSP)
- *World Capital Markets Symposium (WCMS) 2015*, dianjurkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
- *Yayasan Amir Trust Schools Conference 2015*, dianjurkan oleh Yayasan Amir

# PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

## AKSES KEPADA MAKLUMAT DAN KHIDMAT NASIHAT BEBAS

Untuk membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tugasannya, pihak Pengurusan menyediakan laporan pelaburan dan laporan kewangan menyeluruh secara berkala. Lazimnya, pihak Pengurusan berusaha untuk mengemukakan agenda mesyuarat bersama satu set kertas kerja Lembaga Pengarah yang mengandungi maklumat berkaitan kepada ahli Lembaga Pengarah sekurang-kurangnya lima (5) hari sebelum mesyuarat diadakan. Ini adalah untuk memberi masa yang secukupnya kepada ahli Lembaga Pengarah untuk mengkaji, menimbang dan memahami dengan lebih dalam perkara-perkara yang akan dibincangkan sebelum mesyuarat diadakan. Justeru, perbincangan mesyuarat akan lebih tertumpu kepada soalan-soalan berkaitan perkara-perkara berbangkit.

Kertas Lembaga Pengarah disediakan dalam format yang distrukturkan dengan kemas, konsisten, ringkas dan tepat yang memberikan maklumat kuantitatif dan kualitatif, agar keputusan terbaik dapat dibuat. Kertas Lembaga Pengarah merangkumi antara lainnya:

i. Minit-minit mesyuarat Lembaga Pengarah terdahulu;
ii. Kesemua Minit-minit mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Pengarah terdahulu;
iii. Laporan hal-hal yang berbangkit;
iv. Laporan berkenaan perkara-perkara yang memerlukan pertimbangan dan kelulusan Lembaga Pengarah;
v. Laporan kewangan suku tahunan dan laporan prestasi pelaburan Syarikat; dan
vi. Perkara penting lain yang perlu dibincangkan dan diluluskan.

CEO, Pengarah Urusan Pelaburan dan Ketua Pegawai Kewangan (CFO) hadir di pembentangan ini untuk menjawab sebarang pertanyaan daripada ahli Lembaga Pengarah.

Lembaga Pengarah mempunyai akses bebas kepada CEO, Pengurusan Kanan, Setiausaha Syarikat, serta juruaudit dalaman dan luaran pada bila-bila masa dirasakan perlu. Lembaga Pengarah boleh memohon nasihat profesional bebas mengikut budi bicara, sekiranya perlu, bagi memastikan ketersediaan maklumat dan nasihat yang lengkap sebelum keputusan penting diambil.

Setiausaha Syarikat membantu Lembaga Pengarah menyediakan agenda mesyuarat serta mentadbir, menghadiri dan menyediakan minit-minit mesyuarat Lembaga Pengarah, serta memastikan aliran maklumat yang berkesan antara Lembaga Pengarah dengan jawatankuasanya. Pihak Pengurusan juga membantu Lembaga Pengarah melaksanakan amalan dan proses tadbir urus yang mantap dalam Syarikat.

## INTEGRITI DALAM LAPORAN KEWANGAN

Lembaga Pengarah berhasrat untuk menyediakan dan membentangkan laporan penilaian prestasi kewangan syarikat yang seimbang dan bermakna dalam semua pendedahan yang dibuat kepada pihak berkepentingan. Lembaga Pengarah, dibantu oleh Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko, menyelia proses dan kualiti laporan kewangan, di samping mengkaji semula dan memantau integriti penyata kewangan Syarikat. Lembaga Pengarah juga mengkaji kesesuaian dan perubahan kepada dasar-dasar perakaunan Syarikat, serta memastikan penyata kewangan ini mematuhi keperluan dan peraturan perakaunan serta amalan-amalan tadbir urus korporat yang baik.

Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko juga bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pihak Pengurusan, dan ini adalah satu forum di mana juruaudit luar boleh menyatakan, antara lain, sebarang kebimbangan mengenai aspek pematuhan penyata kewangan. Semua piawaian perakaunan yang berkaitan telah diterima pakai, tertakluk kepada apa-apa penjelasan bagi perbezaan ketara yang dinyatakan dalam nota-nota kepada penyata kewangan.

04 TADBIR URUS KORPORAT

# PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

**KEBEBASAN JURUAUDIT LUAR**

Lembaga Pengarah, melalui Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko, telah mewujudkan hubungan rasmi dan telus dengan juruaudit dalaman dan luar Syarikat. Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko bersidang secara berkala dengan juruaudit luar dan dalaman untuk membincangkan dan mengkaji pelan audit, prestasi kewangan suku tahunan, penyata kewangan tahunan dan sebarang penemuan audit, serta membuat cadangan untuk kelulusan pihak Lembaga Pengarah. Pada tahun ini, Lembaga Pengarah telah bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pihak Pengurusan, selaras dengan keperluan amalan terbaik.

Lembaga Pengarah menyedari potensi konflik kepentingan yang mungkin timbul jika juruaudit luar Syarikat terlibat dalam menyediakan perkhidmatan lain bukan audit kepada Syarikat. Untuk mengurangkan risiko ini, Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko melaksanakan penilaian prestasi, kebebasan dan fi juruaudit luar secara tahunan. Laporan Tahunan Syarikat juga menzahirkan fi yang diterima oleh juruaudit luar untuk kerja-kerja bukan audit.

**PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN**

Lembaga Pengarah bertanggungjawab mengekalkan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang memberikan jaminan munasabah mengenai operasi yang cekap dan berkesan dengan mematuhi undang-undang dan peraturan yang diguna pakai, serta prosedur dan garis panduan dalaman.

Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman yang memberikan gambaran tentang keseluruhan keadaan kawalan dalaman di dalam Syarikat, dibentangkan di halaman 105 hingga 111 dalam Laporan Tahunan ini.

**Fungsi Audit Dalaman**

Lembaga Pengarah memberi kuasa kepada Pengurusan untuk mencapai objektif perniagaan dalam had etika perniagaan dan standard tadbir urus yang baik. Jabatan Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko (CGRM), yang juga beroperasi sebagai fungsi audit dalaman, melapor secara terus kepada Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko, yang mana menunjukkan komitmen Syarikat dalam memastikan kewibawaan rangka kerja tadbir urus.

Struktur pelaporan CGRM adalah seperti yang ditunjukkan di bawah:



# PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

## HUBUNGAN DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Ekuinas berurusan dengan pelbagai pihak berkepentingan dalam memenuhi peranan dan objektifnya sebagai sebuah syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan. Syarikat mengakui kepentingan untuk mengekalkan ketelusan dan akauntabiliti bagi menjayakan dan memastikan hubungan yang produktif dengan pihak berkepentingan Syarikat. Oleh itu, Syarikat memberi penekanan mengenai kepentingan pengedaran maklumat dan ketelusan kepada orang awam dan pihak berkepentingan.

**Interaksi dan Komunikasi dengan Pihak-pihak Berkepentingan**

Syarikat mengamalkan dasar pengurusan dan komunikasi pihak berkepentingan yang komprehensif dan dasar ini sentiasa dikaji semula dari semasa ke semasa. Dasar tersebut menyediakan panduan bagaimana Syarikat berinteraksi dengan kumpulan pihak berkepentingan yang berbeza termasuk masyarakat awam, badan kerajaan dan pihak berkuasa, demi mematuhi keperluan pendedahan yang berterusan dan tepat pada masanya.

Selain daripada siaran akhbar dan pengumuman, Syarikat menggunakan laman web sebagai saluran komunikasi utama untuk menyebarkan maklumat kepada pihak-pihak berkepentingan dan orang awam. Syarikat komited untuk memastikan khalayak awam dapat mengakses maklumat tersebut dengan mudah melalui laman sesawangnya di ***www.ekuinas.com.my***.

Sebarang pertanyaan mengenai Ekuinas boleh diajukan kepada:

Telefon : 03-7710 7171
Faks : 03-7710 7173

**PERKARA UMUM**
Unit Komunikasi
E-mel: info@ekuinas.com.my

**TADBIR URUS KORPORAT**
Unit Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko
E-mel: governance@ekuinas.com.my

Penyata Tadbir Urus Korporat ini disediakan selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 21 Mac 2016.

# PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

## PENGENALAN

Lembaga Pengarah dengan sukacitanya membentangkan Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman menurut perenggan 15.26(b) Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia (MMLR). Ini adalah untuk menggalakkan tadbir urus korporat dan amalan terbaik, meskipun MMLR tidak terpakai kepada Syarikat.

## TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH

Dalam menjalankan tugas yang diamanahkan, Lembaga Pengarah komited untuk mengekalkan sistem kawalan dalaman yang kukuh bagi memastikan kecukupan dan integriti memuaskan melalui proses kajian, pemantauan dan jaminan. Walau bagaimanapun, perlu diingatkan bahawa sistem ini hanya boleh memberikan jaminan yang munasabah dan bukan jaminan mutlak terhadap kerugian ketara, penipuan, kenyataan yang tidak tepat dan pelanggaran undang-undang atau peraturan.

Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko (ARMC) ditubuhkan oleh Lembaga Pengarah di mana tanggungjawab utamanya adalah untuk pengurusan risiko dan pengawasan kawalan dalaman; tugas ini dibantu oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC).

Lembaga Pengarah juga telah memastikan proses yang berterusan untuk mengenalpasti, menilai dan mengurus risiko penting yang dihadapi oleh Syarikat. Ini terkandung dalam Rangka Kerja Tadbir Urus Korporat yang merangkumi Rangka Kerja dan Dasar Pengurusan Risiko, Piagam Audit Dalaman dan Rangka Kerja Sistem dan Kawalan Dalaman.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dan kumpulan Pengurusan Kanan memainkan peranan penting dalam membantu Lembaga Pengarah melaksanakan dasar-dasar dan prosedur ke atas risiko dan kawalan dengan mengenal pasti dan menilai risiko yang dihadapi, serta mereka bentuk, pengoperasian dan pemantauan sistem kawalan dalaman yang bersesuaian untuk mengurangkan dan mengawal risiko-risiko ini.

### Kecukupan Sistem Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

CEO dan Ketua Pegawai Kewangan (CFO) Ekuinas telah memberi jaminan kepada Lembaga Pengarah bahawa sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Syarikat beroperasi dengan berkesan dalam tahun kajian dan sehingga semasa Penyata ini diluluskan.

## SISTEM PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Lembaga Pengarah telah meluluskan Dasar dan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Syarikat yang menerangkan dengan jelas akauntibiliti dan kebertanggungjawaban untuk proses pengurusan risiko, termasuk mengenalpasti risiko dan cara mengurus risiko yang mampu menjejaskan matlamat strategik atau pelaksanaan Syarikat.

Pengurusan risiko adalah sebahagian daripada aktiviti perniagaan, fungsi dan proses penting Syarikat. Aspek pengurangan dan kawalan risiko dirangka dan dilaksanakan dengan cara yang dapat menjamin Syarikat mencapai matlamat strategiknya.

Pengurusan risiko merupakan tanggungjawab Lembaga Pengarah dan ia mencakupi struktur tadbir urus atau pengawasan Syarikat dan mengekalkan rangka kerja kawalan dalaman yang bersesuaian. Pihak Pengurusan pula bertanggungjawab mengurus risiko bagi pihak Lembaga Pengarah dan melaksanakan kajian semula risiko dengan lebih rapi bagi sebarang cadangan atau urusniaga strategik khusus serta memastikan isu-isu risiko dikenalpasti, dianalisis, ditetapkan keutamaannya dan diurus secara konsisten.

# PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Struktur dan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman diringkaskan seperti berikut:




**Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko (ARMC)**

Lembaga Pengarah, melalui ARMC, menyelia semua aktiviti pengurusan risiko dan kawalan dalaman di dalam Syarikat. Antara tanggungjawab utama ARMC adalah untuk memastikan Rangka Kerja Pengurusan Risiko dilaksanakan dengan baik, menilai pendedahan risiko dan mengkaji isu-isu kawalan dalaman yang dinyatakan oleh Jabatan Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko (CGRM), pihak Pengurusan, dan juruaudit luar; dan mengkaji semula fungsi dan pelan kerja CGRM. Jabatan CGRM yang berfungsi sebagai audit dalaman Syarikat melapor terus kepada ARMC.

Secara majoritinya, ARMC dianggotai oleh ahli Lembaga Pengarah Bebas Bukan Eksekutif yang diberikan akses penuh kepada juruaudit dalaman dan luar. Jawatankuasa bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pihak Pengurusan sekurang-kurangnya sekali setahun.

**Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC)**

Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC) membantu Lembaga Pengarah menjalankan fungsi berkaitan isu-isu pengurusan risiko Ekuinas. Walaupun risiko yang dilaporkan tidak mewakili semua risiko perniagaan yang dihadapi oleh Ekuinas, objektif laporan risiko adalah untuk mengenalpasti risiko perniagaan yang penting untuk menggariskan langkah utama bagi mengurangkan risiko yang melibatkan Ekuinas sebagai organisasi dan juga syarikat portfolionya.

Semua risiko penting yang dikenalpasti kemudiannya dinilai dan ditarafkan untuk menentukan kesan dan kemungkinan ia berlaku berdasarkan Rangka Kerja Penarafan Risiko Syarikat berlandaskan Dasar Pengurusan Risiko Ekuinas yang telah diluluskan.

Dalam usaha mengurangkan risiko, inisiatif utama dikenalpasti melalui perbincangan dengan pihak Pengurusan. Ringkasan risiko berdasarkan keutamaan didokumenkan dalam laporan dan dibentangkan kepada RMC dan ARMC setiap suku tahun.

# PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Berikut adalah tugas dan tanggungjawab RMC:

- menyemak dan mengesyorkan dasar pengurusan risiko dan membuat laporan untuk diluluskan oleh ARMC dan Lembaga Pengarah;
- memantau pendedahan Syarikat dan syarikat portfolio kepada risiko serta menyarankan tindakan yang diperlukan;
- mengkaji prestasi keseluruhan, inisiatif yang dilaksanakan dan risiko perniagaan utama syarikat portfolio setiap suku tahun; dan
- mengkaji sebarang risiko dan pendedahan ketara yang wujud dan menilai inisiatif yang dikendalikan oleh pihak Pengurusan dan syarikat portfolio untuk mengurangkan risiko.

Selaras dengan tanggungjawab di atas, empat (4) mesyuarat RMC telah diadakan sepanjang tahun kewangan 2015. Laporan suku tahunan Pengurusan Risiko telah dibentangkan dan diluluskan oleh ARMC dan Lembaga Pengarah.

**Jabatan Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko (CGRM)**

Peranan CGRM adalah untuk membantu ARMC dan Pengurusan Syarikat untuk menjalankan tugas dengan berkesan dengan melaksanakan kawalan dalaman yang kos efektif, menilai risiko, mencadangkan cara untuk mengurangkan risiko tersebut dan memastikan proses tadbir urus korporat yang betul. Sebagai peranan penting dalam proses ini, CGRM akan memberikan analisis, penilaian, nasihat dan maklumat yang bebas kepada ARMC berkenaan aktiviti yang dikaji.

Pelan tahunan dan KPI CGRM dikaji dan diluluskan oleh ARMC dan Lembaga Pengarah, dan keputusan audit dilaporkan secara berkala kepada pihak Pengurusan dan ARMC.

## AKTIVITI PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

**Strategi Pengurangan Risiko**

Rangka kerja pengurusan risiko Syarikat adalah panduan pragmatik mengenai pengenalpastian dan pengurusan risiko yang penting untuk mencapai objektif strategik. Keberkesanan rangka kerja pengurangan risiko sentiasa dikaji dan ditambah baik secara sistematik.

Syarikat telah mengenalpasti jenis-jenis risiko seperti berikut – strategik, kewangan, operasi dan pelaburan. Risiko tidak terhad hanya kepada empat jenis ini sahaja tetapi risiko pelaburan dianggap sebagai risiko perniagaan paling kritikal dalam Syarikat.

| RISIKO EKUINAS (SYARIKAT) | | | |
|---|---|---|---|
| **Strategik** | **Pelaburan Langsung** | **Program Penyumberan Luar** | **Operasi** |
| • Persekitaran Luaran<br>• Pembiayaan<br>• Kawalan setia<br>• Pihak Berkepentingan | • Aliran urusniaga dan penilaian<br>• Prestasi dan pengurusan Pelaburan<br>• Objektif sosial | • Pemilihan OFM<br>• Prestasi OFM<br>• Pengurusan OFM | • Sumber Manusia<br>• Perbendaharaan<br>• Pengurusan dan Pelaporan Kewangan<br>• Pematuhan<br>• Perkhidmatan Bersama |

| RISIKO SYARIKAT PORTFOLIO | | | |
|---|---|---|---|
| **Strategik dan Pasaran** | **Perniagaan dan Kewangan** | **Strategi Penciptaan Nilai** | **Pelaksanaan** |
| • Persekitaran Luaran<br>• Industri<br>• Kerajaan dan Kawal Selia | • Operasi perniagaan<br>• Perbelanjaan modal dan pelaburan<br>• Penggearan/Hutang | • Pengembangan Perniagaan<br>• Penggabungan dan Pengambilalihan | • Sumber Manusia<br>• Sistem dan Proses IT<br>• Pengurusan dan Laporan Kewangan<br>• Tadbir Urus dan Pematuhan |

# PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Risiko strategik diurus melalui usaha pemantauan faktor-faktor utama ekonomi, prospek industri, perkembangan kawal selia serta perjumpaan dan pengemaskinian secara berkala dengan pihak Kerajaan.

Bagi mengurus risiko kewangan, dasar perbendaharaan dan had kuasa kewangan Syarikat didokumenkan, disemak secara berkala dan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah. Dasar yang diluluskan menetapkan had-had bagi pengurusan kecairan, risiko pihak bertentangan dan pembiayaan Syarikat. Sebarang risiko kewangan yang ketara, seperti kecairan, penggearan, hutang bersih dan pendedahan kredit dikenalpasti, dinilai, ditangani dan dilaporkan kepada pihak Lembaga Pengarah secara berkala.

Risiko operasi sememangnya tidak dapat dihapuskan sepenuhnya dan kos untuk mengurangkan risiko sedemikian mungkin melampaui manfaat yang bakal diraih. Oleh yang demikian, Syarikat bertindak mengurus risiko operasi dengan mengguna pakai dasar dan prosedur operasi standard, had kuasa yang didokumenkan dan rangka kerja laporan berkala yang merangkumi laporan operasi dan kewangan.

Bagi mengurangkan risiko pelaburan pula, Syarikat memastikan bahawa keputusan pelaburan dibuat berpandukan garis panduan pelaburan yang terkandung di dalam Rangka Kerja Pelaburan Syarikat, demi memastikan urusniaga yang dilaksanakan memenuhi kriteria pelaburan penting di mana sektor-sektor utama dikenalpasti berdasarkan pendekatan penapisan yang telus. Rangka kerja ini diterima pakai di dalam semua proses pelaburan dan urusniaga pelaburan yang bakal dilaksanakan.

Rangka kerja Pelaburan Ekuinas meliputi pengurusan risiko dengan semakan risiko yang rapi terhadap semua cadangan atau urusniaga strategik dan tertentu untuk memastikan risiko dikenal pasti, dianalisa, ditetapkan keutamaannya dan diurus secara konsisten.

Semua pelaburan diteliti dengan rapi bagi memastikan pelaburan tersebut sejajar dengan tumpuan strategik Syarikat yang berupaya mencapai kadar pulangan yang sewajarnya dan mengambilkira semua faktor risiko lain yang berkaitan, seperti risiko industri dan risiko pelaksanaan. Di samping itu, Lembaga Pengarah juga telah menetapkan bahawa semua cadangan pelaburan yang diserahkan oleh pihak Pengurusan perlu disertakan dengan penilaian risiko yang menyeluruh dan cadangan strategi pengurangan risiko yang sesuai.

# PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

**Laporan Pengurusan Risiko**

Rangka Kerja Pengurusan Risiko menggariskan pendekatan Ekuinas terhadap pengurusan risiko, mengaitkannya dengan matlamat strategik dan organisasi dan menyepadukannya dengan proses perniagaan Syarikat. Laporan Pengurusan Risiko meliputi penilaian risiko dan keberkesanan kawalan sedia ada, serta keperluan untuk kawalan tambahan bagi mengurangkan risiko untuk Syarikat dan Syarikat Portfolio. Elemen utama proses ini adalah:

| PENDEKATAN PENILAIAN RISIKO | | |
|---|---|---|
| **KONTEKS** | **KEKERAPAN** | **PROSES** |
| Ekuinas | Dikemaskini setiap suku tahun | Laporan Risiko setiap suku tahun |
| Syarikat Portfolio | Dikemaskini setiap suku tahun | Laporan Risiko setiap suku tahun |
| Cadangan Pelaburan | Apabila perlu | Prosedur Cadangan pelaburan |

Memastikan kajian risiko-risiko utama dan langkah-langkah pengurangan bagi Syarikat dan syarikat-syarikat portfolio dibentangkan di mesyuarat RMC dan pembentangan seterusnya kepada ARMC dan Lembaga Pengarah.

Memastikan risiko-risiko utama dikenalpasti dan aktiviti pengurusan risiko dijalankan sebagai sebahagian daripada keperluan asas bagi semua cadangan pelaburan.

**PROSES KAWALAN DALAMAN UTAMA**

Lembaga Pengarah komited sepenuhnya untuk mengekalkan struktur dan persekitaran kawalan yang teguh agar operasi Syarikat dapat dikendalikan dengan sebaiknya. Antara proses penting yang telah disediakan untuk menyemak kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman, adalah seperti berikut:

- **Jawatankuasa Lembaga Pengarah**
  Selain daripada Lembaga Pengarah, syarikat juga menggalakkan tadbir urus korporat dan ketelusan dengan mempunyai Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko, Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran dan Jawatankuasa Pelaburan. Jawatankuasa Lembaga Pengarah ini ditubuhkan dengan tujuan membantu Lembaga Pengarah memantau pengurusan Syarikat secara bebas dengan tanggungjawab dan kuasa yang diperuntukkan dengan jelas dalam bidang tugas masing-masing.

- **Rangka Kerja Dasar dan Prosedur Operasi Standard (SOP)**
  Prosedur bertulis mengenai proses-proses penting Syarikat didokumen, dilaksana dan dijelaskan oleh pihak Pengurusan kepada kakitangan Syarikat, selaras dengan Rangka Kerja Dasar dan SOP yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Dasar-dasar ini disokong oleh prosedur yang didokumenkan untuk mengurus risiko operasi. Dasar dan prosedur ini bertujuan untuk memastikan bahawa prinsip atau mekanisme kawalan dalaman menjadi sebahagian daripada operasi Syarikat. Prosedur bertulis ini meliputi bidang Pelaburan Langsung, Program Penyumberan Luar, Kewangan, Sumber Manusia, Teknologi Maklumat (IT), Perolehan, Perundangan, Pengurusan Pihak Berkepentingan, Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) serta dasar dan prosedur penting lain. Rangka Kerja SOP untuk syarikat adalah seperti ilustrasi di halaman sebelah.

# PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

## RANGKA KERJA DASAR DAN PROSEDUR OPERASI STANDARD

**OBJEKTIF DAN STRATEGI PELABURAN**

**DASAR-DASAR PELABURAN (MEMBINA PROSES TERBAIK)**

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 ▶ | Pelaburan Langsung ▶ | Pembangunan Projek dalam Perancangan ▶ | Proses Ketekunan Wajar ▶ | Menstruktur / Merunding Urusniaga ▶ | Laksana & Pantau ▶ | Pelupusan |
| 2 ▶ | Program Penyumberan Luar ▶ | Mengenalpasti Pengurus Berpotensi ▶ | Proses Ketekunan Wajar ▶ | Menstruktur / Garis panduan ▶ | Beri Dana & Pantau ▶ | Pelupusan |

**PROSES PELABURAN**

*Nota: 1 & 2 Rangka Kerja Pelaburan telah dimuktamadkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah*

**PERKHIDMATAN BERSAMA**

### KEWANGAN & PERAKAUNAN

**Dasar Perakaunan dan/atau Prosedur Operasi Standard meliputi:**

- Aset Tetap (✓)
- Tunai Runcit (✓)
- Prosedur dan Dasar Pelaporan Kewangan (✓)
- Belanjawan (✓)
- Pembayaran & Tuntutan (✓)
- Garis Panduan Nilai Saksama Portfolio Pelaburan (✓)

### SUMBER MANUSIA

**Prosedur dan/atau Dasar Sumber Manusia meliputi:**

- Pengurusan Gaji (✓)
- Latihan & Pembangunan (✓)
- Pengambilan Pekerja & Perancangan Modal Insan (✓)
- Pengurusan Prestasi & Pampasan (✓)
- Pelan Pengekalan Jangka Panjang (✓)
- Pengurusan Bakat (✓)
- Hubungan Pekerja (✓)

### PERBENDAHARAAN

- Dasar dan Prosedur Operasi Standard Perbendaharaan (✓)

### PERUNDANGAN

- Prosedur Operasi Standard Perundangan (✓)

### PEROLEHAN & PENTADBIRAN

- Dasar dan Prosedur Operasi Standard Perolehan (✓)

### MIS

- Dasar dan Prosedur Operasi Standard Teknologi Maklumat (✓)

### TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR)

- Dasar dan Prosedur Operasi Standard CSR (✓)

### KOMUNIKASI

- Dasar Komunikasi (✓)

### PENGURUSAN PIHAK BERKEPENTINGAN

- Dasar dan Prosedur Operasi Standard Pengurusan Pihak Berkepentingan (✓)

### DASAR PENDEDAHAN

- Rangka Kerja dan Dasar Pendedahan (✓)

*Nota: (✓) Lengkap/Sempurna dan diluluskan untuk diterima pakai*

- **Kod Etika**
  Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan menjadi contoh kepimpinan terbaik bagi perilaku dan tadbir urus korporat yang berhemah. Kod Etika telah dipersetujui dan diguna pakai oleh semua Pengarah dan Kakitangan untuk memastikan standard perilaku tinggi yang sering dikaitkan dengan amalan perniagaan beretika. Semua Pengarah dan Kakitangan dikehendaki memahami Kod ini dan menandatangani borang akuan penerimaan.

# PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

- **Kod Perilaku Penyedia Perkhidmatan**
  Syarikat percaya bahawa hubungan dengan penyedia perkhidmatan mestilah berdasarkan prinsip integriti, kejujuran dan kebertanggungjawaban serta menentang sekeras-kerasnya apa jua bentuk sogokan atau rasuah. Dengan matlamat ini, Kod Perilaku Penyedia Perkhidmatan ini perlu dipatuhi oleh semua pembekal, kontraktor, perunding dan penasihat utama yang berurusan dengan Ekuinas. Ekuinas boleh mengambil tindakan sewajarnya bagi sebarang ketidakpatuhan Kod ini termasuk, dan tidak terhad kepada penamatan perkhidmatan atau larangan mencadangkan apa jua perkhidmatan kepada Ekuinas untuk jangka masa yang ditetapkan.

- **Had Kuasa Yang Didokumenkan**
  Pihak Pengurusan diberikan Had Kuasa yang diluluskan bagi mengendali operasi harian, membuat keputusan pelaburan, perolehan dan pelupusan aset sebagai kaedah kawalan untuk mengurangkan sebarang risiko penyalahgunaan kuasa.

- **Buku Panduan Pencegahan Penipuan dan Dasar *Whistle Blowing***
  Untuk mengukuhkan budaya etika perniagaan dan tadbir urus yang baik di seluruh Syarikat, dasar *whistleblowing* telah diperkenalkan untuk menyediakan akses kepada kakitangan yang berniat baik melaporkan apa-apa salah laku yang disyaki. Ini termasuk penipuan yang disyaki, penyalahgunaan aset, gangguan seksual, kes pecah amanah, rasuah, perakaunan yang boleh dipersoalkan atau tidak betul, penyalahgunaan maklumat sulit dan tindakan yang dianggap sebagai bertentangan dengan kepentingan Syarikat, pelanggaran undang-undang, peraturan atau dasar-dasar awam, pelanggaran mana-mana dasar Syarikat dan Kod Perilaku Pekerja atau secara sengaja menyembunyikan mana-mana perkara tersebut di atas. Dasar ini menangani komitmen Syarikat terhadap integriti dan etika dengan membantu untuk memupuk dan mengekalkan persekitaran di mana kakitangan boleh bertindak sewajarnya tanpa rasa takut kepada sebarang hukuman.

- **Kawalan Pelaburan**
  Di dalam kebanyakan kes pelaburan, pegawai kanan Ekuinas dilantik menganggotai jawatankuasa pengurusan eksekutif dan lembaga pengarah syarikat portfolio untuk terlibat secara aktif dalam hala tuju strategik, proses membuat keputusan utama dan bahagian-bahagian operasi utama.

  Di samping menjalin hubungan baik dengan pengurusan syarikat portfolio, Ekuinas turut mengambil bahagian dalam inisiatif proses operasi untuk mencipta nilai dan menyokong tadbir urus dan amalan terbaik.

**Semakan Penyata oleh Juruaudit Luar**

Juruaudit luar telah menyemak Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman ini untuk dimuatkan ke dalam Laporan Tahunan bagi tahun berakhir 31 Disember 2015.

Berdasarkan prosedur yang dilaksanakan, mereka telah melaporkan kepada Lembaga Pengarah bahawa tiada sebarang perkara yang pada pemerhatian mereka boleh menyebabkan mereka beranggapan bahawa Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman yang bertujuan untuk dimuatkan ke dalam laporan tahunan tidak disediakan, dalam semua aspek material, mengikut pendedahan yang digariskan oleh perenggan 41 dan 42 Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman: Garis Panduan untuk Pengarah Terbitan Tersenarai, dan tidak ada maklumat yang tidak tepat.

Semakan jaminan terhad ini dilaksanakan selaras dengan Panduan Amalan Disyorkan (RPG) 5 (Pindaan) yang dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia. RPG 5 (Pindaan) tidak memerlukan juruaudit luar untuk menyatakan pendapat mengenai kecukupan dan keberkesanan system pengurusan risiko dan kawalan dalaman Syarikat.

**KESIMPULAN**

Bagi tahun kewangan yang dikaji, berdasarkan siasatan, maklumat dan jaminan yang disediakan, Lembaga Pengarah berpendapat bahawa sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman di dalam Syarikat adalah kukuh dan mencukupi untuk melindungi kepentingan pihak berkepentingannya. Tumpuan ke atas langkah-langkah untuk melindungi dan mempertingkatkan nilai pihak berkepentingan dan kemampanan perniagaan akan terus dilaksanakan.

**Penyata ini disediakan selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 21 Mac 2016.**

# LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN RISIKO

Lembaga Pengarah Ekuinas dengan sukacitanya membentangkan laporan Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko (ARMC) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015.

## KOMPOSISI DAN KEHADIRAN JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN RISIKO

ARMC telah ditubuhkan pada tahun 2010 sejajar dengan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia dan Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia. Ahli-ahli jawatankuasa dilantik dari kalangan ahli Lembaga Pengarah Syarikat dan memenuhi keperluan berikut:

- dianggotai tidak kurang daripada tiga (3) orang ahli;
- majoriti adalah pengarah bebas;
- semua ahli adalah pengarah bukan eksekutif;
- sekurang-kurangnya seorang adalah ahli persatuan perakaunan; dan
- pengarah gantian tidak boleh dilantik sebagai ahli ARMC.

Komposisi ARMC dan rekod kehadiran ahli-ahli adalah seperti berikut:

| Nama Pengarah | Status Jawatan Pengarah | Kehadiran mesyuarat | % |
|---|---|---|---|
| Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda *(Pengerusi Jawatankuasa)* | Pengarah Bebas Bukan Eksekutif | 5 dari 5 | 100 |
| Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan | Pengarah Bebas Bukan Eksekutif | 5 dari 5 | 100 |
| Datuk Noriyah Ahmad | Pengarah Bebas Bukan Eksekutif | 5 dari 5 | 100 |
| Johan Mahmood Merican[1] | Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif | 2 dari 2^ | 100 |

*Nota*
[1] *Dilantik sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif berkuatkuasa pada 1 Oktober 2015.*
^ *Menunjukkan bilangan mesyuarat yang dijadualkan semasa Pengarah memegang jawatan tersebut.*

## MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN RISIKO

ARMC bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun, atau lebih kerap jika perlu.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Pengarah Urusan Pelaburan, Ketua Pegawai Kewangan (CFO), Ketua Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko (CGRM) dan wakil-wakil juruaudit luar turut menghadiri mesyuarat apabila diperlukan. ARMC juga mengendalikan mesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pihak pengurusan semasa mesyuarat ARMC pada 20 Mac 2015 dan 9 Disember 2015.

Pengerusi ARMC membuat laporan mengenai setiap mesyuarat yang diadakan kepada pihak Lembaga Pengarah dan minit-minit mesyuarat didokumenkan dan diedarkan kepada setiap ahli ARMC.

## BIDANG TUGAS

Dalam melaksanakan tugas dan menyempurnakan tanggungjawabnya, ARMC memenuhi keperluan Bidang Tugas seperti berikut:

<u>Komposisi Ahli</u>

Komposisi Ahli Jawatankuasa hendaklah dilantik dari kalangan Pengarah-pengarah dan memenuhi keperluan berikut:
- ARMC hendaklah dianggotai oleh tidak kurang daripada tiga (3) orang ahli;
- majoriti ahlinya hendaklah terdiri daripada Pengarah bebas dan semua ahli adalah pengarah bukan eksekutif; dan

# LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN RISIKO

- sekurang-kurangnya seorang ahli ARMC:
  - adalah ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA); atau
  - jika beliau bukan ahli MIA, beliau hendaklah memiliki sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman bekerja dan:
    - beliau telah lulus peperiksaan seperti yang termaktub di dalam Bahagian I Jadual Pertama Akta Akauntan 1967; atau
    - beliau adalah ahli salah sebuah persatuan akauntan seperti yang termaktub dalam Bahagian II Jadual Pertama, Akta Akauntan 1967.
- Pengerusi mestilah seorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Pengarah gantian tidak boleh dilantik sebagai ahli ARMC;
- Sekiranya berlaku kekosongan di dalam ARMC dan menyebabkan ketidakpatuhan terhadap keperluan yang dinyatakan di atas, Syarikat hendaklah mengisi kekosongan tersebut dalam tempoh tiga (3) bulan; dan
- Setiausaha Syarikat hendaklah bertindak sebagai Setiausaha ARMC.

<u>Skop</u>

- ARMC diberi kuasa untuk menyiasat sebarang aktiviti Syarikat dan anak-anak syarikatnya, dan semua kakitangan diarahkan agar bekerjasama seperti mana yang diarahkan oleh ahli-ahli Jawatankuasa;
- ARMC diberi kuasa untuk melantik mana-mana individu yang mempunyai kebolehan khusus apabila perlu untuk membantu Jawatankuasa ini menjalankan tanggungjawabnya;
- ARMC membantu Lembaga Pengarah memenuhi tanggungjawab fidusiarinya, khususnya berkaitan dengan etika perniagaan, dasar dan kawalan pengurusan kewangan;
- ARMC hendaklah memastikan komunikasi langsung diwujudkan antara Lembaga Pengarah, Juruaudit Luar, Juruaudit Dalaman dan pihak Pengurusan melalui mesyuarat yang telah dijadualkan;
- ARMC akan terus menitikberatkan fungsi audit dengan meningkatkan objektiviti dan kebebasan Juruaudit Luar dan Dalaman dan menyediakan forum perbincangan yang berasingan daripada pihak Pengurusan;
- ARMC boleh mempelawa mana-mana individu untuk menghadiri mesyuarat bagi membantu Jawatankuasa membuat keputusan dan ia juga boleh bermesyuarat sesama sendiri sahaja apabila perlu; dan
- dakwaan serius terhadap mana-mana kakitangan Syarikat yang membabitkan implikasi kewangan hendaklah dirujuk kepada ARMC agar penyiasatan dapat dijalankan.

<u>Bidang Kuasa</u>

ARMC mempunyai kuasa yang diamanahkan oleh Lembaga Pengarah seperti berikut:

- kuasa untuk menyiasat sebarang perkara dalam lingkungan bidang tugasnya;
- akses kepada sebarang sumber yang diperlukan untuk melaksanakan tugasnya;
- akses penuh, bebas dan tidak terbatas kepada sebarang maklumat, rekod, harta dan kakitangan Syarikat serta sebarang anak syarikat lain (jika ada) atau syarikat seinduk;
- saluran komunikasi langsung dengan juruaudit luar dan mereka yang melaksanakan fungsi atau aktiviti audit dalaman (jika ada);
- boleh mendapatkan nasihat profesional bebas atau nasihat lain; dan
- boleh mengadakan mesyuarat dengan juruaudit luar dan juruaudit dalaman bersama-sama dengan ahli-ahli Lembaga Pengarah bebas dan bukan eksekutif yang lain, tanpa kehadiran mana-mana Pengarah Eksekutif, sekurang-kurangnya sekali setahun atau sekiranya perlu.

<u>Mesyuarat</u>

- ARMC akan bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun untuk membincangkan sebarang perkara yang dibangkitkan oleh Juruaudit semasa menjalankan tugas mereka. Korum mesyuarat ARMC ialah dua (2) orang ahli;
- sekurang-kurangnya sekali setahun, keseluruhan Lembaga Pengarah hendaklah bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran mana-mana ahli Lembaga Pengarah eksekutif/Ketua Pegawai Eksekutif atau Pengurusan Kanan;
- Setiausaha bertanggungjawab menyelaras butir-butir pentadbiran termasuk memanggil mesyuarat, mengundi dan mengambil minit mesyuarat;
- selain daripada ahli-ahli ARMC, CFO dan Ketua CGRM dijemput menghadiri setiap mesyuarat. Ketua syarikat/jabatan dan kumpulan pengurusan masing-masing akan hadir apabila laporan audit mengenai syarikat/jabatan mereka dibentangkan untuk perbincangan. Juruaudit luar akan diminta hadir apabila perlu;
- Pengerusi akan mengadakan mesyuarat ARMC, di atas permintaan juruaudit luar, untuk mempertimbangkan sebarang perkara yang dipercayai harus dibawa kepada perhatian pengarah atau pemegang saham; dan
- Juruaudit luar berhak hadir dan bersuara di sebarang mesyuarat ARMC dan hendaklah hadir di mesyuarat ARMC apabila dikehendaki berbuat demikian oleh Jawatankuasa tersebut.

# LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN RISIKO

Tugas dan Tanggungjawab

Tugas dan tanggungjawab ARMC ke atas kumpulan-kumpulan berikut adalah seperti di bawah:

***a. Lembaga Pengarah***

- Mendapatkan jawapan yang memuaskan daripada pihak Pengurusan mengenai laporan yang sediakan oleh juruaudit dalaman dan juruaudit luar untuk dilaporkan kepada Lembaga Pengarah:
  - Mengenalpasti penemuan penting dan kesan laporan audit tentang operasi;
  - Pertimbangan dan keputusan yang dibuat di peringkat ARMC dengan menumpukan isu dan resolusi penting yang telah diselesaikan oleh ARMC, secara berkala; dan
  - Ringkasan mengenai kebimbangan dan kelemahan ketara dalam persekitaran kawalan yang diperhatikan sepanjang tahun dan langkah-langkah sesuai yang diambil untuk menangani isu-isu tersebut;
- Menyelia fungsi jabatan CGRM dan melaporkan kepada Lembaga Pengarah tentang perubahan ketara dalam perniagaan dan persekitaran luar yang mempengaruhi risiko-risiko utama;
- Mengkaji segala urusan berkaitan pematuhan yang disediakan oleh Pengurusan berkaitan keperluan kawal selia atau keperluan pelaporan luar lain, berhubung operasi Syarikat;
- Semakan laporan audit anak syarikat dan sebarang syarikat berkaitan turut terangkum di bawah bidang kuasa ARMC, oleh yang demikian, semua fungsi yang dinyatakan di atas juga hendaklah dilaksanakan oleh ARMC dan diselaraskan dengan Lembaga Pengarah anak syarikat dan syarikat berkaitan; dan
- Mempertimbangkan perkara-perkara lain seperti yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah.

***b. Juruaudit Luar***

- Mempertimbang pelantikan juruaudit luar, fi audit dan sebarang persoalan mengenai perletakan jawatan atau pemecatan;
- Berbincang dengan juruaudit luar mengenai bidang kuasa dan skop audit sebelum audit dimulakan, dan memastikan penyelarasan sekiranya ia melibatkan lebih daripada satu firma audit;
- Berbincang dengan juruaudit luar tentang laporan audit dan penilaian mereka terhadap sistem kawalan dalaman; dan
- Menyemak penyata kewangan suku tahunan dan tahunan Syarikat, dengan memberi tumpuan khusus terhadap:
  - sebarang perubahan dalam dasar dan amalan perakaunan;
  - pelarasan ketara yang berbangkit daripada audit;
  - andaian usaha berterusan; dan
  - pematuhan kepada piawaian perakaunan dan keperluan perundangan lain.

***c. Juruaudit Dalaman***

- Membincangkan masalah dan kebimbangan yang berbangkit daripada audit luaran, dan perkara-perkara lain yang ingin dibincangkan oleh juruaudit;
- Menyelia fungsi audit dalaman dengan:
  - Mengkaji semula kecukupan skop, fungsi, sumber fungsi audit dalaman dan memastikan ia mempunyai kuasa yang diperlukan untuk melaksanakan tugasnya;
  - Menyemak semula program dan proses audit dalaman, hasil program dan hasil proses audit dalaman atau siasatan yang dijalankan dan memastikan tindakan sewajarnya diambil susulan daripada saranan fungsi audit dalaman;
  - Menyemak sebarang penilaian yang dibuat ke atas prestasi ahli-ahli fungsi audit dalaman;
  - Menetapkan dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah tentang bidang kuasa fungsi audit dalaman;
  - Meluluskan pelantikan atau pelucutan jawatan ahli pengurusan kanan fungsi audit dalaman;
  - Mengemaskini maklumat terkini tentang peletakan jawatan ahli kakitangan audit dalaman dan memberi peluang kepada kakitangan yang meletak jawatan untuk memberikan sebab-sebab peletakan jawatan;
  - Memastikan audit dalaman sentiasa mempunyai sumber yang mencukupi dan cekap;
  - Memantau dengan teliti sebarang percanggahan ketara antara audit dalaman dengan pihak Pengurusan, tidak kira sama ada percanggahan ini telah diselesaikan atau tidak; dan
  - Mempertimbangkan isu-isu penting yang diperolehi daripada siasatan dalaman dan tindakan pihak Pengurusan.

# LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN RISIKO

*d. Transaksi Pihak Berkaitan*

- Mempertimbangkan sebarang transaksi pihak berkaitan yang mungkin berbangkit dalam Syarikat termasuk sebarang transaksi, prosedur atau perilaku yang membangkitkan persoalan tentang integriti Pengurusan.

**AKTIVITI-AKTIVITI**

Sejajar dengan bidang tugas ARMC, aktiviti berikut telah dilaksanakan sepanjang tahun kewangan ini:

- Menyemak dan meluluskan pelan audit jabatan CGRM dan juruaudit luar, termasuk skop kerja masing-masing yang disediakan oleh jabatan CGRM dan juruaudit luar bagi tahun kewangan tersebut;
- Menyemak laporan Syarikat yang disediakan oleh CGRM dan juruaudit luar dan mempertimbangkan isu-isu dan pelan tindakan;
- Menyemak laporan suku tahunan dan laporan tahunan Syarikat, sebelum diserahkan kepada Lembaga Pengarah untuk pertimbangan dan kelulusan;
- Menyemak cadangan dasar dan prosedur penting untuk diguna pakai oleh Syarikat, sebelum diserahkan kepada Lembaga Pengarah untuk pertimbangan dan kelulusan;
- Menyemak laporan Pengurusan Risiko yang dibentangkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko setiap suku tahun untuk pertimbangan dan kelulusan;
- Bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pengurusan;
- Menyemak prestasi, kebebasan dan fi juruaudit luar;
- Menyemak laporan mengenai ARMC, Penyata Tadbir Urus Korporat dan Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman, sebelum dimuatkan di dalam Laporan Tahunan Syarikat;
- Menyemak dan mempertimbangkan laporan audit, isu dan saranan daripada juruaudit dalaman dan luar berdasarkan audit yang dikendalikan sepanjang tahun ini;
- Menyemak kecukupan sumber dan kecekapan kakitangan dalam lingkungan fungsi audit dalaman untuk melaksanakan pelan ini serta hasil kerja mereka; dan
- Menyemak dan mempertimbangkan semakan khas dan semakan ad-hoc yang dijalankan oleh CGRM atas permintaan khas pihak Pengurusan/ARMC.

**FUNGSI AUDIT DALAMAN**

Fungsi audit dalaman Syarikat dilaksanakan oleh Jabatan CGRM. Jabatan CGRM melapor terus kepada ARMC dan kepada CEO dari aspek pentadbiran. Fungsi audit dalaman adalah menurut Piagam Tadbir Urus Korporat yang diluluskan, yang memastikan kebebasannya semasa menilai dan membuat laporan mengenai kecukupan, integriti dan keberkesanan keseluruhan sistem kawalan dalaman, pengurusan risiko dan tadbir urus korporat dalam Syarikat, berlandaskan pendekatan yang sistematik dan berdisiplin.

Semakan dan inisiatif penambahbaikan kawalan yang dilaksanakan oleh CGRM ditetapkan dalam pelan audit tahunan yang disemak dan diluluskan oleh ARMC pada tahun kewangan.

Sepanjang tahun ini, sebagaimana dinyatakan dalam pelan audit dalaman yang diluluskan, CGRM telah menyemak dan membantu mendokumen dan memformalkan dasar dan prosedur Syarikat, serta memudahcara semakan risiko dan dokumentasi pelaporan risiko Ekuinas kepada RMC dan ARMC. CGRM turut berbincang dengan pengurusan Syarikat-syarikat Portfolio untuk menggalakkan pelaksanaan tadbir urus dan amalan-amalan terbaik.

CGRM juga terlibat dalam melaksanakan proses ketekunan wajar yang meliputi tadbir urus dan risiko pelaburan dalam usaha perolehan pelaburan baru. Sebagai sebahagian daripada proses penilaian pelaburan, isu-isu utama akan dibangkitkan kepada pihak Pengurusan dan Lembaga Pengarah dalam usaha memastikan semua risiko pelaburan utama dikurangkan secara teliti.

Semua fungsi audit dalaman sepanjang tahun ini telah dikendalikan oleh Jabatan CGRM. Tiada satu pun bidang fungsi audit dalaman yang ditugaskan kepada sumber luar.

**Laporan ini disediakan selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah yang bertarikh 21 Mac 2016.**

# DASAR PENDEDAHAN

Sebagai sebuah firma ekuiti persendirian yang dimandatkan untuk mengurus dan melabur dana awam, Ekuinas merupakan entiti awam yang beroperasi di dalam persekitaran yang dikawal selia dengan ketat. Justeru itu, kami menitikberatkan ketelusan di dalam perhubungan dengan semua pihak berkepentingan termasuk Kerajaan, syarikat-syarikat penerima pelaburan, pihak media dan seluruh rakyat Malaysia. Untuk mencapai matlamat ini, Syarikat telah mewujudkan rangka kerja pendedahan yang mesra-pasaran, telus dan dibentuk mengikut penanda aras amalan terbaik global.

Garis panduan pendedahan Ekuinas dirumus berdasarkan beberapa garis panduan industri, antara lainnya seperti garis panduan *Walker Guidelines Monitoring Group 2007*, sebuah kumpulan pemantauan ekuiti persendirian yang menggalakkan ketelusan dan pendedahan, dan Garis Panduan Laporan European Private Equity & Venture Capital Association (EVCA) 2006. Rangka kerja pendedahan Ekuinas telah dihasilkan berikutan kajian menyeluruh mengenai pendedahan yang disediakan oleh firma-firma ekuiti persendirian, dana negara berdaulat atau *sovereign wealth funds* dan dana lindung nilai terkemuka di seluruh dunia.

Pendedahan dibuat pada tahap berbeza-beza, daripada sekadar menyediakan maklumat minimum seperti nombor telefon untuk dihubungi dan maklumat asas syarikat di laman web rasmi, sehingga maklumat mengenai strategi dan matlamat syarikat, perolehan dan pelupusan, serta prestasi portfolio. Namun begitu, Ekuinas memilih organisasi seperti 3i plc yang berpangkalan di United Kingdom dan Tabung Pencen Kerajaan Norway, sebagai penanda aras, memandangkan organisasi ini menyediakan pendedahan sepenuhnya mengenai semua pegangan dan pemilikan portfolio, latar belakang kumpulan pengurusan, profil syarikat portfolio terpilih, serta laporan tahunan dan penyata kewangan teraudit.

Ekuinas komited untuk menyediakan pendedahan maklumat korporat yang saksama dan komprehensif, sejajar dengan amalan terbaik firma ekuiti persendirian global. Kami berhasrat mematuhi semua undang-undang dan peraturan demi memastikan komunikasi yang sewajarnya disebarkan kepada pihak awam menurut keperluan undang-undang dan kawal selia yang berkuat kuasa.

Dasar pendedahan kami merangkumi prinsip utama berikut:

- Dibentuk mengikut penanda aras amalan industri ekuiti persendirian dan dana negara berdaulat yang terkemuka;
- Maklumat penting harus didedahkan dengan saksama dan menyeluruh kepada pihak awam melalui laporan tahunan dan disebarkan dengan meluas melalui media massa;
- Bersikap responsif terhadap permohonan maklumat daripada pihak berkepentingan utama; dan pada masa yang sama turut mematuhi peraturan serta garis panduan dasar pendedahan ini; dan
- Sekiranya kami tidak dapat mendedahkan sebarang maklumat atas permintaan rakan pelabur bersama atau sekiranya pendedahan tersebut dapat menjejaskan pelan peningkatan nilai syarikat, kami akan memberikan penjelasan yang sewajarnya.

# DASAR PENDEDAHAN

**Rangka Kerja Pendedahan Ekuinas**

**Didorong oleh ...**

- **Keperluan pihak berkepentingan untuk mendapat maklumat**
- **Prinsip Tadbir Urus Korporat**
- **Amalan terbaik dari segi pendedahan dan ketelusan**

**... diselaraskan dengan**

**Visi & Misi Korporat**

**Strategi Pelaburan**

**Rangka kerja undang-undang dan kawal selia**

**Komponen Pendedahan**

- Pendedahan Kewangan
- Pendedahan Pelaburan

**Pendedahan Sukarela Lain**

- Tadbir Urus Korporat
- Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman
- Lain-lain: Contohnya Tanggungjawab Sosial

**... bagi meraih manfaat**

- Meningkatkan keyakinan para pelabur, pihak awam dan syarikat penerima pelaburan yang berpotensi
- Meningkatkan tahap ketelusan
- Mengukuhkan nilai etika firma
- Mempelopori amalan ketelusan bagi firma ekuiti persendirian di Malaysia
- Menggalakkan pendedahan di seluruh industri

**... dan dicapai menerusi**

**Dasar dan garis panduan pendedahan**

**Amalan pelaburan yang telus**

**Pendedahan menyeluruh melalui saluran sedia ada**



05

# HAL EHWAL PIHAK BERKEPENTINGAN




Pasaran penyedia perkhidmatan Pentadbir Tuntutan Perubatan Pihak Ketiga (TPA), sub-sektor yang dianggarkan bernilai RM100.0 juta, kini sedang berkembang pesat dan dijangka mencecah RM156.0 juta menjelang 2019. Ini menyediakan landasan yang sesuai bagi Ekuinas untuk membentuk sebuah syarikat penyedia perkhidmatan TPA terkemuka di Malaysia dan peringkat serantau, sejajar dengan mandat Ekuinas untuk mewujudkan syarikat-syarikat terkemuka pasaran pada masa hadapan.

# HAL EHWAL PIHAK BERKEPENTINGAN

**ILTIZAM: PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT EKUINAS**

Model perniagaan Ekuinas dirangka ke arah membantu syarikat untuk mencapai potensi mereka sepenuhnya demi kepentingan negara secara keseluruhan. Dengan berbuat demikian, kami berusaha untuk menyumbang secara positif kepada masyarakat melalui kepakaran, sumber dan rangkaian kami ke arah mencapai matlamat sosial untuk meningkatkan penyertaan ekonomi Bumiputera. Kesannya, tanggungjawab sosial korporat diterapkan dalam operasi harian dan budaya perniagaan kami.

Dalam tempoh tiga tahun yang lalu, kami secara aktif menggalakkan kakitangan kami untuk membantu usahawan tempatan dan komuniti masyarakat yang dipilih dengan menyumbangkan masa dan pengetahuan mereka. Aktiviti ini mendatangkan faedah ketara kepada penerima sokongan dan amat bermanfaat di peringkat korporat dan secara peribadi.

Komitmen kami untuk mendekati dan menyumbang kepada komuniti yang lebih luas dirasmikan melalui Rangka Kerja Tanggungjawab Korporat (CSR) Ekuinas yang dilancarkan pada tahun 2013. Komponen rangka kerja: pembinaan keupayaan usahawan, pendidikan, dan sokongan daripada pengamal dalam bidang seni dan budaya, telah berjaya membentuk aktiviti CSR kami pada tahun berikutnya.

iltizam bersama ekuinas

### APA ITU ILTIZAM

**ILTIZAM** adalah perkataan Bahasa Malaysia yang bermaksud komitmen, kesungguhan dan keazaman. Ia mencerminkan semangat yang tidak mudah luntur dan keazaman yang tinggi bagi mereka yang ingin mendorong pembaharuan dan berusaha untuk terus berjaya. ILTIZAM sebagai jenama aktiviti CSR Ekuinas juga melambangkan kegigihan dalam usaha mencapai matlamat, keupayaan untuk menghadapi dan mengatasi sebarang halangan, keinginan untuk menukar sebarang kesukaran menjadi peluang, kesanggupan untuk bekerja keras dan kepercayaan yang tidak berbelah bahagi untuk mencapai hasil yang positif.

Kami berharap ILTIZAM akan memberi inspirasi kepada mereka yang ingin mencapai impian dan memaksimumkan potensi mereka sepenuhnya.

Pada tahun 2015, kami meneruskan langkah untuk meningkatkan aktiviti CSR kami ke peringkat seterusnya dengan mewujudkan sebuah jabatan khusus dengan kakitangan sepenuh masa untuk CSR. Kami turut mencipta jenama yang berlainan untuk aktiviti CSR kami iaitu: ILTIZAM. ILTIZAM telah dilancarkan secara rasmi pada 25 Februari 2016 oleh YB Senator Dato' Sri Abdul Wahid Omar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

ILTIZAM menyediakan platform untuk kami berkongsi aktiviti CSR kami. Ia juga merangkumi unsur-unsur yang diperlukan dalam membuat transformasi yang mengubah gaya hidup, positif dan memberi inspirasi: ini merupakan matlamat keseluruhan bagi semua aktiviti CSR kami.

## 05 HAL EHWAL PIHAK BERKEPENTINGAN













# 05 HAL EHWAL PIHAK BERKEPENTINGAN



ILTIZAM bertujuan untuk memperkasa usahawan Bumiputera dan memberi impak secara langsung kepada masyarakat Bumiputera dengan membolehkan mereka merealisasikan sepenuhnya potensi mereka. Inisiatif-inisiatif tertumpu kepada tiga tunggak utama beserta program masing-masing:

1. **Keusahawanan**
   - Program Mentor Keusahawanan

2. **Pendidikan**
   - Program Pembangunan Profesional
   - Program Perkembangan Pendidikan – Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera
   - Program Perkembangan Pendidikan – Dana Pendidikan ILMU

3. **Komuniti**
   - Program Komuniti Lestari

Dalam tempoh lima tahun yang lalu, Ekuinas telah melabur lebih RM13.0 juta dalam aktiviti CSRnya. Kami akan terus menyumbangkan masa dan kepakaran kami untuk membantu mereka yang mempunyai keinginan untuk berjaya dan kami peruntukkan sebanyak RM18.0 juta bagi inisiatif-inisiatif ILTIZAM untuk tempoh tiga tahun akan datang.

Perusahaan mikro dan kecil, pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) serta para pelajar dan graduan berpotensi tinggi dipelawa untuk menyertai program-program ILTIZAM dengan menghantar permohonan di *www.ekuinas.com.my/iltizam* atau dengan menghubungi (03) 7710 7171.

## PROGRAM MENTOR KEUSAHAWANAN ILTIZAM

Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) telah lama diiktiraf sebagai tulang belakang ekonomi Malaysia. Di bawah Pelan Induk PKS 2012 – 2020, PKS disasarkan menyumbang sebanyak 41.0% daripada keluaran dalam negara kasar (KDNK) pada tahun 2020.

Ekuinas berada pada kedudukan yang baik untuk memainkan peranan bermakna dalam memenuhi perancangan negara untuk PKS tempatan. Memiliki perniagaan kecil yang mampan mungkin adalah cara terbaik dalam membantu secara langsung keluarga dan masyarakat untuk berjaya. Kami mendapati bahawa dengan menyatukan semua pihak – pemilik perniagaan dan kakitangan Ekuinas serta rakan kongsi pihak ketiga – secara bersama kami boleh mencari dan melaksanakan penyelesaian yang praktikal dan berkesan untuk pelbagai cabaran yang dihadapi oleh perniagaan kecil.

Melalui Program Mentor Keusahawanan ILTIZAM, kami berusaha untuk meningkatkan impak menerusi sokongan kepada usahawan perusahaan mikro dan kecil (MASE) dalam merealisasikan potensi dan meningkatkan keupayaan organisasi mereka. Program ini disediakan untuk perusahaan mikro atau kecil milik Bumiputera yang mempunyai potensi perniagaan yang besar. Model perniagaan mereka juga perlu mempunyai impak yang luas dan bermakna kepada masyarakat, dan syarikat tersebut perlu mempunyai keperluan sokongan yang jelas seperti bidang atau peluang di mana ILTIZAM boleh mewujudkan nilai.

Syarikat-syarikat terpilih akan bekerjasama dengan Ekuinas selama enam bulan hingga satu tahun. Dalam tempoh ini, isu-isu perniagaan utama dikenalpasti dan perkhidmatan sokongan akan disediakan oleh Ekuinas atau perunding pihak ketiga yang dilantik oleh Ekuinas, untuk menangani dan mengatasi cabaran-cabaran tersebut. Perkhidmatan sokongan yang ditawarkan merangkumi pelbagai bidang seperti pendidikan keusahawanan, sumber manusia, pemasaran, kewangan dan perakaunan, nasihat undang-undang dan aktiviti sampingan yang lain.

Adalah penting untuk ditekankan bahawa pendekatan kami dalam membina keupayaan usahawan adalah berteraskan bimbingan yang sabar dan teliti, dan penambahbaikan operasi yang bermakna. Hasil dan keputusan daripada usaha ini haruslah bertahan jauh di luar tempoh kerjasama ini, iaitu memberi kesan positif kepada usahawan yang terpilih bagi tahun-tahun yang mendatang.

## 05 HAL EHWAL PIHAK BERKEPENTINGAN

Asas kepada program ini adalah Alat Diagnostik yang dibangunkan oleh Ekuinas dan Boston Consulting Group. Alat ini bertindak sebagai 'pemeriksaan prestasi' bagi sesebuah organisasi serta membolehkan kami memastikan serta memahami isu-isu umum yang dihadapi oleh syarikat-syarikat terpilih. Cabaran perniagaan utama kemudiannya diberi tahap keutamaan dan Pelan Tindakan bagi tiga isu terpenting akan dirangka berdasarkan rangka kerja amalan terbaik di seluruh industri.

**PROJEK SEMASA:**

Pada tahun 2015, dua syarikat telah terpilih untuk Program Mentor Keusahawanan ILTIZAM: Eightdesigns Sdn Bhd dan Fatihah Frozen Food Sdn Bhd.

Bantuan bukan kewangan juga diberikan kepada 11 usahawan MASE lain. Cabaran perniagaan utama yang dihadapi oleh syarikat-syarikat tersebut telah dikenal pasti dengan menggunakan Alat Diagnostik. Penyelesaian khusus dan praktikal diberikan berdasarkan hasil diagnosis.

**EIGHTDESIGNS SDN BHD**

**Membawa perintis Fesyen Muslimah ke peringkat seterusnya**

Pada tahun 2008, Norasurah (Sue) mula menjual pakaian Muslimah di blog beliau. Bekerja dari rumah, dengan modal permulaan sebanyak RM500 dan ketika itu dikenali sebagai EightDesigns, beliau berjaya menjual lapan rekaan baju di blog beliau. Perniagaan kecil beliau memenuhi permintaan pasaran untuk pakaian moden, bergaya dan sederhana yang semakin meningkat di kalangan wanita Islam. Apabila perniagaan kecil beliau semakin maju, Sue memulakan koleksi pakaian Muslimah tersendiri dan menubuhkan Eightdesigns Sdn Bhd (EDZ) pada tahun 2013.

EDZ adalah sebuah syarikat yang mencatat keuntungan tetapi pertumbuhannya dikekang oleh sasaran pasaran yang terhad. Untuk membawa syarikat ke tahap yang seterusnya, Ekuinas telah memilih EDZ untuk Program Mentor Keusahawanan pada 2015. Ekuinas telah melantik Ethos Consulting untuk membantu dalam menilai cabaran perniagaan utama yang dihadapi EDZ dan membangunkan penyelesaian yang strategik.

Cadangan yang disyorkan kepada EDZ termasuklah meluaskan rangkaian produk dengan koleksi baharu pakaian mampu milik; meningkatkan bilangan laman-laman web yang menjual pakaian EDZ; meningkatkan kehadiran EDZ dalam talian; dan mewujudkan satu pelan pemasaran berfokus yang memanfaatkan kelebihan daya saing EDZ. Ekuinas dan kumpulan Ethos Consulting turut membantu Sue dalam mewujudkan pelan perniagaan khusus untuk menambahbaik dan meningkatkan kecekapan operasi, merangka dokumen undang-undang bagi sebarang perjanjian perniagaan yang berpotensi dan menghubungkan EDZ kepada bank-bank yang menawarkan pinjaman PKS.

Kerjasama kami dengan EDZ diteruskan dan kami yakin akan melaporkan kemajuan positif bagi syarikat ini. Kami berharap untuk membawa Sue dan perniagaan beliau ke tahap seterusnya pada 2016.

**FATIHAH FROZEN FOOD SDN BHD**

**Mewujudkan peneraju dalam industri makanan sejuk beku**

Jika dilihat dari pelbagai segi, Hajjah Fatihah Anis Ibrahim (Fatihah) sememangnya merupakan usahawan yang sesuai untuk Program Mentor Keusahawanan ILTIZAM. Beliau seorang yang bersemangat, rajin dan bercita-cita tinggi. Perusahaan mikro yang membuat makanan tradisional buatan sendiri beliau telah berkembang menjadi sebuah perniagaan lengkap yang kini menghasilkan 20 jenis pastri beku segera. Fatihah ialah wanita pertama di negara ini yang menggunakan jentera dalam industri makanan sejuk beku yang kompetitif. Perniagaan kecil beliau, Fatihah Frozen Food Sdn Bhd (Fatihah Frozen) menjual kepada peruncit besar seperti Tesco, Mydin, Kedai Rakyat 1Malaysia dan Circle K.

Pada tahun 2015, Ekuinas melantik Arise Asia Sdn Bhd, perunding perusahaan sosial, untuk membangunkan keupayaan perniagaan Fatihah Frozen dengan menangani tiga cabaran utamanya: jumlah jualan yang perlahan; bilangan terhad pengedar yang menyimpan stok produk; dan kesedaran jenama yang rendah dalam kalangan pengguna.



# 05 HAL EHWAL PIHAK BERKEPENTINGAN

Beberapa langkah strategik telah dilaksanakan untuk menangani isu-isu perniagaan termasuk meningkatkan ketersediaan dan kebolehpercayaan data kewangan Fatihah Frozen, menambahbaik sistem perolehan dan pengurusan bahan mentah, dan mengkaji semula rangkaian produk sedia ada dalam usaha untuk membangunkan produk baharu untuk pasaran baharu.

Ekuinas, Arise Asia dan Fatihah Frozen akan terus melaksanakan Pelan Tindakan pada 2016. Meskipun berhadapan persaingan sengit dalam industri makanan sejuk beku, kami yakin bahawa Fatihah dan pasukannya akan dapat mengukuhkan jenama Fatihah Frozen, membina kelebihan daya saing dan meningkatkan kecekapan serta keberkesanan syarikat tersebut.



**Program Perkembangan Pendidikan ILTIZAM – YAYASAN PENERAJU PENDIDIKAN BUMIPUTERA**

Pendidikan merupakan teras bagi ekonomi berasaskan pengetahuan dan graduan memainkan peranan yang penting dalam mengembangkan ekonomi. Di Ekuinas, kami juga percaya bahawa pendidikan menghasilkan kebaikan awam dan penting dalam mewujudkan masyarakat yang terangkum. Ia adalah alat yang berkesan untuk mobiliti sosial.

Sejak tiga tahun yang lalu, Ekuinas telah menyokong Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (YPPB) dalam misi mereka untuk mengembangkan bakat Bumiputera muda yang boleh menyumbang kepada masyarakat dan mencapai cita-cita negara. Sejumlah RM1.0 juta telah disumbangkan kepada program biasiswa Peneraju Tunas Potensi YPPB.

Sehingga kini, sumbangan kami telah membolehkan lebih 75 pelajar melanjutkan pelajaran di peringkat pengajian tinggi. Kami berbangga untuk terus menyokong YPPB dalam mencapai objektif mulia mereka untuk tempoh lima tahun lagi.

**Program Perkembangan Pendidikan ILTIZAM – DANA PENDIDIKAN ILMU**

Dana Pendidikan ILMU di bawah Ekuinas menyediakan bantuan kewangan dan tajaan pendidikan kepada pelajar-pelajar institusi di bawah Kumpulan Pendidikan ILMU (ILMU): Kumpulan Cosmopoint yang terdiri daripada Kolej Universiti Metropolitan Kuala Lumpur (KLMUC) dan Kolej Cosmopoint (CC), dan Universiti Antarabangsa UNITAR.

Program ini bertujuan untuk memberi peluang kepada lebih ramai pelajar mendapat pendidikan tinggi. Kami gembira apabila peluang untuk 'pelajar sederhana' meningkat dengan inisiatif ini, bukan hanya untuk pelajar cemerlang sahaja. Dana Pendidikan ILMU ditawarkan kepada pelajar sedia ada dan pelajar baharu yang menghadapi masalah kewangan dan juga pelajar yang mendapat keputusan akademik yang baik. Hasilnya, ILMU benar-benar mencerminkan kepelbagaian warisan budaya negara dan pelajar dari pelbagai latar belakang etnik dan sosial menjadi penghuni kampus-kampus ILMU.

Dalam tempoh tiga tahun yang lalu, Dana Pendidikan ILMU telah membantu pelajar-pelajar dari Kumpulan Cosmopoint menerusi tiga skim: Dana Bestari memberi ganjaran dan mengiktiraf pelajar cemerlang; Dana Potensi untuk pelajar yang berpotensi untuk lulus tetapi menghadapi kesukaran untuk berbuat demikian; dan Dana Sara Diri memberi tumpuan kepada pelajar yang telah menunjukkan peningkatan akademik. Setakat ini, kira-kira 1,300 pelajar telah menerima bantuan melalui skim-skim tersebut.

Pada tahun 2015, Universiti Antarabangsa UNITAR (UNITAR) memulakan skim tajaan pendidikan untuk pelajar dalam kursus vokasional yang dikenali sebagai Majlis Pendidikan Teknologi dan Perniagaan (BTEC). BTEC adalah program asasi yang membolehkan graduannya meneruskan pelajaran di peringkat diploma atau ijazah dalam bidang kejuruteraan, seni bina atau seni kulinari di UNITAR.

# 05 HAL EHWAL PIHAK BERKEPENTINGAN

**Program Pembangunan Profesional ILTIZAM**
Kerajaan menyeru supaya industri pengajian tinggi melahirkan lebih ramai graduan yang mempunyai kebolehpasaran yang tinggi. Kebolehpekerjaan dan pekerjaan adalah dua perkara berbeza. Kebolehpekerjaan merujuk kepada potensi graduan untuk mendapat pekerjaan dan seterusnya berjaya di tempat kerja.

ILTIZAM memacu usaha kami untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan Bumiputera daripada universiti tempatan. Program Pembangunan Profesional memberi tumpuan kepada graduan dari latar belakang kurang bernasib baik tetapi mempunyai potensi yang besar.

Pelatih di bawah Program ini berasal dari keluarga berpendapatan rendah dan pertengahan yang tinggal di kawasan bandar dan luar bandar. Dalam program ini, mereka diberi peluang untuk belajar dan membangunkan kemahiran profesional menerusi cara berstruktur dan profesional dengan bekerja di Ekuinas dan syarikat-syarikat portfolio kami. Kami melabur dalam pembangunan profesional mereka dari hari pertama mereka mula bekerja. Dalam tempoh satu tahun, mereka dijangka dapat memiliki kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk membina kerjaya mampan dalam dunia korporat.

Kejayaan program ini diukur dengan peluang pekerjaan yang ditawarkan kepada pelatih kami. Kami gembira melaporkan bahawa usaha kami telah berjaya membangunkan bakat Bumiputera. Dalam tempoh tiga tahun ini, 72 pelatih telah diterima dan pada akhir program ini, mereka berjaya mendapat pekerjaan tetap dengan syarikat-syarikat terkemuka atau memilih untuk melanjutkan pelajaran mereka. (2012: 9 graduan; 2013: 23 graduan; 2014: 40 graduan).

Pada 2015, kami menerima sebanyak 1,500 permohonan untuk program ini. Dari jumlah tersebut, 120 permohonan telah disenarai pendek dan akhirnya 59 graduan telah terpilih untuk menyertai program ini. Kumpulan pelatih terkini akan menamatkan program pada 2016. Kami merancang untuk meningkatkan bilangan pengambilan dan bercadang untuk mengambil 75 pelatih graduan baharu untuk program ini pada 2016.

**Program Komuniti Lestari ILTIZAM**
Program ini menempatkan inisiatif berunsur filantropi Ekuinas dalam dua kategori penting:

1. Membantu golongan dari latar belakang yang kurang bernasib baik dengan meningkatkan kualiti taraf hidup secara mampan; dan
2. Menyokong, menggalakkan, dan memelihara seni, budaya dan warisan.

Sumbangan wang tunai diberikan kepada badan-badan bukan kerajaan (NGO) yang membantu golongan miskin dan kurang bernasib baik; NGO yang memperjuangkan aktiviti seni dan budaya tempatan; dan juga untuk penerima terpilih. Kami berharap untuk membantu menangani masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat tempatan dan juga untuk memelihara seni dan budaya tradisi yang diabaikan dan berada di ambang kepupusan.

Dalam mendekati masyarakat, ILTIZAM telah memilih untuk bekerjasama dengan sekolah yang terletak di persekitaran pejabat kami – Sekolah Kebangsaan Bukit Lanjan (SKBL) di Damansara Perdana, yang menyediakan pendidikan rendah kepada 120 kanak-kanak Orang Asli dari komuniti Desa Temuan. Kami berhasrat untuk mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk pembelajaran setiap hari, di mana kanak-kanak boleh membesar dan memenuhi potensi sebenar mereka.

Sokongan yang diberikan kepada sekolah ini adalah sejajar dengan kepercayaan kami pada kepentingan pendidikan. Pada tahun ini, dua projek telah dilaksanakan untuk membantu pelajar-pelajar ini merealisasikan potensi mereka. Projek pertama adalah tajaan kelas tuisyen selepas sekolah di mana pelajar dari Darjah Empat hingga Darjah Enam akan diajar subjek Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik. Projek kedua bertujuan memupuk tabiat membaca dalam kalangan pelajar Orang Asli dengan menambahbaik perpustakaan sekolah mereka. Kami berharap inisiatif-inisiatif ini akan meningkatkan peratusan kadar lulus dan bilangan pelajar yang mencapai keputusan 5A dalam peperiksaan kebangsaan UPSR.



# 05 HAL EHWAL PIHAK BERKEPENTINGAN

Projek-projek terdahulu termasuk menyokong PUSAKA, sebuah NGO yang berhasrat memelihara seni membuat rebana ubi, dan kerja-kerja bantuan pasca banjir di mana kakitangan Ekuinas dan para pelajar dari ILMU menyumbang masa dan tenaga mereka untuk membersihkan sekolah di Kelantan yang terjejas akibat kejadian banjir teruk pada awal tahun 2015.

## MELANGKAH MAJU PADA 2016

Dengan pelancaran ILTIZAM kepada pihak awam pada bulan Februari 2016, kami merancang untuk mempromosikan program CSR kami supaya ia lebih dikenali ramai dan lebih banyak golongan dapat memanfaatkan program-program yang ditawarkan. Semua ini akan dilaksanakan tanpa menjejaskan kualiti kerja kami. Dalam melaksanakan program-program ILTIZAM, kami akan terus mematuhi amalan tadbir urus baik yang sentiasa menjadi prinsip Ekuinas. ILTIZAM akan terus melabur dalam ruang sosial bagi pulangan sosial yang boleh dibuktikan dan diukur. Kami berhasrat untuk kekal setia kepada mandat kami di bawah tiga tunggak iaitu Keusahawanan, Pendidikan dan Komuniti.

## PROSPEK CERAH BAGI SKIM JEJAK JAYA BUMIPUTERA

Sepanjang tahun kewangan ini, Ekuinas dan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) telah menunjukkan kemajuan dalam membangunkan syarikat-syarikat yang menyertai program Skim Jejak Jaya Bumiputera (SJJB). Syarikat-syarikat bermodal pasaran kecil dan sederhana ini diberi sokongan nasihat dan bantuan holistik untuk terus berkembang menjadi syarikat terkemuka pasaran yang lebih besar.

Peningkatan nilai syarikat-syarikat ini adalah penting dan SJJB mengukur kejayaannya menggunakan penunjuk prestasi utama (KPI) untuk meningkatkan modal pasaran syarikat-syarikat tersenarai awam kawalan Bumiputera. SJJB mempunyai sasaran yang tinggi iaitu meningkatkan modal pasaran PLC kawalan Bumiputera sebanyak RM7 bilion pada tahun ini dan RM10 bilion menjelang 2017.

Pada tahun 2015, 44 buah syarikat yang mengambil bahagian telah dinilai dan dikategorikan berdasarkan potensi dan daya maju perniagaan mereka. Sepanjang tahun ini, 11 buah syarikat telah dinilai dan diluluskan oleh TERAJU; sebuah syarikat telah disenaraikan (Sedania Innovator Bhd pada 29 Jun 2015) dan lima buah syarikat telah disenarai pendek dan disediakan pelan penciptaan nilai.

Secara kolektifnya, syarikat-syarikat tersenarai awam SJJB telah meningkatkan modal pasaran mereka sebanyak RM1.5 bilion pada tahun 2015. Ia merupakan satu pencapaian terpuji memandangkan jumlah modal pasaran bagi syarikat Bumiputera di bursa tempatan menurun sebanyak RM15 bilion dalam tempoh yang sama.

Pada 2016, TERAJU dan Ekuinas akan terus mengenal pasti calon-calon baharu untuk SJJB, memproses permohonan baru dan melengkapkan pengkategorian semua syarikat. SJJB juga akan mempercepatkan proses penyenaraian, menambahbaik operasi dengan melaksanakan pelan penciptaan nilai, dan merekodkan prestasi syarikat-syarikat Bumiputera tersenarai. Perancangan kami adalah untuk menyenaraikan empat buah syarikat, walau bagaimanapun, ia adalah tertakluk kepada keadaan pasaran dan kelulusan pihak kawal selia.

# LAPORAN PORTFOLIO

## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015


128

Ekuinas Direct (Tranche I) Fund

131

Ekuinas Direct (Tranche II) Fund

134

Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund

137

Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund

140

Nota Laporan Portfolio





Prestasi kewangan untuk Ekuinas Direct (Tranche III) Fund tidak dibentangkan kerana dana tersebut masih berada di peringkat awal pelaburan.

## 06 LAPORAN PORTFOLIO

# EKUINAS DIRECT (TRANCHE I) FUND

**PADA 31 DISEMBER 2015**

### 1 Tinjauan Dana

| | |
|---|---|
| **Nama Dana** | Ekuinas Direct (Tranche I) Fund |
| **Tahun Permulaan** | 2010 |
| **Status** | Dilaburkan sepenuhnya & 20% telah diagihkan |
| **Modal Terikat** | RM1.0 bilion |
| **Tempoh** | 5 tahun + 2 tahun + 1 tahun |
| **Tempoh Pelaburan** | 3 hingga 5 tahun |
| **Bentuk & Struktur Rasmi** | Satu pengurus dana dan satu pelabur<br><br>Dana: Ekuinas Direct (Tranche I) Fund<br>Pengurus Dana: Ekuiti Nasional Berhad<br>Domisil Dana: Malaysia |
| **Tumpuan Geografi** | Malaysia |
| **Tumpuan Pelaburan** | *Buy-Out* dan Dana Modal Pertumbuhan |
| **Tumpuan Industri** | - Pendidikan<br>- Minyak & Gas<br>- Barangan Pengguna Laris (FMCG)<br>- Peruncitan & Percutian<br>- Penjagaan Kesihatan<br>- Perkhidmatan |

## 06 LAPORAN PORTFOLIO

# EKUINAS DIRECT (TRANCHE I) FUND

**PADA 31 DISEMBER 2015**

### 2 Nilai Aset Bersih (NAB) Dana pada 31 Disember 2015

| | 2014<br>RM juta | Perubahan dalam tahun<br>RM juta | 2015<br>RM juta |
|---|---|---|---|
| **A. Modal Diperuntukkan** | **1,000.0** | **-** | **1,000.0** |
| **B. Modal Dipanggil** | **1,095.7** | **17.1** | **1,112.8** |
| **C. Modal Dilabur Semula** | **168.0** | **-** | **168.0** |
| **D. Jumlah Modal Disediakan (B+C)** | **1,263.7** | **17.1** | **1,280.8** |
| **E. Surutan Hutang (Kos Terlunas)** | **40.0** | **(2.7)** | **37.3** |
| **F. Jumlah Modal Dilabur (D+E)** | **1,303.7** | **14.4** | **1,318.1** |
| **Tambah peningkatan/(pengurangan) ke atas Nilai Aset Bersih:** | | | |
| Pendapatan Dividen | 60.3 | 2.3 | 62.6 |
| Keuntungan/(Kerugian) Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan | 305.2 | (48.7) | 256.5 |
| Keuntungan/(Kerugian) Direalisasi dari Aktiviti Pelupusan | 327.7 | (37.8) | 289.9 |
| Perbelanjaan Faedah | (16.1) | (1.6) | (17.7) |
| **Jumlah Pulangan Kasar Portfolio** | **677.1** | **(85.8)** | **591.3** |
| Perbelanjaan Organisasi | (192.3) | (40.1) | (232.4) |
| Pengagihan Modal kepada Rakan Terhad (C+H)* | (878.5) | - | (878.5) |
| **Pengurangan bersih dalam Nilai Aset Bersih** | **(393.7)** | **(125.9)** | **(519.6)** |
| **G. Nilai Aset Bersih** | **910.0** | **(111.5)** | **798.5** |
| **Nilai Aset Bersih terdiri daripada:** | | | |
| Pelaburan – pada kos | 772.1 | (65.2) | 706.9 |
| Keuntungan/(Kerugian) Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan | 305.2 | (48.7) | 256.5 |
| **Pelaburan pada Nilai Saksama** | **1,077.3** | **(113.9)** | **963.4** |
| Tambah: Baki Tunai | 6.0 | - | 6.0 |
| Tambah: Modal Kerja | (173.3) | 2.4 | (170.9) |
| Tambah: Modal Tidak Dipanggil | - | - | - |
| **Bersamaan Nilai Aset Bersih** | **910.0** | **(111.5)** | **798.5** |
| | | | |
| **Nilai Aset Bersih** | **910.0** | **(111.5)** | **798.5** |
| **H. Modal Diagihkan** | **710.5** | **-** | **710.5** |
| **Jumlah Nilai Aset Bersih tambah Modal Diagihkan (G+H)** | **1,620.5** | **(111.5)** | **1,509.0** |
| **Bayaran Balik Modal** | **76.2** | | **76.2** |
| | | | |
| **IRR Kasar Tahunan** | **19.6%** | | **14.8%** |
| **IRR Bersih Tahunan (sebelum faedah)** | **15.3%** | | **10.9%** |
| **Pembahagian Keuntungan (RM juta)** | **71.8** | | **89.7** |
| **H/B Pengagihan tunai berbanding modal dipanggil** | **0.6** | | **0.6** |
| **G/B Nilai aset bersih berbanding modal dipanggil** | **0.8** | | **0.7** |
| **(G+H)/B Jumlah nilai berbanding modal dipanggil** | **1.5** | | **1.4** |
| **B/A Modal dipanggil berbanding modal terikat** | **1.1** | | **1.1** |

* *Termasuk pengagihan modal dilabur semula.*

# 06 LAPORAN PORTFOLIO

## EKUINAS DIRECT (TRANCHE I) FUND

**PADA 31 DISEMBER 2015**

### 3 PRESTASI PELABURAN

**(a) Ringkasan Portfolio pada 31 Disember 2015**

| Syarikat | Tarikh Mula Pelaburan | Kepentingan | Kos Pelaburan | Nilai Saksama | Keuntungan Kasar Portfolio |
|---|---|---|---|---|---|
| | | % | RM juta | RM juta | RM juta |
| Alliance Cosmetics Group | 4 Januari 2010 | 20.0 | 39.9 | | |
| APIIT Education Group | 18 Februari 2011 | 51.0 | 102.0 | | |
| Cosmopoint Group | 2 April 2012 | 90.0 | 246.0 | | |
| UNITAR International University | 21 Mei 2012 | 90.0 | 58.5 | 963.4 | 311.8 |
| San Francisco Coffee[#] | 12 September 2011 | 90.0 | 20.0 | | |
| Revenue Valley Group | 15 Mac 2012 | 85.8 | 64.6 | | |
| Icon Offshore Berhad | 19 November 2012 | 32.7 | 175.9 | | |
| **Jumlah** | | | **706.9** | | |

| | |
|---|---|
| **IRR Kasar** | **14.8% setahun** |
| **IRR Bersih** | **10.9% setahun** |

IRR Kasar diperolehi selepas perbelanjaan faedah.
IRR Bersih diperolehi selepas fi pengurusan dan perbelanjaan operasi yang lain.

**(b) Ringkasan Realisasi pada 31 Disember 2015**

| Syarikat | Tarikh Pelupusan | Kepentingan | Kos Pelaburan Terealisasi | Jumlah Realisasi |
|---|---|---|---|---|
| | | % | RM juta | RM juta |
| **Terealisasi Sepenuhnya** | | | | |
| Tanjung Offshore Berhad* | 14 November 2012 | 24.0 | 99.8 | 62.0 |
| Konsortium Logistik Berhad | 19 Disember 2012 | 61.6 | 241.0 | 347.4 |
| Burger King Malaysia | 18 Ogos 2015 | 74.1 | 68.2 | 30.4 |
| **Separa Terealisasi** | | | | |
| Icon Offshore Berhad | 25 Jun 2014 | 38.0 | 132.3 | 391.4 |

* *Pelupusan pelaburan dalam Tanjung Offshore Berhad adalah sebahagian daripada aktiviti penstrukturan semula portfolio minyak & gas Ekuinas apabila ia melabur semua hasil sebagai pelaburan tambahan dalam Icon Offshore Berhad.*

[#] *Pelupusan San Francisco Coffee dimuktamadkan pada Mac 2016.*

## 06 LAPORAN PORTFOLIO

# EKUINAS DIRECT (TRANCHE II) FUND

**PADA 31 DISEMBER 2015**

### 1 Tinjauan Dana

| | |
|---|---|
| **Nama Dana** | Ekuinas Direct (Tranche II) Fund |
| **Tahun Permulaan** | 2012 |
| **Status** | Dikomitedkan sepenuhnya |
| **Modal Terikat** | RM1.0 bilion |
| **Tempoh** | 5 tahun + 2 tahun |
| **Tempoh Pelaburan** | 3 hingga 5 tahun |
| **Bentuk & Struktur Rasmi** | Satu pengurus dana dan satu pelabur<br><br>Dana: Ekuinas Direct (Tranche II) Fund<br>Pengurus Dana: Ekuiti Nasional Berhad<br>Domisil Dana: Malaysia |
| **Tumpuan Geografi** | Malaysia |
| **Tumpuan Pelaburan** | *Buy-Out* dan Dana Modal Pertumbuhan |
| **Tumpuan Industri** | - Pendidikan<br>- Minyak & Gas<br>- Barangan Pengguna Laris (FMCG)<br>- Peruncitan & Percutian<br>- Penjagaan Kesihatan<br>- Perkhidmatan |

# 06 LAPORAN PORTFOLIO

## EKUINAS DIRECT (TRANCHE II) FUND

**PADA 31 DISEMBER 2015**

**2 Nilai Aset Bersih (NAB) Dana pada 31 Disember 2015**

| | 2014<br>RM juta | Perubahan dalam tahun<br>RM juta | 2015<br>RM juta |
|---|---|---|---|
| **A. Modal Diperuntukkan** | **1,000.0** | **-** | **1,000.0** |
| **B. Modal Dipanggil** | **313.0** | **579.8** | **892.8** |
| **C. Modal Dilabur Semula** | **-** | **4.8** | **4.8** |
| **D. Jumlah Modal Disediakan (B+C)** | **313.0** | **584.6** | **897.6** |
| **E. Surutan Hutang (Kos Terlunas)** | **-** | **105.0** | **105.0** |
| **F. Jumlah Modal Dilabur (D+E)** | **313.0** | **689.6** | **1,002.6** |
| **Tambah peningkatan/(pengurangan) ke atas Nilai Aset Bersih:** | | | |
| Pendapatan Dividen | 0.1 | 3.0 | 3.1 |
| Keuntungan/(Kerugian) Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan | 70.9 | 35.3 | 106.2 |
| Keuntungan/(Kerugian) Direalisasi dari Aktiviti Pelupusan | 77.4 | (50.8) | 26.6 |
| Perbelanjaan Faedah | - | (2.6) | (2.6) |
| **Jumlah Pulangan Kasar Portfolio** | **148.4** | **(15.1)** | **133.3** |
| Perbelanjaan Organisasi | (63.4) | (15.3) | (78.7) |
| Pengagihan Modal kepada Rakan Terhad (C+H)* | (97.8) | (4.8) | (102.6) |
| **Pengurangan bersih dalam Nilai Aset Bersih** | **(12.8)** | **(35.2)** | **(48.0)** |
| **G. Nilai Aset Bersih** | **300.2** | **654.4** | **954.6** |
| **Nilai Aset Bersih terdiri daripada:** | | | |
| Pelaburan – pada kos | 571.6 | 136.0 | 707.6 |
| Keuntungan/(Kerugian) Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan | 70.9 | 35.3 | 106.2 |
| **Pelaburan pada Nilai Saksama** | **642.5** | **171.3** | **813.8** |
| Tambah: Baki Tunai | 1.9 | 4.4 | 6.3 |
| Tambah: Modal Kerja | (344.2) | 460.6 | 116.4 |
| Tambah: Modal Tidak Dipanggil | - | 18.1 | 18.1 |
| **Bersamaan Nilai Aset Bersih** | **300.2** | **654.4** | **954.6** |
| | | | |
| **Nilai Aset Bersih** | **300.2** | **654.4** | **954.6** |
| **H. Modal Diagihkan** | **97.8** | **-** | **97.8** |
| **Jumlah Nilai Aset Bersih tambah Modal Diagihkan (G+H)** | **398.0** | **654.4** | **1,052.4** |
| | | | |
| **IRR Kasar Tahunan** | **31.9%** | | **13.0%** |
| **IRR Bersih Tahunan (sebelum faedah)** | **19.3%** | | **5.7%** |
| **Pembahagian Keuntungan (RM juta)** | **21.1** | | **14.3** |
| **H/B Pengagihan tunai berbanding modal dipanggil** | **0.3** | | **0.1** |
| **G/B Nilai aset bersih berbanding modal dipanggil** | **1.0** | | **1.1** |
| **(G+H)/B Jumlah nilai berbanding modal dipanggil** | **1.3** | | **1.2** |
| **B/A Modal dipanggil berbanding modal terikat** | **0.3** | | **0.9** |

* *Termasuk pengagihan modal dilabur semula.*

# 06 LAPORAN PORTFOLIO

## EKUINAS DIRECT (TRANCHE II) FUND

**PADA 31 DISEMBER 2015**

### 3 PRESTASI PELABURAN

#### (a) Ringkasan Portfolio pada 31 Disember 2015

| Syarikat | Tarikh Mula Pelaburan | Kepentingan | Kos Pelaburan | Nilai Saksama | Keuntungan Kasar Portfolio |
|---|---|---|---|---|---|
| | | % | RM juta | RM juta | RM juta |
| Icon Offshore Berhad | 19 November 2012 | 9.6 | 51.1 | | |
| Primabaguz Sdn Bhd | 27 November 2013 | 100.0 | 40.0 | | |
| APIIT Sri Lanka | 20 Disember 2013 | 45.9 | 20.3 | | |
| San Francisco Coffee# | 23 Mei 2014 | - | 5.0 | | |
| Revenue Valley Group | 27 Jun 2014 | - | 10.0 | | |
| Coolblog Sdn Bhd | 24 Julai 2014 | 60.0 | 45.8 | 814.3 | 106.7 |
| Orkim Sdn Bhd | 18 Disember 2014 | 95.5 | 416.3 | | |
| Tenby Educare Sdn Bhd | 19 Mac 2015 | 70.0 | 70.0 | | |
| Tranglo Sdn Bhd | 31 Mac 2015 | 60.0 | 49.1 | | |
| **Jumlah** | | | 707.6 | | |

| | |
|---|---|
| **IRR Kasar** | **13.0% setahun** |
| **IRR Bersih** | **5.7% setahun** |

IRR Kasar diperolehi selepas perbelanjaan faedah.
IRR Bersih diperolehi selepas fi pengurusan dan perbelanjaan operasi yang lain.

#### (b) Ringkasan Realisasi pada 31 Disember 2015

| Syarikat | Tarikh Pelupusan | Kepentingan | Kos Pelaburan Terealisasi | Jumlah Realisasi |
|---|---|---|---|---|
| | | % | RM juta | RM juta |
| **Terealisasi Sepenuhnya** | | | | |
| Burger King Singapore | 18 Ogos 2015 | 100.0 | 47.2 | 23.9 |
| Burger King Malaysia | 18 Ogos 2015 | 100.0 | 52.6 | 25.1 |
| **Separa Terealisasi** | | | | |
| Icon Offshore Berhad | 25 Jun 2014 | 7.8 | 76.6 | 154.0 |

# *Pelupusan San Francisco Coffee dimuktamadkan pada Mac 2016.*

## 06 LAPORAN PORTFOLIO

# EKUINAS OUTSOURCED (TRANCHE I) FUND

**PADA 31 DISEMBER 2015**

### 1 Tinjauan Dana

| | |
|---|---|
| **Nama Dana** | Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund |
| **Tahun Permulaan** | 2011 |
| **Status** | Sedang Dilaburkan |
| **Modal Terikat** | RM400.0 juta |
| **Tempoh** | 6 tahun + 1 tahun |
| **Tempoh Pelaburan** | 3 hingga 6 tahun |
| **Bentuk & Struktur Rasmi** | Satu pengurus dana dan pelbagai pelabur.<br>Disumber luar kepada dana dan pengurus dana berikut:<br><br>1) Dana: Navis Malaysia Growth Opportunities Fund I, L.P.<br>Pengurus Dana: Navis MGO I GP Ltd<br>Domisil Dana: Cayman Islands<br><br>2) Dana: CIMB National Equity Fund Ltd. P.<br>Pengurus Dana: CIMB General Partner Ltd<br>Domisil Dana: Labuan<br><br>3) Dana: TAP Harimau Fund L.P<br>Pengurus Dana: TAP (Malaysia) Ltd<br>Domisil Dana: Labuan |
| **Tumpuan Geografi** | Malaysia |
| **Tumpuan Pelaburan** | Dana Modal Pertumbuhan Minoriti |
| **Tumpuan Industri** | Am kecuali senarai pelaburan negatif Ekuinas |

# 06 LAPORAN PORTFOLIO

## EKUINAS OUTSOURCED (TRANCHE I) FUND

**PADA 31 DISEMBER 2015**

2 **Nilai Aset Bersih (NAB) Dana pada 31 Disember 2015**

| | 2014<br>RM juta | Perubahan dalam tahun<br>RM juta | 2015<br>RM juta |
|---|---|---|---|
| **A. Modal Diperuntukkan** | **400.0** | **-** | **400.0** |
| **B. Modal Dipanggil** | **284.3** | **18.1** | **302.4** |
| **C. Modal Dilabur semula** | **-** | **15.1** | **15.1** |
| **D. Jumlah Modal Disediakan (B+C)** | **284.3** | **33.2** | **317.5** |
| **E. Surutan Hutang (Kos Terlunas)** | **-** | **-** | **-** |
| **F. Jumlah Modal Dilabur (D+E)** | **284.3** | **33.2** | **317.5** |
| **Tambah peningkatan/(pengurangan) ke atas Nilai Aset Bersih:** | | | |
| Pendapatan Dividen | - | 15.1 | 15.1 |
| Keuntungan/(Kerugian) Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan | 56.8 | (17.9) | 38.9 |
| Kerugian Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan | (1.8) | - | (1.8) |
| Perbelanjaan Faedah | - | - | - |
| **Jumlah Pulangan Kasar Portfolio** | **55.0** | **(2.8)** | **52.2** |
| Perbelanjaan Organisasi | (8.2) | (1.8) | (10.0) |
| Pengagihan Modal kepada Rakan Terhad (C+H)* | - | (15.1) | (15.1) |
| **Peningkatan/(Pengurangan) bersih dalam Nilai Aset Bersih** | **46.8** | **(19.7)** | **27.1** |
| **G. Nilai Aset Bersih** | **331.1** | **13.5** | **344.6** |
| **Nilai Aset Bersih terdiri daripada:** | | | |
| Pelaburan – pada kos | 274.3 | 31.4 | 305.7 |
| Keuntungan/(Kerugian) Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan | 56.8 | (17.9) | 38.9 |
| **Pelaburan pada Nilai Saksama** | **331.1** | **13.5** | **344.6** |
| Tambah: Baki Tunai | - | - | - |
| Tambah: Modal Kerja | - | - | - |
| Tambah: Modal Tidak Dipanggil | - | - | - |
| **Bersamaan Nilai Aset Bersih** | **331.1** | **13.5** | **344.6** |
| | | | |
| **Nilai Aset Bersih** | **331.1** | **13.5** | **344.6** |
| **H. Modal Diagihkan** | **-** | **-** | **-** |
| **Jumlah Nilai Aset Bersih tambah Modal Diagihkan (G+H)** | **331.1** | **13.5** | **344.6** |
| | | | |
| **IRR Kasar Tahunan** | **10.6%** | | **6.3%** |
| **IRR Bersih Tahunan (sebelum faedah)** | **8.8%** | | **5.0%** |
| **Pembahagian Keuntungan (RM juta)** | **-** | | **-** |
| **H/B Pengagihan tunai berbanding modal dipanggil** | **-** | | **-** |
| **G/B Nilai aset bersih berbanding modal dipanggil** | **1.2** | | **1.1** |
| **(G+H)/B Jumlah nilai berbanding modal dipanggil** | **1.2** | | **1.1** |
| **B/A Modal dipanggil berbanding modal terikat** | **0.7** | | **0.8** |

* *Termasuk pengagihan modal dilabur semula.*

# 06 LAPORAN PORTFOLIO

## EKUINAS OUTSOURCED (TRANCHE I) FUND

**PADA 31 DISEMBER 2015**

### 3 PRESTASI PELABURAN

**Ringkasan Portfolio pada 31 Disember 2015**

| Dana | Komitmen Ekuinas<br>RM juta | Komitmen Modal Persendirian<br>RM juta | Jumlah Saiz Pelaburan<br>RM juta | Modal Dilabur oleh Ekuinas<br>RM juta | Pelaburan dari pihak lain<br>RM juta | Nilai Aset Bersih<br>RM juta |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Navis Malaysia Growth Opportunities Fund I, L.P.<br>CIMB National Equity Fund Ltd. P.<br>TAP Harimau Fund L.P | 400.0 | 151.9 | 551.9 | 305.7 | 123.6 | 344.6 |

## 06 LAPORAN PORTFOLIO

# EKUINAS OUTSOURCED (TRANCHE II) FUND

**PADA 31 DISEMBER 2015**

### 1 Tinjauan Dana

| | |
|---|---|
| **Nama Dana** | Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund |
| **Tahun Permulaan** | 2013 |
| **Status** | Sedang Dilaburkan |
| **Modal Terikat** | RM240.0 juta |
| **Tempoh** | 7 tahun + 1 tahun |
| **Tempoh Pelaburan** | 3 hingga 7 tahun |
| **Bentuk & Struktur Rasmi** | Satu pengurus dana dan pelbagai pelabur.*<br>Disumber luar kepada dana dan pengurus dana berikut:<br><br>1) Dana: RMCP One Sdn Bhd<br>Pengurus Dana: RMCP Cayman Ltd<br>Domisil Dana: Malaysia<br><br>2) Dana: COPE Opportunities 3 Sdn Bhd<br>Pengurus Dana: CMS Opus Private Equity Sdn Bhd<br>Domisil Dana: Malaysia<br><br>3) Dana: Tael Tijari (OFM) L.P.<br>Pengurus Dana: TAEL Tijari Partners Ltd.<br>Domisil Dana: Cayman Islands |
| **Tumpuan Pelaburan** | Malaysia |
| **Tumpuan Pelaburan Mengikut Peringkat** | Dana Modal Pertumbuhan Minoriti |
| **Tumpuan Pelaburan Mengikut Industri** | Am kecuali senarai pelaburan negatif Ekuinas |

* *Tuas Capital Partners Malaysia Growth I L.P. telah ditamatkan pada 2015.*

# 06 LAPORAN PORTFOLIO

## EKUINAS OUTSOURCED (TRANCHE II) FUND

**PADA 31 DISEMBER 2015**

### 2 Nilai Aset Bersih (NAB) Dana pada 31 Disember 2015

| | 2014 RM juta | Perubahan dalam tahun RM juta | 2015 RM juta |
|---|---|---|---|
| **A. Modal Diperuntukkan** | **240.0** | **-** | **240.0** |
| **B. Modal Dipanggil** | **32.7** | **19.2** | **51.9** |
| **C. Modal Dilabur semula** | **-** | | **-** |
| **D. Jumlah Modal Disediakan (B+C)** | **32.7** | **19.2** | **51.9** |
| **E. Surutan Hutang (Kos Terlunas)** | **-** | | **-** |
| **F. Jumlah Modal Dilabur (D+E)** | **32.7** | **19.2** | **51.9** |
| **Tambah peningkatan/(pengurangan) ke atas Nilai Aset Bersih:** | | | |
| Pendapatan Dividen | - | | - |
| Keuntungan/(Kerugian) Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan | (15.5) | 0.5 | (15.0) |
| Keuntungan/(Kerugian) Direalisasi dari Aktiviti Pelupusan | - | | - |
| Perbelanjaan Faedah | - | | - |
| **Jumlah Pulangan Kasar Portfolio** | **(15.5)** | **0.5** | **(15.0)** |
| Perbelanjaan Organisasi | (2.4) | (1.2) | (3.6) |
| Pengagihan Modal kepada Rakan Terhad (C+H)* | - | - | - |
| **Pengurangan bersih dalam Nilai Aset Bersih** | **(17.9)** | **(0.7)** | **(18.6)** |
| **G. Nilai Aset Bersih** | **14.8** | **18.5** | **33.3** |
| **Nilai Aset Bersih terdiri daripada:** | | | |
| Pelaburan – pada kos | 30.3 | 18.0 | 48.3 |
| Keuntungan/(Kerugian) Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan | (15.5) | 0.5 | (15.0) |
| **Pelaburan pada Nilai Saksama** | **14.8** | **18.5** | **33.3** |
| Tambah: Baki Tunai | - | - | - |
| Tambah: Modal Kerja | - | - | - |
| Tambah: Modal Tidak Dipanggil | - | - | - |
| **Bersamaan Nilai Aset Bersih** | **14.8** | **18.5** | **33.3** |
| | | | |
| **Nilai Aset Bersih** | **14.8** | **18.5** | **33.3** |
| **H. Modal Diagihkan** | **-** | | **-** |
| **Jumlah Nilai Aset Bersih tambah Modal Diagihkan (G+H)** | **14.8** | **18.5** | **33.3** |
| | | | |
| **IRR Kasar Tahunan** | **N/M** | | **N/M** |
| **IRR Bersih Tahunan (sebelum faedah)** | **N/M** | | **N/M** |
| **Pembahagian Keuntungan (RM juta)** | **-** | | **-** |
| **H/B Pengagihan tunai berbanding modal dipanggil** | **-** | | **-** |
| **G/B Nilai aset bersih berbanding modal dipanggil** | **0.5** | | **0.6** |
| **(G+H)/B Jumlah nilai berbanding modal dipanggil** | **0.5** | | **0.6** |
| **B/A Modal dipanggil berbanding modal terikat** | **0.1** | | **0.2** |

* *Termasuk pengagihan modal dilabur semula.*

## 06 LAPORAN PORTFOLIO

# EKUINAS OUTSOURCED (TRANCHE II) FUND

**PADA 31 DISEMBER 2015**

### 3 PRESTASI PELABURAN

**Ringkasan Portfolio pada 31 Disember 2015**

| Dana* | Komitmen Ekuinas | Komitmen Modal Persendirian | Jumlah Saiz Pelaburan | Modal Dilabur oleh Ekuinas | Pelaburan dari pihak lain | Nilai Aset Bersih |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | RM juta | RM juta | RM juta | RM juta | RM juta | RM juta |
| RMCP One Sdn Bhd<br>COPE Opportunities 3 Sdn Bhd<br>Tael Tijari (OFM) L.P. | 240.0 | 110.1 | 350.1 | 48.3 | 26.4 | 33.3 |

| | |
|---|---|
| **IRR Kasar** | **N/M** |
| **IRR Bersih** | **N/M** |

Prestasi kewangan Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund tidak dibentangkan kerana dana tersebut masih berada di peringkat awal pelaburan.

* *Tuas Capital Partners Malaysia Growth I L.P. telah ditamatkan pada 2015.*

# NOTA LAPORAN PORTFOLIO

**1 Nota Laporan Portfolio**

Juruaudit luar, PwC, ditugaskan oleh Ekuinas untuk melaksanakan prosedur-prosedur tertentu bagi memuktamadkan Laporan Portfolio di halaman 127 hingga 139 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015. PwC telah menyemak maklumat yang terkandung dalam Nilai Aset Bersih Dana dan Prestasi Pelaburan setakat 31 Disember 2015 yang dimuatkan dalam laporan ini untuk menyokong data sumber yang berkenaan dan telah membuat semula pengiraan, di mana perlu.

# 07 GLOSARI

**Pelaburan *Buy-out***
**(juga dikenali sebagai MBO-LBO-MBI–BIMBO)**
Pelaburan *buy-out* membolehkan pengurusan operasi sedia ada dan pelabur untuk memperoleh atau membeli pegangan saham ketara dalam syarikat yang diuruskan. Syarikat ekuiti persendirian biasanya mendapatkan kepentingan majoriti dalam ekuiti syarikat yang disasarkan apabila *buy-out* berlaku.

**Strategi "Beli dan Bina"**
Strategi yang menyokong pertumbuhan organik portfolio syarikat melalui perolehan tambahan.

**Pelaburan *Bolt-on***
**(juga dikenali sebagai Pelaburan Tambahan)**
Pelaburan yang dilaksanakan melalui syarikat portfolio sedia ada, kebiasaannya perniagaan dalam industri yang sama, dan memberikan nilai strategik.

**Pelaburan Bersama**
Pelaburan bersama ialah pelaburan minoriti yang dibuat bersama-sama pelabur ekuiti persendirian yang lain. Ianya pasif dan merupakan satu pelaburan tiada kepentingan kerana syarikat ekuiti persendirian yang terlibat biasanya menjalankan fungsi kawalan dan pemantauan.

**Komitmen**
Jumlah modal tertentu yang dijanjikan untuk dana ekuiti persendirian. Jumlah komitmen kepada dana ekuiti persendirian adalah bersamaan dengan jumlah saiz dana.

**Pelaburan Komited**
Amaun modal yang telah dikhususkan untuk pelaburan dalam syarikat portfolio.

**Surutan (*Drawdown*)**
Perbuatan memindahkan modal yang telah dikhususkan kepada dana untuk membuat pelaburan.

**Pasaran Baharu Muncul**
Dana yang melabur dalam ekuiti atau memberi pinjaman kepada pasaran baharu muncul yang selalunya mempunyai pertumbuhan yang tinggi dan mudah berubah.

**Dana kepada Kumpulan Wang**
Instrumen kewangan yang melabur dalam beberapa kerjasama ekuiti persendirian. Program Penyumberan Luar Ekuinas adalah Dana kepada Kumpulan Wang di mana Ekuinas mengumpulkan modal dengan pengurus dana ekuiti persendirian pihak ketiga yang telah dilantik untuk melabur bagi pihaknya.

**Rakan Am (*General Partner*)**
Rakan Am bertanggungjawab menguruskan portfolio dan keuntungan dana ekuiti persendirian.

**Modal Pertumbuhan**
Modal pertumbuhan merujuk kepada dana yang digunakan untuk menggalakkan pertumbuhan syarikat atau digunakan untuk mengembangkan perniagaan.

**Rakan Terhad (*Limited Partner*)**
Institusi atau pelabur individu/sofistikated yang menyumbang modal kepada dana ekuiti persendirian. Dalam kes Ekuinas, Rakan Terhadnya ialah Yayasan Ekuiti Nasional/ Kerajaan Malaysia.

**Fi Pengurusan**
Fi pengurusan ketika tempoh pelaburan adalah dikira sebagai peratusan fi yang dikenakan ke atas komitmen yang dibuat oleh rakan terhad kepada dana. Penentu utama beban kerja Rakan Am adalah mencari potensi pelaburan dan ini dipacu oleh saiz jumlah komitmen kepada dana dan bukan amaun sebenar yang dilaburkan pada tahap tertentu dalam jangka hayat dana.

**Kadar Pulangan Dalaman (IRR) Bersih %**
Kadar Pulangan Dalaman Bersih diterima oleh Rakan Terhad selepas ditolak fi dan carry. Kadar pulangan dalaman adalah berdasarkan aliran tunai direalisasi dan penilaian faedah berbaki dalam perkongsian. IRR adalah angka anggaran, kerana ia bergantung bukan sahaja kepada aliran tunai tetapi juga penilaian aset yang tidak direalisasi.

**Syarikat Portfolio/Syarikat Penerima Pelaburan**
Syarikat portfolio atau syarikat penerima pelaburan ialah syarikat atau entiti di mana dana ekuiti persendirian melabur. Kesemua syarikat ini disokong oleh syarikat ekuiti persendirian dan diletakkan di bawah portfolio pelaburan.

**Kerjasama Awam-Swasta**
Persetujuan/perjanjian kontraktual di antara badan-badan awam, pihak berkuasa tempatan atau kerajaan pusat dengan syarikat-syarikat swasta untuk menghasilkan projek umum, sosial atau infrastruktur ekonomi.

**Sektor Tumpuan**
Dana yang dilaburkan khusus dalam perniagaan yang beroperasi dalam industri atau sektor tertentu dalam ekonomi.

**Modal Teroka**
Modal teroka adalah sejenis pelaburan ekuiti persendirian yang memberi modal kepada perniagaan baru dan sedang berkembang. Dana teroka ini melabur dalam syarikat-syarikat permulaan dan perniagaan kecil yang mempunyai potensi untuk berkembang dalam jangkamasa panjang.

Berdasarkan definisi di *www.preqin.com* dan kegunaan dalaman yang diterima pakai di Ekuinas.

*Muka surat ini sengaja dikosongkan.*

www.ekuinas.com.my

**Ekuiti Nasional Berhad** 868265 U

Aras 13 Menara Surian, No 1 Jalan PJU 7/3, Mutiara Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor

Tel: +603 7710 7171 Faks: +603 7710 7173